

DR.7.12.2000

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 7 Disember 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Klang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah syarikat atau agensi pekerja asing yang telah diberi lesen untuk mengambil pekerja asing selain daripada pembantu rumah, iaitu untuk kilang-kilang, bidang pembinaan dan estet. Senaraikan nama-nama agensi berkenaan serta bilangan pekerja asing yang dibawa masuk oleh setiap agensi untuk tahun 1998, 1999 dan 2000.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, kerajaan tidak pernah mengeluarkan lesen kepada mana-mana syarikat ataupun agensi pekerja asing di negara ini untuk mengambil pekerja asing untuk sektor kilang, pembinaan dan perladangan. Sekian, terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Soalan tambahan. Saya telah menerima banyak aduan daripada pengilang-pengilang bahawa permohonan mereka untuk mendapat pekerja asing jarang dapat diluluskan tanpa membuat bayaran kepada sindiket melalui orang tengah. Kadang-kadang mereka kena tunggu berbulan-bulan, ada yang kena tunggu selama 1 tahun sebelum mereka dapat jawapan daripada kementerian dan sentiasa jawapannya itu ialah permohonan mereka telah ditolak. Ada yang mendapat pekerja selepas mereka buat rayuan kepada pihak yang berkuasa tetapi bilangan pekerja yang diluluskan ini jauh daripada jumlah yang mereka minta. Misalnya yang minta 200, yang dapat 20 sahaja. Tetapi sekiranya mereka membayar

melalui orang tengah, satu jumlah yang agak besar, misalnya setiap pekerja asing mereka kena bayar sebanyak RM400. Dan, selepas ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Persoalannya, Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Ya. Saya kena jelaskan keadaan seperti ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dan, saya ingin tahu bagaimana pihak kementerian Yang Berhormat dapat menyelesaikan masalah seperti ini. Adakah pihak kementerian Yang Berhormat bercadang mengadakan satu memorandum dengan PPRT supaya masalah dan keadaan yang tidak sihat ini dapat dikawalkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti saya katakan tadi, sekarang ini kerajaan tidak membenarkan penubuhan agensi-agensi untuk mendapat pekerja asing. Memang Kerajaan sedar tentang beberapa kelemahan yang telah berlaku di beberapa tahun yang lepas, maka oleh yang demikian pada dua tahun yang lepas, kerajaan telah pun membuat satu keputusan iaitu jika mana-mana syarikat atau majikan yang ingin mendapat pekerja-pekerja asing mereka tidak harus atau tidak dibenarkan untuk memohon melalui ejen-ejen, sama ada secara sah atau tidak.

Sebenarnya semua ejen ini tidak sah sekarang. Tidak payah ejen. Tidak payah pihak perantaraan. Jika majikan ingin memohon maka mereka terus mendapat borang daripada Kementerian Dalam Negeri, dan jika borang ini dapat diisi dengan penuh, jika syarikat ini menepati semua syarat-syarat maka permohonan ini akan dimajukan ke Jawatankuasa Teknikal Permohonan Pekerja Asing. *One stop* sahaja. Macam *one-stop* agensilah. Dan, jika diluluskan oleh jawatankuasa ini, majikan terus boleh berhubung dengan pihak-pihak di negara sumber. Katalah misalnya pihak Indonesia, maka majikan di sini boleh berhubung dengan ejen di negara sumber, untuk dapat menemuduga dengan pekerja-pekerja asing, dan jika semua okey, akan dapat masuk ke negara kita.

Dari segi aduan dari setengah-setengah syarikat, di mana mereka mengatakan permohonan mereka tidak dilayan. Ini bermaksud setiap permohonan bila sampai ke Jawatankuasa Teknikal Permohonan Pekerja Asing maka semua syarat-syarat harus

ditepati oleh syarikat khususnya sama ada barang-barangan yang dikeluarkan oleh kilang berkenaan adalah berorientasi eksport atau tidak. Dan, buat masa ini kerajaan memang cukup berhati-hati bila meluluskan pengambilan pekerja asing memandangkan buat masa ini kita membuat 726,159 orang pekerja asing yang melibatkan di semua sektor di negara kita. Dan, jika sebuah syarikat diberikan kelulusan untuk mengambil pekerja asing, kita juga harus melihat sama ada nisbahnya, kalau sebuah kilang ingin mendapat 200 pekerja, jawatankuasa ini akan pertimbangkan juga.

Apakah nisbah pekerja asing dan pekerja tempatan. Kalau kita seolah-olah hendak pekerja asing sahaja, memang tidak boleh. Kalau macam itu tiaptiap kilang ataupun tiap-tiap seorang majikan ingin sahaja pekerja asing, pekerja tempatan tidak mahu. Ini memang tidak munasabahlah. *So*, kita kena pertimbang juga. Katalah 10 orang pekerja, jika syarikat itu telah mempunyai 6 orang pekerja tempatan lepas itu bakinya 4 orang, kemungkinan jawatankuasa ini akan memberi pertimbangan supaya kelulusan diberikan untuk dua atau tiga orang dalam setiap sepuluh orang. Ini adalah sedikit sebanyak penjelasan, saya ingin beritahu kepada Yang Berhormat. Sekian.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sepanjang tempoh tahun lalu, adakah terdapat agensi pekerja asing yang dibatalkan lesen. Jika ada, apakah kesalahan-kesalahan yang dilakukan dan berapa jumlah agensi pekerja asing telah dibatalkan sejak tahun 1999. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, selain daripada agensi pekerja asing bagi pembantu rumah, lain-lain pekerja asing memang kerajaan tidak mengiktiraf mana-mana pihak sebagai agensi. Sejak dahulu pun. Walaupun kerajaan sedar bahawa ada setengah pihak yang mempunyai hubungan baik di pejabat imigresen dan Kementerian Dalam Negeri pada dahulu, memang memainkan peranan pihak perantara. Dan, kerajaan sedar begitu banyak rungutan, masalah yang telah berbangkit maka sekarang ini permohonan terus dibuat kepada Kementerian Dalam Negeri dan tidak ada syarikat ejen-ejen pekerja asing. Maka, soalan Yang Berhormat, saya tidak dapat jawab sebab tidak mempunyai ejen dan berapa syarikat telah dibatalkan permit, tidak timbul sama sekali. Sekian.

[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] tidak hadir].

3. **Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kerajaan mengambil sebarang langkah untuk memastikan kualiti wang kertas memandangkan wang kertas yang baru diedarkan di dalam pasaran di dapati mudah lusuh dan koyak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut bagi memastikan kualiti wang kertas yang berada di pasaran sentiasa berkeadaan baik.

- (i) Mengarahkan institusi kewangan supaya menyerahkan semua wang kertas lusuh dan koyak yang diterima dari orang ramai ke cawangan-cawangan Bank Negara Malaysia untuk dimusnahkan. Dan, memastikan hanya wang kertas yang elok sahaja diedarkan semula.
- (ii) Meningkatkan keberkesanan sistem pengedaran wang kertas supaya bekalan wang kertas baru dan yang berkeadaan baik senang diperolehi dari orang ramai serta proses menarik balik wang kertas lusuh dari edaran dapat dilakukan dengan kadar segera.
- (iii) Mengadakan sesi ceramah, taklimat dan penerangan kepada institusi kewangan dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pengendalian wang tunai bagi memberi kesedaran dan sentiasa prihatin terhadap kualiti wang kertas di dalam edaran. Di samping itu kerajaan akan terus memantau dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan kualiti wang kertas yang berada di dalam edaran berkeadaan baik dan memuaskan.

Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini zaman e-commerce di mana credit card menjadi popular sama ada pembelian di stesen minyak,

supermarket dan sebagainya. Sejauhmana kekurangan pengeluaran wang kertas kerana credit card mengambil tempat itu.

Dan, soalan yang kedua, wang kertas RM2 terlalu tidak berkualiti, mudah koyak dan mudah pecah di tengahnya. Adakah Kementerian Kewangan bercadang supaya wang RM2 ini dihapuskan kerana wang RM1 sekarang muncul semula dalam pasaran kita.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti Yang Berhormat katakan tadi bahawa penggunaan credit card sekarang ini telah semakin popular dan digunakan ramai orang dan dalam masa yang sama juga wang-wang kertas masih lagi digunakan. Tetapi selaras dengan perkembangan ekonomi yang seperti yang Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa dari masa ke semasa mungkin kita akan menuju ke sasaran ke arah mengurangkan penggunaan wang kertas seperti Yang Berhormat sebutkan tadi.

Yang kedua, dari segi mutu wang kertas RM2. Sebenarnya Bank Negara berpuas hati dengan mutu wang kertas yang dicetak sekarang ini. Cuma keadaan lusuh dan koyak seperti Yang Berhormat sering temui itu mungkin kerana sudah terlalu lama digunakan dan bertukar tangan di pasaran maka kerana itu wang kertas itu tidak elok seperti yang ada. Bank Negara mengambil tindakan supaya institusi kewangan memulangkan balik wang kertas itu untuk dimusnahkan kemudian digantikan dengan wang baru. Dan, individu juga digalakkan kalau ada wang kertas yang lusuh, koyak dan tidak memuaskan itu, boleh kita serahkan kepada bank untuk diganti dengan wang baru dan kita pastikan bahawa wang yang diedarkan itu dalam keadaan elok dan tidak seperti dalam keadaan sekarang ini. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Untuk memastikan kualiti wang kertas itu sentiasa dalam keadaan yang baik ia bukan sahaja tidak mudah koyak bahkan dari segi sekuritinya kita hendak menjamin ia tidak mudah bagi sindiket mencetak wang palsu. Jadi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini bagaimana kerajaan memilih pencetak wang kertas ini. Sama ada ramai pemohon daripada syarikat-syarikat yang menjadi pencetak wang dan apakah syarat-syarat yang harus dipenuhi untuk pemohon yang layak menjadi pencetak wang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kluang. Sebenarnya masalah pencetakan wang adalah merupakan satu perkara yang cukup diberikan perhatian kerana ia melibatkan soal keselamatan negara kita. Sebenarnya pemilihan syarikat-syarikat yang mencetak wang kertas itu dilakukan secara begitu ketat, begitu teliti. Ianya dilakukan secara sistem tender di mana pencetak-pencetak terpaksa melalui satu tapisan prakelayakan yang cukup ketat sebelum ia disenaraipendekkan untuk dipilih oleh Bank Negara.

Di antara syarat-syarat yang mesti dipenuhi ialah dari segi rekod kerja percetakan yang cemerlang, *track record* syarikat tersebut, kepakarannya dalam bidang pencetakan wang dan reputasi syarikat. Dan, kita pilih yang terbaik di antara yang telah kita senarai pendekkan itu dan setakat ini kita memilih daripada syarikat-syarikat yang benar-benar mempunyai reputasi dan cemerlang rekodnya. Misalnya, kalau boleh saya berikan contoh, kita pilih syarikat daripada DILARU, *Currency International England*. Itu antara syarikat yang kita pilih dan mempunyai track rekod yang cukup baik dan syarikat ini mencetak wang RM1, RM2, RM10, RM100. Dan, lepas itu kita juga tidak dimonopoli oleh satu syarikat tetapi kita juga ada persaingan dengan syarikat-syarikat yang lain yang kita pilih daripada Jerman, Perancis, Kanada supaya ada satu *competition*, persaingan dan kita pilih yang terbaik di antara yang baik ini. Terima kasih.

4. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan prestasi perumahan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Apakah masalahnya termasuk semua rancangan di Kuala Lumpur. Bilakah matlamatnya akan tercapai.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, penyediaan perumahan yang mencukupi terus diberi penekanan bagi memastikan rakyat Malaysia terutamanya golongan berpendapatan rendah mendapat peluang untuk memiliki rumah atau disewa. Dalam tempoh tersebut kerajaan telah menetapkan untuk membina sebanyak 800,000 unit rumah mengikut kategori di seluruh negara. Daripada rekod yang kementerian saya perolehi setakat ini prestasi perumahan di

bawah Rancangan Malaysia Ketujuh secara keseluruhannya dijangka melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu kira-kira 860,000 unit telah dicapai iaitu 107% pencapaiannya.

Secara amnya pelaksanaan rancangan perumahan di Kuala Lumpur menghadapi masalah di mana walaupun pihak pemaju perumahan swasta menunjukkan prestasi yang membanggakan tetapi keupayaan mereka menyediakan perumahan kos rendah dan perumahan kos sederhana rendah adalah pada tahap kurang daripada 15% daripada jumlah rumah yang dapat disiapkan di Kuala Lumpur dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Faktor kos tanah yang tinggi dan penawaran kawasan untuk perumahan yang terhad merupakan masalah yang utama dihadapi oleh pemaju perumahan swasta dalam menyediakan perumahan di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi masalah perumahan di bandar-bandar besar seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerajaan telah melaksanakan beberapa program khusus seperti memperbanyakkan lagi pembinaan rumah untuk disewa khususnya untuk setinggan melalui Program Perumahan Rakyat Bersepadu di mana sebanyak 34,000 unit rumah dijangka akan disiapkan menjelang tahun 2003 hingga 2005.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang berkesan yang telah dan akan diambil oleh Yang Berhormat untuk menangani faktor-faktor bilangan dan kualiti rumah walaupun ada disebutkan tadi lebih 460 unit sahaja dibina, kalau itulah angkanya ini memang ke arah yang betul. Walau bagaimanapun, faktor dan kualiti untuk bilangan rumah kos rendah misalnya di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dianggarkan matlamat 7,856 dan juga oleh pihak swasta 9,974 termasuk 17,172 unit untuk orang-orang miskin dan faktor-faktor dan masalah-masalah yang timbul kerana pihak kementerian sudah merancang untuk mengadakan Tribunal Perumahan dan juga peruntukan yang banyak termasuk Syarikat Perumahan Negara Berhad dengan modal RM2 bilion dan dana pusingan perumahan rumah kos rendah, kempen pemilikan rumah, program pemulihan perumahan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjanglah itu Yang Berhormat, apa soalnya.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu soalan sahaja. Program...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang hurai panjang sangat buat apa.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu masalah panjang soalan mesti panjang, *[Ketawa]* kerana kepincangan dan kecurangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan mula-mula tadi Yang Berhormat, saya dengar apakah langkah-langkah yang....

Dr. Tan Seng Giaw: Langkah-langkah untuk menangani semua faktor termasuklah, saya tambah lagilah faktor-faktor program penyusunan kampung tradisional dan kekurangan di dalam pelaksanaan program perumahan bersepadu dan Akta Standard Minimum Kemudahan dan Perumahan Pekerja dan akhirnya mengenai sistem penilaian kualiti pembinaan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Itulah semuanya. Banyak faktor lagi termasuk prestasi Jabatan Perumahan Negara pun terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong sendiri tak dapat banyak maklumat. Saya rasa dia pun bukan benar-benar perlu jawapan dari saya. Dia pun nampak mahir dan tahu sangat. Tetapi apa yang saya boleh jamin di sini kementerian saya memang dalam satu tahun ini dan tahun-tahun akan datang kita tengah tungkus-lumus untuk membaiki segala keadaan di mana kalau terdapat kelemahan terutamanya Jabatan Perumahan Negara akan memastikan semua projek-projek rumah kos rendah, terutamanya Projek Perumahan Rakyat yang terus di bawah kawal selia JPN dipastikan akan dibina dengan kualiti yang baik, kerana ini tidak akan melibatkan faktor profit atau keuntungan kerana ini adalah satu projek yang kerajaan buat dan kita pastikan rumah standard yang minimum itu dipatuhi. Sebagai contoh, orang kata buat satu flat kos rendah hanya dua bilik, satu tandas itu tak berapa sesuai. Kali ini kita tetapkan tiga bilik, dua tandas dan keluasannya mesti sekurang-kurangnya 600 lebih kaki persegi dan sebagainya. Dari segi maintenance semuanya akan dikawal selia dengan adanya akta baru iaitu Akta

Penyelenggaraan Harta Bersama yang kita harap boleh dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang dan sekarang pun kita sudah siap draf.

Yang Berhormat tanya sangat luas. Dia tanya juga penyusunan kampung tradisi. Ini sebenarnya sudah jauh daripada perumahan ini. Tetapi tetap kampung tradisi, kampung tersusun, kampung baru semua kampung-kampung tetap dapat perhatian yang serius daripada kementerian saya terutamanya saya sendiri sebagai Menteri. Bagi kualiti pemaju-pemaju swasta kami juga tetap mengawasi dengan adanya rundingan, dialog yang berterusan dan kami juga dengan dapat kerjasama daripada CIDB, JPN, dan kementerian saya sentiasa buat kajian untuk buat penyelidikan untuk kenakan kepiawaian dan juga sistem pemantauan yang lebih berkesan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu tindakan kerajaan ke atas pemaju-pemaju perumahan berhubung dengan projek-projek yang terbengkalai, sedangkan peminjam telah pun mendapat pinjaman dan terpaksa bayar pinjaman tetapi rumah belum siap. Jadi, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian kerana bilangan mereka yang terbabit begitu ramai, pinjaman telah pun mereka perolehi tetapi rumah belum siap. Adakah mereka akan dapat balik rumah tersebut ataupun pinjaman tersebut akan dibayar balik? Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang setiap kali apabila timbulnya satu krisis ekonomi maka macam-macam masalah termasuk projek terbengkalai wujud. Tetapi kementerian saya sedang berunding dengan Kementerian Kewangan di mana Tabung Projek Terbengkalai telah pun dipulih, dihidup semula tetapi tabung itu adalah di bawah jagaan Kementerian Kewangan. Kedua-dua kementerian sedang berbincang bagaimana kita hendak selamatkan terutamanya sebagai permulaan ada 40 lebih projek yang dikatakan viable iaitu boleh diselamatkan dan ada juga projek-projek yang memang belum mula pun, ia tak boleh buat apa lagi dan pembeli pun sudah tak minat. Kalau macam itu susah untuk diselamatkan. Walau bagaimana pun kepentingan pembeli rumah tetap akan diberi keutamaan. Tiap-tiap satu projek ada kerumitan yang berlainan, kita kena tengok case by case macam mana hendak bantu dan saya rasa tidak lama lagi tabung ini akan dapat diguna dan tabung

ini akan dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara di bawah Kementerian Kewangan.

[Soalan No. 5 - Y.A.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang) tidak hadir]

6. **Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]** minta Menteri Penerangan menyatakan:-

- (a) sejak bila RTM membeli filem-filem keluaran Israel untuk ditayangkan oleh RTM; dan
- (b) apakah ahsan kerajaan membenarkan RTM berbuat demikian.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RTM tidak membeli atau menayangkan filem-filem keluaran Israel.

Tuan Husam bin Haji Musa: Pada satu hari, hari Ahad, RTM2, satu filem komedi telah disiarkan di antara jam 12.00 hingga 12.30 tengah hari dan nama penerbit filem ini tidak dicatatkan. Tetapi daripada latar belakang filem ini saya menyaki bahawa filem ini telah dikeluarkan oleh penerbit Israel. Yang pertama ialah filem komidi ini, *Candid Camera* menggambarkan suasana pasar di Israel di Tel Aviv dan ini jelas berdasarkan nama-nama kedai dan surat khabar yang dibaca dalam filem ini juga adalah surat khabar Israel. Tanda harga bagi barang-barang adalah dalam mata wang Israel - Syekal. Jadi, berasaskan ini saya rasa filem ini adalah keluaran Israel, lebih-lebih lagi nama penerbit yang tidak dicatatkan. Saya mohon penjelasan tentang perkara ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat syak, saya akan siasat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Apakah kerajaan akan memastikan bahawa sebarang filem yang akan dikeluarkan oleh Israel ataupun lebih lanjut lagi oleh mana-mana mereka yang kuat menyokong Israel tidak akan dibeli oleh RTM dan juga syarikat-syarikat penyiaran tempatan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya sudah jawab.

7. **Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengimbangi bilangan pelajar bumiputera dan bukan bumiputera di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Sila perincikan peratusan pelajar bumiputera dan bukan bumiputera mengikut jurusan pengajian yang menuntut di IPTS dewasa ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ucap selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengimbangi pelajar bumiputera dan bukan bumiputera di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah-langkah berikut;

- (i) menawarkan pinjaman pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada pelajar bumiputera;
- (ii) menggalakkan penubuhan IPTS di kawasan Lembah Kelang dan bandar-bandar besar;
- (iii) kita mengawal yuran pengajian di IPTS;

Peratusan pelajar bumiputera dan bukan bumiputera mengikut pengajian yang menuntut di IPTS sehingga 31 Disember 1999, ini 1999 sahaja Yang Berhormat, adalah seperti berikut:

		Bumiputera	Bukan Bumiputera
Sains Teknikal	-	16.5%	83.5%
Sains bukan Teknikal	-	41.2%	58.8%
Sastera	-	55.7%	44.3%

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya ingin tanya Yang Berhormat sama ada apa peranan kerajaan untuk memastikan bahawa IPTS-IPTS yang menjalankan kegiatan perniagaan supaya tidak mengambil keuntungan yang melampaui batas kerana mereka juga mempunyai tanggungjawab sosial mereka untuk memastikan memberi pelajaran kepada anak-anak tempatan. Jadi, apakah langkah-langkah kerajaan supaya syarikat-syarikat yang menawarkan kolej-kolej ini supaya tidak melampaui dalam pengambilan keuntungan daripada pelajar-pelajar ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya rasa sudah banyak kali saya beri jawapan mengenai dengan itu. Walau bagaimanapun, sebagai menghormati juga Yang

Berhormat bagi Kemaman, kita sentiasa memantau keadaan ini dan kita tidak mengizinkan bahawa IPTS tadi membuat keuntungan yang berlipat ganda. Malah pada pandangan saya ada di kalangan IPTS ini juga telah mengadakan peruntukan seperti biasiswa kepada penuntut-penuntut mereka. Ada dilakukan. Malah setiap kali apabila adanya education fare, ini telah diisytihar dan dinyatakan oleh pihak mereka. Tetapi kita sebagai kerajaan, kita tetap memantau keadaan ini dan juga menjaga mutu pendidikan yang ditawarkan oleh pihak mereka.

Di samping itu juga, mengenai dengan bumiputera dan bukan bumiputera ini, kita telah menyatakan oleh kerana dasar kita pendemokrasian pendidikan tadi, di mana ramai daripada mereka sudah sampai kepada tahap untuk mendapat akses kepada pengajian tinggi. Dengan ini saya merasakan bahawa IPTS juga sebagai memainkan peranan mereka bagi menampung tempat-tempat ini sekiranya bagi mereka yang tidak berpeluang ke IPTA. Oleh itu, saya minta bagi anak-anak bumiputera yang tidak dapat berpeluang ke IPTA harapan kita ialah supaya mereka juga mencari jalan mendapat akses kepada IPTS. Oleh itu, tidaklah mereka merasa diri mereka itu seolah-olah orang yang sudah menjadi drop out di dalam pengajian tinggi mereka. Ini adalah harapan kita.

Walau bagaimanapun, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa pihak kerajaan tetap menjalankan tanggungjawabnya menentukan supaya yuran itu sentiasa terkawal dan tidaklah banyak keuntungan yang akan diperolehi oleh pihak yang menjalankan IPTS tadi. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah perbezaan yuran di antara IPTA dan IPTS di negara kita setakat ini?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Memang ada perbezaan, Yang Berhormat. Tetapi untuk menyatakan secara terperinci saya tidak dapat menyatakan kerana saya perlukan notis yang panjang sedikit oleh kerana saya terpaksa mendapatkan maklumat ataupun fakta yang jelas. Kita tidak boleh menyatakan sembarangan sahaja. Walau bagaimanapun, tetapi saya nyatakan di sini di IPTA pihak kerajaan memberi subsidi kepada setiap penuntut tidak kira apa latar belakangnya, agamanya, bangsanya, kerajaan memberi subsidi lebih daripada 90%. Misalnya, saya ambil contoh di sini, untuk mengeluarkan penuntut perubatan misalnya, kerajaan terpaksa membelanja

RM48,000 lebih setahun, manakala penuntut hanya dikehendaki membayar RM1,800 sahaja. Bayangkan pihak kerajaan yang di pimpin oleh Barisan Nasional yang bertanggungjawab terpaksa menanggung ini semua. Jadi, harapan kita sebab itu kita kata mana-mana pihak pun janganlah cuba main politik di kampus kerana ini membuang masa sahaja. Ini politik partisan maksud saya. Seperti hari ini yang telah dinyatakan dalam surat khabar, bayangkan ini [*sambil menunjukkan surat khabar*] dalam *Utusan Melayu*, [*Menyampuk*] 'Gejala tidak sihat di UUM'. Bayangkan, kita yang belanja untuk mereka menjadi insan yang bertanggungjawab dan mereka ini kadangkala diperalatkan oleh pihak-pihak yang tak bertanggungjawab dalam politik partisan mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Payah juga, bila Menteri jawab pendek gaduh pendek, bila panjang gaduh panjang. [*Ketawa*] Jadi, Pengerusi yang jadi serba salah. Hendak cari puas hati semua nampaknya susah benar kali ini.

8. Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap] minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) adakah pelajar-pelajar IPTA, IPTS dan matrikulasi swasta serta awam yang meminjam daripada Dana Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (DTPTN) dikenakan faedah dan berapakah kadar faedahnya tersebut serta apakah signifikannya syarat itu dikenakan; dan
- (b) adakah pelajar yang meminjam daripada dan DTPTN akan diberi biasiswa jika mereka mendapat kepujian tertinggi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, sebab saya bila memberi jawapan itu saya hendak tentukan supaya semua pihak berasa puas hati, bila balik tidak merasa hampa diri. [*Ketawa*]

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ada komen lagi. Terima kasih Yang Berhormat. Komen itu terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, bagi:

- (a) Pinjaman pendidikan yang disediakan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dikenakan kos perkhidmatan sebanyak 4% setahun. Saya ulangi kos perkhidmatan sebanyak 4%. Oleh itu saya tidak dapat boleh menjawab sepertimana soalan Yang Berhormat tadi yang dikatakan kita kenakan faedah, yang itu saya tidak boleh pakailah, sebab itu saya pakai jawapan saya 'perkhidmatan', kita tidak pakai 'faedah', sebab kita Kerajaan Barisan Nasional tidak bercadang untuk membuat riba, setahun yang dikira berasaskan baki bulanan berkurangan. Pengenaan kos perkhidmatan bertujuan menampung sebahagian daripada jumlah kos yang ditanggung oleh PTPTN dalam mengurus dan menyelenggara akaun pelajar yang meliputi jangka masa panjang iaitu antara 13 hingga 25 tahun. Bayangkan kalau kita kena faedah 15 tahun, bayangkanlah. Itu kalau kita kena faedah, tetapi kita tidak kenakan. Kita Barisan Nasional kita akur dalam tuntutan Islam, tidak ada kita kenakan pun riba. Inilah PAS, mintalah harap faham apa yang kita lakukan, janganlah buat tuduhan sembarangan.
- (b) Buat masa ini PTPTN belum bercadang untuk melaksanakan pinjaman boleh ubah kepada biasiswa kepada pelajar yang memperolehi kejayaan peringkat tertinggi.

Sebagai makluman lain, ada disebutkan mengenai dengan pinjaman pendidikan yang diberikan oleh PTPTN dikehendaki dibayar sepenuhnya tanpa sebarang pengecualian sekiranya ia mendapat pekerjaan sesudah mereka diijazahkan, kalau dia dapat pekerjaan. Kalau tidak ada pekerjaan, dia tidak perlu bayar. Terima kasih.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Datuk Supar, Setiausaha Parlimen, singkatannya Supar. [Ketawa] Masalahnya begini Dato', mengikut kaedah Islam, saya katakan mengikut kaedah Islam, apabila kita memberi hutang kepada sesuatu pihak dan dikenakan

syarat, itu adalah faedah, itu adalah riba, ini kaedah Islamlah kecuali UMNO tak kira Islam, itu lain soallah. Kemudian

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, itu tidak betul itu. Jangan macam itu Yang Berhormat, menyakit hati kepada orang itu. Tak boleh! Buat tuduhan macam itu tidak boleh Yang Berhormat, saya pun tidak berapa hendak terima, sebab saya pun UMNO.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tidak a pa, tidak apa. Masalahnya dia tidak kira sedikit atau banyak, walaupun 2%, 1%, 4% ia dikira apabila ada syarat bayar lebih itu adalah riba. Kalau kita hendak kata sedikit itu tidak apa-apa, tidak menjadi mudarat, umpamanya beginilah. Kita hendak pergi makan kenduri, Dato' dijemput pergi makan kenduri, dia pun memasak gulai satu kawah, termasuk tahi ayam pandu sedikit dalam itu, biar dalam gulai itu sedikit sahaja

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hm, cukup Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tetapi itu dikira

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, persoalannya pun saya pun tidak faham. Ini syarahan mengenai riba dan bukan riba.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Jadi, saya hendak pergi kepada soalanlah ini, sebab Dato' kata kita tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Pihak sana kata kita tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak boleh jawab, saya agak dia tidak boleh jawab mengenai dengan istilah

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Jadi, saya hendak bertanya, apakah satu kaedah lain yang kalau sekiranya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, itu mungkin.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Kalau sekiranya kita tidak kenakan syarat, sebab Terengganu memberi pinjaman tanpa syarat dan tidak mengambil apa juga

service chargekah apakah, sebab kalau dia berhutang RM40,000 maka RM40,000 lah bayar balik. Fasal kata Malaysia duit banyak, apa hendak kira 4% ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, cukup. Terpulang kepada Supar hendak jawab atau tidak hendak jawab.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih juga Yang Berhormat Padang Terap, orang Kuala Nerang ini.

Saya sebenarnya bila saya sebut riba apabila kita mendengar pihak PAS, kerap kali dia menuduh pihak kita kenakan riba. Bagi saya, pemahaman riba ini dalam bahasa Inggeris dikatakan usury, bukan interest. Interest lain, usury lain. Maknanya di sini ialah kalau kita beri pinjaman RM100 dibayar RM200, kalau dahulu orang kata ini riba, kita buat 100% daripada apa yang kita beri pinjaman. Di sini kita beri pinjaman, kita kenakan wang perkhidmatan, malah saya telah sebutkan masa dalam Jawatankuasa, perbincangan mengenai belanjawan, saya telah katakan, kita akan mengkaji 4% tadi yang kita kenakan dan tadi saya bercakap bahawa saya sudah katakan, kita tidak kenakan riba, kita minta wang pengurusan itu. Apakah salah kalau kita minta wang pengurusan. Memang saya tidak tahulah macam mana Terengganu hendak buat, itu soal Kerajaan Negeri Terengganu. Tetapi bagi pihak kita, Kerajaan Pusat, kita tetap hendak membantu pelajar-pelajar kita dapat mengikuti kursus-kursus di pusat-pusat pengajian tinggi. Misalnya saya beri contoh hari ini, dalam tahun 1999 sahaja kita telah belanja sebanyak RM675.3 juta, itu kita tambah daripada RM215.3 juta, kita naikkan kepada RM675.3 juta.

Kemudian pada tahun 2000 kita belanja RM1.3 bilion, bayangkan, ini kita ambil duit untuk diberi kepada student kita dan dijangka pula pada tahun 2001 kita akan belanja juga RM1.3 bilion. Setakat ini kita akan belanja sebanyak RM3.63 bilion. Apakah ini tidak Islam?

Manakala di samping kita mengadakan juga biasiswa. Misalnya macam matrikulasi, kita beri biasiswa. Apakah ini tidak Islam?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat dak?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Untuk membantu penuntut-penuntut kita mendapat akses kepada pengajian tinggi.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Saya tidak nafikan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Jangan, jangan Yang Berhormat jangan macam itulah

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Saya tidak nafikan itu. Tetapi syarat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat berdiri atas apa Yang Berhormat?

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Syarat itu merupakan, kita tidak boleh, ini masalah hukum.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Padang Terap, berdiri atas apa Yang Berhormat. Padang Terap berdiri atas apa ini? Kalau hendak, minta izinlah. Kalau tidak jadi pasarlah kita.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, syaratnya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, cukuplah itu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Syarat yang kita letakkan itu bukan bertujuan kita

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup. Dah kata hendak kaji – kaji. Cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dak, dak, bukan kita bertujuan untuk membuat untung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Janganlah panjang lagi. Ha cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bukan tujuan kita untuk membuat untung. Sebab saya dengar ini, banyak kali pihak PAS

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak mengapalah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: membuat tuduhan kepada pihak kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah. Dia akan berterusan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi, saya cuba menjelaskan!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia akan berterusan, cukup, cukup. Kata hendak kaji tadi, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen katakan bahawa memang pihak Kementerian Pendidikan tidak ada cadangan untuk menukarkan kepada biasiswa bila terdapat pelajar dapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan tetapi saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian Pendidikan boleh timbang sebagai satu galakan kepada pelajar, pinjaman itu boleh dikurangkan 50% jika pelajar itu dapat First Class Honours dan dikurangkan kepada 25% jika pelajar dapat kecemerlangan sebagai dapat Second Class Honours sebagai satu galakan kepada pelajar-pelajar kita untuk belajar bersungguh-sungguh dalam pelajaran. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, sehingga setakat ini telah banyak cadangan yang telah dikemukakan dan saya anggap ini bukan soalan, sebenarnya cadangan dan pihak kita akan lihat kepada cadangan ini. Ini adalah satu cara yang baik, bukan macam pihak PAS. Terima kasih.

9. Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid [Hulu Terengganu] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan jumlah rumah PPRT yang dibina pada tahun 1999 dan 2000 mengikut negeri.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Bharu yang dijadual dijawab pada hari ini

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dak, yang mana satu ini, nombor 9?

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Nombor 9!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nombor 9 dahulu.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Oh, nombor 9, ya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak apa, itu kesilapan yang bukan disengajakan. Sebab semua menteri-menteri ini memang bersemangat untuk menjawab semua soalan. *[Ketawa]* Sila jawab nombor 9.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, jumlah rumah PPRT yang dibina pada tahun 1999 dan sehingga Oktober 2000 mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Negeri	1999	2000
Johor	69	50
Kedah	433	180
Kelantan	648	350
Melaka	123	83
Negeri Sembilan	120	140
Pahang	55	208
Pulau Pinang	0	0
Perak	348	83
Perlis	90	87
Selangor	48	0
Terengganu	366	362
Sabah	405	146
Sarawak	773	187
Wilayah Persekutuan Labuan	21	0

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya terima kasih kerana banyak yang diberi kepada negeri-negeri terutama negeri yang miskin, cuma apa yang sentiasa menjadi sungutan ialah masalah ketidakadilan dalam pemilihan pemohon-pemohon yang mendapat rumah ini terutamanya di Terengganu yang saya boleh sebut, di kawasan saya sendiri terdapat banyak sungutan-sungutan dan kita ada senarai di mana orang yang benar-benar layak telah dinafikan haknya dan yang tidak berapa layak telah diberikan bantuan rumah PPRT in i.

Soalan saya adakah kementerian bercadang untuk melaksanakan satu sistem yang lebih telus di mana senarai-senarai yang telah dicadangkan oleh pihak kerajaan ini dipamerkan di balai-balai raya atau di tempat-tempat umum supaya masyarakat

setempat dapat membuat penilaian, kemudian membuat bantahan di mana-mana yang difikirkan tidak layak tetapi telah diberikan dan selepas bantahan itu barulah kerajaan membuat keputusan lebih muktamad dan lebih telus dan saya rasa kalau ini dilaksanakan mungkin UMNO boleh merampas balik negeri Terengganu kerana sebelum ini pun kejatuhan UMNO banyak

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan beri jalanlah, cukup, cukup.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Banyak dipengaruhi oleh masalah ketidakadilan dan diskriminasi ini. Tetapi demi untuk kebajikan rakyat, saya rasa ini patut dibuat oleh pihak kementerian. Apa pandangan Yang Berhormat Dato'?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, cukuplah, terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, kompelin yang sama saya terima daripada wakil-wakil rakyat UMNO, bermakna di seluruh negara. Bermaknanya yang dikatakan tidak adil itu bukan kerana politik, bahkan di peringkat pegawai yang menilai kemungkinan ada yang berpendapatan berlainan. Sebab yang mengkajikan ialah jabatan-jabatan tidak diarah untuk kerana politik dan sebagainya.

Kawasan saya sendiri, saya melenting apabila melihat orang yang tidak sepatutnya dapat tidak ada dalam senarai. Jadi, ini bukan masalah Yang Berhormat sahaja.

Untuk menjawab soalan yang selanjutnya iaitu sistem yang lebih telus, kita sudah mengatakan bahawa telah diwujudkan sistem pendaftaran terbuka, apabila terbuka, Yang Berhormat dan semua rakan-rakan boleh mendaftarkan orang-orang yang benar-benar memerlukan bantuan, oleh kerana saya sebutkan banyak kali kepada orang miskin, kita tidak ada diskriminasi, kita bertanggungjawab untuk membantu semua orang miskin. Kita hendak mengeluarkan masyarakat miskin daripada kelompok kemiskinan, ini tanggungjawab kerajaan dan tidak dipergunakan untuk permainan politik. Terima kasih.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri serta kementerian beliau kerana telah melaksanakan beberapa banyak projek PPRT di seluruh negara kita. Ini

menunjuk bahawa kerajaan prihatin kepada kebajikan dan pembangunan rakyat kita khususnya bagi mereka yang termiskin.

Saya ingin bertanya apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha pelaksanaan PPRT khususnya bagi mereka yang di pedalaman dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan bahawa semua rakyat termiskin di seluruh negara berpeluang menerima bantuan PPRT ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana yang saya sebutkan tadi, sistem pendaftaran terbuka ialah untuk semua yang merasai mereka perlu mendapat bantuan boleh mendaftar. Wakil-wakil rakyat juga boleh membantu dalam pendaftaran baik di peringkat Parlimen mahupun di peringkat Dewan Undangan Negeri.

Jadi, saya rasa kalau sistem ini dilaksanakan dengan rapi dengan bantuan wakil-wakil rakyat, saya rasa keseluruhan rakyat dalam negara ini yang memerlukan bantuan PPRT mendapat nikmat bantuannya. Cuma dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita memberi penekanan kepada program kesejahteraan rakyat, maknanya bukan sahaja PPRT bahkan keseluruhan kumpulan kelompok yang dikatakan miskin atau hampir miskin akan dicari jalan untuk dikeluarkan daripada kelompok kemiskinan.

10. Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu] minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah dasar kawalan modal yang mula dilaksanakan oleh kerajaan sebagai langkah pemulihan ekonomi berjaya menarik lebih ramai pelabur asing dan mengikut pendapat kerajaan adakah dasar ini mempunyai risiko jangka panjang yang menghambat pertumbuhan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf tadi kerana ghairah hendak menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak mengapa.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Kerana ada saudara meninggal hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu yang dijadualkan dijawab pada hari ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat daripada Dungun yang dijadual pada 11 Disember 2000, memandangkan soalan yang dikemukakan menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Silakan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kawalan modal terpilih yang dilaksanakan sejak September 1998 bertujuan mengelakkan perantarabangsaan atau dengan izin, internationalisation ringgit dan tidak mempunyai kesan terhadap pelaburan asing langsung yang dibenarkan masuk dan keluar di negara ini secara bebas.

Sebaliknya kawalan modal terpilih telah menyumbang kepada kestabilan pasaran kewangan negara di samping menyokong langkah-langkah bagi memulihkan ekonomi serta membantu penstrukturan semula sektor perbankan dan korporat.

Justeru pelabur-pelabur asing terus mempunyai keyakinan terhadap ekonomi negara dan ini dapat dilihat daripada jumlah permohonan pelaburan di sektor perkilangan daripada pelabur asing yang meningkat kepada RM15 bilion pada bulan pertama tahun 2000 berbanding dengan RM7.5 bilion pada tempoh yang sama tahun 1999.

Pelaburan asing yang diluluskan juga lebih tinggi pada paras RM9.5 bilion pada sembilan bulan pertama tahun 2000 berbanding dengan RM8.4 bilion pada tempoh yang sama tahun 1999.

Dari segi aliran masuk sebenar daftar yang dicatatkan melalui sistem perbankan juga menunjukkan arah aliran yang meningkat, aliran masuk sebenar pelaburan langsung asing berjumlah sebanyak RM7.8 bilion pada sembilan bulan pertama tahun 2000 berbanding dengan RM4.3 bilion pada tempoh yang sama tahun 1999.

Tuan Ramli bin Ibraim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya hendak minta penjelasan mengenai sebab kita mengatakan ini satu sistem yang terbaik yang pernah diamalkan oleh Malaysia bagi mengatasi krisis ekonomi di kawasan ini. Saya hendak

bertanya minta penjelasan, dari segi jangka panjangnya bagaimana persaingannya dengan negara-negara ASEAN yang lain, sebab kita kata baik tetapi negara-negara ASEAN seperti Singapura, Taiwan, Indonesia, Filipina tidak melaksanakan sistem yang ini.

Jadi, adakah pelabur-pelabur asing pada masa jangka panjang akan melabur di Malaysia, sedangkan negara-negara yang lain tidak ada kawalan modal ini. Ini yang saya maksudkan adakah menghambat pertumbuhan ekonomi Malaysia dari segi jangka panjang. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Kalau kita lihat negara-negara lain ya, ia ada juga untuk menghadkan pengantarabangsaan mata wang. Misalnya di Singapura ia mempunyai sistem kompleks bagi menghadkan penggunaan Dolar Singapura oleh bukan pemastautin bagi amaun yang melebihi RM5 juta.

Di Korea misalnya antara lain langkah bagi menghadkan pengantarabangsaan Won dilaksanakan menerusi:

- (i) keperluan bagi semua penyelesaian dengan negara lain dibuat dengan mata wang asing sahaja tidak menggunakan Won; dan
- (ii) mengekalkan sekatan spekulasi ke atas *convertibility Korean* Won tadi.

Di Taiwan juga serupa mengekalkan peraturan ketat bagi urusan niaga akaun semasa dan sekatan juga dikenakan ke atas urus niaga akaun modal dan instrumen kewangan yang boleh digunakan bagi spekulasi ke atas Dolar Taiwan itu. Bagi Thailand misalnya, peraturan berhemat yang mengurangkan spekulasi ke atas Baht telah dikenakan pada tahun 1998. Ini termasuk sekatan kredit ke atas kemudahan Baht bagi bukan pemastautin. Di Filipina juga begitu. Peraturan bagi mengurangkan spekulasi mata wang telah diperkenalkan pada Januari 2000 yang melibatkan peraturan ke atas kedudukan terbuka pertukaran asing bersih bagi bank. Mengenai *pact* kita RM3.80 -USD1 buat masa ini kita rasakan *disparity* nya tidak banyak, semalam dikatakan kosong, sebelum itu dikatakan dua atau tiga peratus.

Jadi, kita tidak perlu mengadakan *paging* yang lain ataupun melihat daripada segi serantau yang lain. Dan kalau kita lihat juga kawalan modal terpilih ini telah pun

kita ubah dan ubah, dari masa ke semasa dan sekarang ini dalam Belanjawan 2001 levi tidak akan digunakan sebanyak 10% itu terhadap pelaburan selepas setahun.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Soal Jawab sudah habis Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2,5,11 hingga 20 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERGIGIAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pergigian (Pindaan) 2000; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.02 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibaca kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000 ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 selepas ini disebut Akta 53 untuk melicinkan dan memantapkan pelaksanaan Sistem Taksiran Sendiri (STS).

Pada asasnya rang undang-undang ini hanya melibatkan empat pindaan utama iaitu:

- (i) Pindaan Seksyen 21 yang bertujuan untuk menyelaraskan asas tahun taksiran dari tahun kalendar kepada tahun kewangan. Pada masa ini taksiran ke atas pendapatan bukan dari sumber perniagaan ada lah dibuat berdasarkan tahun kalender sementara taksiran ke atas pendapatan daripada sumber perniagaan pula dibuat berdasarkan tahun kewangan. Dengan pindaan ini, pembayar cukai tidak lagi perlu menyediakan dua akaun berasingan bagi pendapatan daripada sumber bukan perniagaan dan pendapatan daripada sumber perniagaan. Antara lain pendapatan daripada sumber bukan perniagaan termasuklah pendapatan sewaan, faedah dan dividen;
- (ii) Pindaan Seksyen 82 yang berkaitan dengan penyimpanan rekod di mana pembayar cukai dikehendaki menyimpan rekod sekurang-kurangnya untuk tempoh tujuh tahun. Dengan ini syarikat-syarikat tidak perlu lagi menyimpan rekod-rekod mereka yang melebihi tujuh tahun. Pada masa ini tidak ada peruntukan yang menetapkan had tempoh penyimpanan rekod berkenaan percukaian. Oleh sebab itu kebanyakan syarikat telah menyimpan rekod melebihi tujuh tahun kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri meminta rekod sedemikian. Pindaan ini akan meringankan beban syarikat dalam menyimpan rekod;
- (iii) Pindaan Seksyen 108 berkaitan dengan layanan cukai ke atas dividen yang menggunakan konsep cukai dibayar, *tax pay* dengan izin, bagi menggantikan konsep cukai kena bayar, *tax payer* dengan izin, penggunaan konsep cukai dibayar ini adalah bagi memastikan cukai sudah dibayar sebelum dividen diagihkan kepada pemegang saham bagi menjamin hasil kerajaan;
- (iv) Pindaan Seksyen 110 berkaitan dengan langkah untuk membanteras pengelakan cukai dengan membolehkan kerajaan mendapatkan semula daripada pemegang saham cukai yang

belum lagi dibayar disebabkan oleh bayaran dividen yang berlebih-lebihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam Rang Undang-undang ini.

Fasal 1 adalah tajuk ringkas akta iaitu Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000.

Fasal 2 hingga Fasal 4 menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan-pindaan yang dibuat di dalam rang undang-undang ini.

Fasal 5 adalah pindaan kepada Seksyen 21 di mana Seksyen 21A yang baru dimasukkan bagi membolehkan pendapatan daripada punca perniagaan dan juga pendapatan bukan daripada punca perniagaan ditaksir ikut tempoh asas iaitu mengikut tahun kewangan. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 8 adalah bagi membatalkan subseksyen 77(4) dan 77(5) yang berkaitan dengan peruntukan untuk memfailkan borang nyata secara elektronik kerana Seksyen 152A yang baru telah diwujudkan untuk memperluas pengemukaan borang taksiran secara elektronik kepada borang-borang lain dan pihak terhad kepada borang nyata dan tidak terhad kepada borang nyata sahaja. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 9 adalah pindaan kepada subseksyen 82(1) yang memperuntukkan masa selama tujuh tahun bagi penyimpanan rekod dan memasukkan subseksyen (7) yang baru di mana rekod dalam bentuk elektronik hendaklah boleh ditukar dalam bentuk lain yang boleh dibaca dan subseksyen (8) yang menghendaki supaya semua rekod yang berkaitan dengan perniagaan di Malaysia disimpan dan dikekalkan di Malaysia. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 10 adalah pindaan kepada Seksyen 90 dengan memasukkan subseksyen (2)(a) bagi membolehkan ketua pengarah mengeluarkan taksiran sekiranya syarikat gagal mengembalikan borang nyata di bawah STS. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 12 adalah pindaan kepada subseksyen 99(1) bagi membolehkan pembayar cukai membuat rayuan dalam tahun berikutnya selaras dengan pelaksanaan Sistem Taksiran Tahun Semasa (STTS). Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2000.

Fasal 14 adalah pindaan kepada subseksyen 107c(9) untuk memastikan kerajaan boleh menuntut ansuran serta penalti yang lewat dibayar melalui tindakan mahkamah. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 15 seperti yang dinyatakan lebih awal tadi iaitu layanan cukai atas dividen adalah pindaan kepada Seksyen 108. Seksyen 108 yang baru ini adalah berdasarkan konsep cukai dibayar bagi menggantikan konsep cukai kena bayar. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 17 adalah pindaan kepada Seksyen 110 dengan memasukkan subseksyen (13) yang baru bagi membenarkan ketua pengarah membuat suatu taksiran atau taksiran tambahan ke atas pemegang saham jika syarikat gagal membayar cukai yang secukupnya. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 19 bertujuan mewujudkan seksyen baru 119A untuk memperuntukkan bahawa adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana orang yang mengingkari atau gagal mematuhi perintah atau notis di bawah Seksyen 82 berkaitan penyimpanan rekod yang mana amat penting bagi tujuan audit di bawah STS. Pindaan ini adalah berkuat kuasa mulai akta ini berkuat kuasa.

Fasal 21 bertujuan mewujudkan seksyen baru 152A untuk membolehkan Ketua Pengarah membenarkan apa-apa borang yang ditentukan dikemukakan secara elektronik. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 22 adalah peruntukan am yang menjelaskan bahawa Akta Ibu masih terpakai kecuali dinyatakan dan sebarang peruntukan Akta Ibu yang bercanggah dengan mana-mana peraturan baru ini akan terbatal setakat mana percanggahan.

Fasal 23 hingga 28 memperuntukkan peruntukan kecualian dan peralihan bagi membolehkan pemakaian Seksyen 108 yang akan digantikan di bawah akta yang dicadangkan. Dan Fasal 6,7,11,13,16,18 dan 20 adalah pindaan berbangkit kepada pindaan-pindaan utama di atas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sokong.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Robia binti Dato' Kosai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Beluran. Ha, Ipoh Timur silakan.

11.10 pagi.

Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan beberapa perkara berkenaan dengan cadangan Kementerian Kewangan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967. Pindaan yang dicadangkan oleh kerajaan, Kementerian Kewangan khususnya mengehendkan pengecualian cukai ke atas pendapatan beberapa kelas pertubuhan amal dan agama sahaja yang ditetapkan dalam Seksyen 44 subseksyen (6). Masalah ini ialah kesusahan yang sering dihadapi kesatuan dan pertubuhan amal untuk mendapatkan kelulusan sebagai organisasi di bawah Seksyen 44 subseksyen (6) yang mana membolehkan mereka memberi resit pengecualian cukai.

Selaras dengan polisi kerajaan untuk memupuk masyarakat penya yang, saya menyeru kementerian supaya mempertimbangkan perkara ini kerana banyak pertubuhan yang menjalankan kerja-kerja amal dan tidak mahu dikategorikan sebagai organisasi bercorak agama sebab utama ialah dengan cara ini mereka boleh menggalakkan penglibatan lebih ramai rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat. Dengan pindaan ini banyak organisasi dan pertubuhan amal akan terpaksa membayar cukai, tambahan pula pendapatan adalah bergantung kepada kemurahan hati para penderma. Ini bermakna dengan pendapatan yang terhad, persatuan perlu memikul satu lagi beban ialah cukai.

Tuan Yang di-Pertua, selain pindaan di atas, kementerian juga telah mencadangkan syarikat pembayar cukai hanya dibenarkan untuk pengecualian cukai ke atas tidak lebih daripada 5% daripada jumlah pendapatan syarikat. Pada masa sekarang tidak ada sebarang had ke atas jumlah ini.

Saya percaya bahawa kementerian mempunyai sebab yang rasional dalam mencadangkan pindaan ini akan tetapi saya amat berharap kementerian akan mempertimbangkan rayuan rakyat terutama persatuan, pertubuhan dan organisasi-

organisasi amal yang amat memerlukan bantuan kewangan, individu dan syarikat yang selama ini menjadi sumber utama mereka. Pindaan tersebut di atas akan menyebabkan masalah kewangan kepada syarikat yang mahu menderma kepada kegiatan amal tetapi pada masa yang sama terpaksa menanggung cukai.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya berharap kementerian dapat mengambil tindakan yang perlu bagi menjaga kepentingan organisasi dan pertubuhan amal di negara ini.

Akhirnya saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jeli.

11.16 pagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera Tuan Yang di-Pertua, dan ahli-ahli Dewan sekalian.

Sebelum itu izinkan saya membaca sebuah firman Allah S.W.T. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “Ini adalah di antara mereka yang bersifat baik di sisi Allah ialah orang-orang apabila mereka berbelanja mereka tidak boros dan mereka tidak kedekut dan adalah mereka di pertengahan di antara kedua-duanya”.

Apa yang kita lihat Akta Rang Undang-undang yang dicadangkan oleh Kementerian Kewangan ini boleh kita simpulkan daripada dengan izin, *pay after you earn* kepada *pay as you earn* ataupun kalau dahulunya bayar selepas perolehan tetapi sekarang ini bayar semasa perolehan. Apa yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua, ialah kalaulah pendapatan yang dapat diramalkan umpamanya mereka yang makan gaji, yang mendapat pendapatan tetap maka tidak sukar kerana mereka sudah tahu berapa pendapatan mereka.

Jadi, kalau sudah dipotong secara ansuran, secara berkala mungkin sekali sebulan maka itu mungkin tidak akan menimbulkan masalah kerana pendapatan mereka telah pun ditetapkan. Mungkin pada tahun ini berapa pendapatan mereka. Semenjak Januari lagi mereka sudah tahu sehingga hampir kepada hujung tahun, sehingga ke bulan Disember mereka sudah tahu pendapatan mereka dan mereka tentu sudah tahu berapa yang patut dipotong daripada pendapatan mereka. Ini khususnya

kepada individu-individu yang makan gaji, yang menerima pendapatan tetap. Begitu juga kepada mana-mana syarikat yang mungkin kerjanya hanya menerima komisen tetap. Jadi, untuk mereka ini tidak menerima sebarang masalah tetapi bagaimana kalau kita bayangkan satu syarikat yang pendapatannya sentiasa turun naik, sukar diramalkan.

Bagi syarikat yang mempunyai pendapatan yang sukar diramalkan kita harus melihat ke pada syarikat tersebut, umpamanya kalau kita melihat kebanyakan syarikat yang beroperasi di dalam negara kita ini bukanlah syarikat yang sangat stabil, bukanlah syarikat yang begitu besar khususnya kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana. Kita lihat bahawa mereka ini terpaksa meminjam wang daripada bank. Kerana apa mereka terpaksa meminjam wang daripada bank kerana mereka tidak mempunyai tunai di tangan untuk menjalankan operasi perniagaan mereka.

Begitu juga kadang-kadang mereka terpaksa dalam kes-kes tertentu di mana sukar lambat untuk mendapat pinjaman daripada bank dan mereka terpaksa menggunakan taiko-taiko tidak rasmi. Kalau mereka tidak mendapatkan wang ini daripada taiko-taiko tidak rasmi maka mereka tidak dapat menjalankan kerja-kerja tersebut. Jadi kita harus melihat suasana sebegini rupa. Suasana sebegini rupa kalau dahulunya dalam keadaan cukai pendapatan dibayar selepas perolehan, masih kita lihat mereka menghadapi masalah. Satu lagi kita kena lihat terutamanya dalam kes-kes yang terbaru di mana banyak kerja-kerja yang dijalankan adalah berdasarkan 'default' payment, kalau 'default' payment ini selalunya syarikat yang memperolehi projek-projek 'default' payment ini adalah syarikat-syarikat lazimnya kroni. Kroni ini kebanyakannya tidak ada wang dan bila tidak ada wang mana-mana pihak syarikat yang mendapat saf daripada kroni kadang-kadang dua tahun tidak mendapat bayaran dan *invoice* sudah dikeluarkan.

Bila mana *invoice* sudah dikeluarkan bagi Jabatan Hasil Dalam Negeri yang diperbadankan sudah dikira berdasar daripada *invoice* sudah kena cukai. Sedangkan Jabatan Kastam sendiri dikira tempoh satu tahun. Dalam masa satu tahun kalau kamu terima bayaran ataupun tidak terima bayaran kami tidak kira automatik kamu kena caj. Walhal dalam situasi perniagaan, macam-macam boleh berlaku. Bayangkan kalau dalam masa dua tahun, kebanyakan peniaga-peniaga terpaksa menjual berbagai

benda untuk menjalankan operasi. Kalau mereka tidak mengambil projek sub daripada syarikat-syarikat yang mendapat projek secara *default payment* ini maka mereka tidak ada projek. Justeru untuk mendapatkan projek mereka terpaksa dijalankan juga walaupun bayaran itu akan dijanjikan mungkin dua tahun, tiga tahun lagi. Itu biasa, mana-mana mereka yang terlibat dalam perniagaan mereka sangat mahir, sangat arif tentang hal ini.

Begitu juga umpamanya dalam kes-kes perniagaan di mana sumber bahan mentah, sangat *volatile*, keuntungan Jabatan Hasil Dalam Negeri yang diperbadankan akan mendasarkan keuntungan ini kepada *track record* dengan izin. Kepada *track record* yang lepas-lepas kemungkinan pada waktu, kita katalah tiga tahun berturut-turut, harga kelapa sawit cukup baik. Harga kelapa sawit tiga tahun cukup baik tetapi kalau dikenakan berdasarkan kepada rekod tiga tahun sudah dan mesti membayar berdasarkan pada tahun ini berdasarkan kepada *track record* yang lepas, saya ingat syarikat kelapa sawit sekarang ini dalam keadaan yang sukar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Adinda, ini macam Yang Berhormat banyak mengolahkan dari segi masalah perniagaan. Saya hendak minta sedikit penjelasan, adakah ini kerana pengalaman peribadi Yang Berhormat dalam perniagaan dan masalah dihadapi, oleh kerana Yang Berhormat sekarang menumpukan sepenuh masa pada politik, oleh kerana itu syarikat Yang Berhormat menghadapi masalah. Ini mungkin contoh dan keluhan Yang Berhormat, yang dibawa kepada Dewan yang mulia ini. Saya hendak minta sedikit penjelasan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih atas soalan tersebut. Alhamdulillah dalam kes saya, saya sudah duga bila saya masuk parti pembangkang kerana saya sudah tengok *track record* memang amalan pilih kasih sangat berleluasa yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Saya sudah menduga dan saya sudah tahu setakat mana saya kena beroperasi. Jadi saya punya operasi kebanyakan dengan swasta, dengan kerajaan habis kena potong. Dahulu saya yang terbanyak sekali dapat, kerana syarikat saya yang terbesar, bumiputera. Tetapi tidak mengapa, saya faham, kerana saya hendak memperjuangkan, maka saya terpaksa hadapi itu

semua. Insya -Allah saya akan teruska n perjuangan saya. [Tepuk] Cuma saya hendak membincangkan insya -Allah kalau begitu saya rasa saya masih mampu. Saya adalah antara pembayar yang terbaik. Minat semak rekod [Ketawa] Jadi apa yang saya hendak beritahu, kita beritahu umum umpamanya kita lihat syarikat kelapa sawit seperti mana yang saya bacakan tadi.

Kalau tiga tahun dahulu okay, mereka mendapat pendapatan yang baik. Tetapi kalau tahun ini hendak didasarkan pengalaman tiga tahun dahulu bagaimana. Mungkin Tan Sri Khalid pun pening kepala, Ketua Eksekutif Guthrie, begitu juga umpamanya syarikat-syarikat yang berasaskan kepada bahan mentah dan petroleum,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: ..yang banyak menggunakan petrol umpamanya MAS. Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya. Saya bertanya adakah permasalahan pengurusan wang yang menyebabkan bayaran tidak diberi. Sebab kalau membuat satu perniagaan, kalau *invoice* kepada pekerjaan kita sama ada khidmat seperti Yang Berhormat khidmat *survey* hanya dua tiga tahun sahaja dibayar. Saya rasa ini bukan praktis biasa dalam pasaran, selalunya dibayar tiga bulan, enam bulan, lebih daripada dua belas bulan pun itu akan menjadi masalah. Bermakna kalau kita meneruskan perniagaan kita dengan baik bahawa si piutang akan membayar kita pada masa tahap tertentu tidak ada masalah *cash floor* kita.

Bila tidak ada masalah *cash floor* kita, gaji anak buah kita boleh dibayar, pembekal boleh kita bayar dan hutang kita dengan kerajaan kita boleh bayar, tidak menjadi masalah. Sebab apa, dengan adanya bayaran yang baik kepada kerajaan, kerajaan boleh menggunakan wang ini kembali untuk pembangunan. Saya nampak Yang Berhormat faham, tetapi saya hendak meminta sedikit Yang Berhormat lebih kepada perkara ini sebab saya nampak Yang Berhormat, pengurusannya cekap dahulu, sekarang itu saya tidak tahu sebab selalu dalam Dewan yang mulia ini. Ini saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih cikgu saya, saya kena beritahu cikgulah. *Trend* dia kalau kerajaan umumnya dia ada dalam keadaan kes-kes tertentu. Umpamanya dahulu ada projek-projek yang belum ada *vote*, belum ada peruntukan tetapi kementerian merasakan mereka akan memperoleh peruntukan, ada kes-kes yang tertentu. So dalam kes ini kadang-kadang dia mengambil masa hampir setahun pernah berlaku. Kadang-kadang oleh kerana peruntukan tidak dapat diperolehi maka dijanjikan akan cuba mendapatkan peruntukan untuk tahun hadapan, itu pernah berlaku di jabatan-jabatan kerajaan dan juga pernah berlaku di mana satu peruntukan untuk projek tertentu oleh kerana ada hal-hal mustahak yang lain di dalam kementerian yang sama maka telah digunakan wang tersebut, pernah berlaku. Ini menyebabkan peruntukan yang sepatutnya dibayar kepada kita telah tidak dapat dibayar kerana telah diambil oleh jabatan lain kerana kesegeraan.

Ada sebab-sebab tertentu kesegeraan menyebabkan terpaksa untuk menggunakan peruntukan untuk tahun hadapan. Itu pun pernah berlaku di jabatan kerajaan. Tetapi untuk dalam kes umpamanya kes sub kontrak bagi kerja-kerja *default payment*. Kerana '*default*' *payment* ini seperti mana Yang Berhormat cikgu saya pernah tahu bahawa '*default*' *payment* ini mereka sendiri pun demi hendak membuktikan kepada kerajaan tentang kemampuan mereka untuk melaksanakan projek mungkin RM200 juta, RM300 juta, mereka tidak ada wang. Jadi segala kerja-kerja awalan ini *more or less* dengan izin *I will pay you once I got the payment*. *Standard norm*, terutama bagi kerja-kerja melibatkan '*default*' *payment*, kerana kita faham mereka pun tidak ada wang. Mereka pun juga terpaksa berhutang dengan bank, dan kadang-kadang bank pun banyak juga berfikir tentang kesegeraan untuk memberi pinjaman tersebut. Terutama sekali pada tahun ini di mana bank lebih fokus kepada masalah penggabungan, lebih daripada masalah hendak mengeluarkan pinjaman.

Ini semua orang hadapi sekarang, dia lebih fokus kepada penggabungan sehingga ada sudah timbul baru-baru ini banyak bank minta ditangguhkan lagi tarikh tamat penggabungan bank-bank. Susah ada keluar dalam kenyataan-kenyataan akhbar. Jadi kita hendak lihat bahawa di antara satu lagi masalah yang mungkin

timbul bagi syarikat, umpamanya pada tahun 1999 syarikat-syarikat, baik hati kerajaan pada ketika itu, okay kita tidak payah bayar dikecualikan sebarang cukai. Okay, tetapi tahun 2000 kita kena bayar tahun 2001. Pasal akta ini belum diluluskan lagi, kena bayar pada tahun 2001 tetapi kita sedar tidak, tahun 2000 bergabung dengan 2001, pendapatan pada tahun 2000 digabung dengan pendapatan yang bakal diterima pada tahun 2001. Bayangkan banyak mana cukai pendapatan yang kita kena bayar.

Sebab itu saya mohon kerajaan kalau boleh menimbangkan, untuk tahun 2000 okay layak, layak si pembayar cukai kena bayar seperti mana yang lepas-lepas. Tetapi untuk tahun 2001 kalau boleh gunakanlah secara berfasa umpamanya kita *stretch* sampai tempoh 4 tahun kah, 5 tahun. Kalau begitu kita boleh buat saya ingat mengurangkan beban mereka yang terpaksa membayar cukai. Kerana apa kita kena ingat sekarang kita tidak boleh dakwa bahawa ekonomi kita sudah pulih, banyak sektor tertentu belum pulih yang menyebabkan ekonomi kita *picking up* sekarang ini bukan kerana sektor-sektor yang dikuasai oleh orang-orang tempatan tetapi kebanyakan keluaran elektronik dan elektrik. Keluaran elektronik dan elektrik ini adalah kepunyaan siapa, kepunyaan syarikat-syarikat *multi national*. Kalau kita lihat dalam laporan ekonomi hampir 60% eksport negara adalah berdasarkan kepada elektronik dan elektrik, yang lebih itu ialah petroleum.

Jadi sektor-sektor lain cukup sukar. Bayangkan sektor perumahan, sektor perumahan siapa yang kata *picking up* sekarang ini, siapa yang berani kata. Mungkin menteri boleh memberi jawapan. Sektor perumahan belum ada *picking up*, banyak yang dibuat *fair* yang terbaru dari segi respons tidak begitu baik. Begitu juga dengan *construction* umpamanya pada tahun ini. *Construction* untuk tahun ini kalau tengok pada jumlah pembangunan untuk tahun 2001 berbanding dengan jumlah yang diperuntukkan untuk pembangunan bagi tahun keseluruhan tahun 2000 termasuk *budget* tambahan lebih tahun 2000, berbanding dengan 2001 untuk pembinaan.

Saya tidak tahu, takut cikgu saya hendak banyak keluarkan projek-projek pembinaan daripada TNB. Mudah-mudahan janganlah macam kawan-kawan yang lain, berilah sama dekat saya. [Ketawa]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dua perkara baru-baru ini Dato' Nazri, Menteri Pembangunan Usahawan, tidak mengatakan bahawa kerajaan akan membela kepada semua rakyat Malaysia. Kalau dikatakan membela bumiputera, semua bumiputera, hanya yang menggeleng kepala menggunakan isu ini, supaya memancing undi. Ini sebenarnya sebab kerana apa, kalaulah kita berjaya daripada segi usahawan bumiputera kita sudah semestinya tidak ada lagi *mileage* lagi untuk pembangkang. Ini kita tahulah sepak bola politik, kita terimalah. Tetapi saya hendak berbalik kepada tadi, pertanyaan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat mengatakan bahawa ekonomi kita tidak pulih. Saya ingat itu tidak benar dalam bulan puasa ini, tidak pulih kalau kita bandingkan dengan Indonesia bagaimana negaranya. Kita kena bersyukur pada Allah S.W.T. kita semua berpuasa. Yang sebenarnya ekonomi negara kita sudah pulih, yang tidak pulih kalau kita bandingkan dengan negara lain seperti Indonesia, kita semua tahu.

Tetapi mungkin apa yang diharapkan, sektor-sektor Yang Berhormat sendiri terlibat atau kawan-kawan Yang Berhormat terlibat tidak merangsang seperti dahulu, itu mungkin benar. Tetapi boleh dikatakan semua sektor, sektor perumahan misalnya perumahan untuk kos rendah, menengah baik, yang menjadi masalah mungkin Yang Berhormat tidak berkawan dengan orang yang membeli rumah kos yang rendah, Yang Berhormat berkawan dengan orang yang membeli banglo-banglo besar, itu memanglah kurang. Sebab Yang Berhormat lain dari yang lain sedikit, yang sebelah kanan Yang Berhormat itu dia bersekolah menengah rendah sahaja, tetapi Yang Berhormat ini lain sedikit, dia dalam PAS ini ada dua, satu wakil rakyat korporat PAS ini Yang Berhormat. Yang lain itu wakil rakyat biasa, Setiausaha Agung itu lain dia memang tiada berniaga-berniaga lagi. Dia tetap politik sahaja, tetapi Yang Berhormat korporat sedikit, itu mungkin tidak mengetahui kedudukan sebenarnya ekonomi negara kita.

Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat mungkin ada sektor tertentu yang *up market* seperti perumahan banglo yang tinggi-tinggi mungkin tidak ada pembeli tetapi daripada segi rendah, menengah berjalan dengan baik. Kita dengar hari itu satu projek saya dengar dua hari habis rumah kos rendah. Memang benar di Tenaga Nasional akan dibangunkan rumah kos rendah dan menengah, tidak yang

banglo-banglo ini. Tetapi kalau Yang Berhormat hendak kita kena juga beri dari segi kehendak-kehendak PAS. Sebab PAS ini berbeza, kalau dahulu dia berkempen untuk *marhaen* sahaja tetapi sekarang dengan ada Yang Berhormat dia lain sedikit, keadaan sudah berubah, PAS sudah berubah sekarang ini. ADIL pun setuju juga, sebab ADIL ini saya bersetuju kalau adil untuk semua, tetapi untuk satu sebab itu saya tidak bersetuju. Saya minta pandangan Yang Berhormat sedikit.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Kalau nanti tunggu mata Yang Berhormat lebam taulah sama ada kami pun mempertahankan Yang Berhormat kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kemaman.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tengah bercakap dengan yang di sana [*Ketawa*] Saya minta pandangan Yang Berhormat tadi

Seorang Ahli: Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mengikut yang mana satu peraturan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Ketawa*] Saya ingat Yang Berhormat hendak suruh lebamkan mata saya, saya risau tadi [*Ketawa*] Sila saya minta pandangan Yang Berhormat, ini satu *discuss* yang baik dalam hujah ekonomi, hujah pembangunan usahawan mungkin pandangan lanjut, saya minta sedikit daripada Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya akur bahawa perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah betul, khususnya di bandar-bandar besar mendapat sambutan tetapi kita lihat bahawa oleh kerana saya menggunakan satu istilah oleh kerana kegelojohan kerajaan dahulu membina kondo-kondo yang mahal menyebabkan banyak kondo yang tidak dapat dijual. Sekarang ini baru sedar, jadi bila terhantuk barulah mengaduh. Kalau nanti mengaduh sudahlah, ini sudah jatuh ditimpa tangga. Kita tidak mahu sampai kerajaan jatuh tangga. Jadi sebab itu kita hendak tegur. Sekarang ini kita bekerja untuk seluruh rakyat Malaysia. Sebab itu saya pun tidak faham kadang-kadang cikgu saya pun kena faham, kenapa kadang-kadang kami pun rakyat Malaysia, kami pun bayar cukai tetapi *time* projek kami dinafikan terus, ini tidak boleh, tidak elok, maknanya luar negara tengok, ha!.

Ini tidak elok imej negara tidak elok, sepatutnya *you have to be given a fair ground, a fair rule to every body*. Makna dari segi perjuangan politik itu masing-masing punya. Kerana kami pun cita-cita insya-Allah 2004 kami hendak duduk dekat sana, tidak mahu lagi duduk dekat sini ini. Sebab itu ramai korporat sudah mula menyertai kami. Jadi untuk makluman sekarang ini kos rendah, kos sederhana rendah alhamdulillah. Tetapi banyak yang baru ini kita nampak yang di *fair* yang dibuka. Saya membaca akhbar juga dan yang kita baca bukan akhbar *Harakah*, akhbar-akhbar, media perdana yang menceritakan bahawa maknanya sambutan tidak menggalakkan. Sila.

Puan Fong Po Kuan: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Sedarkah Yang Berhormat bagi Jeli bahawa sambutan terhadap kempen-kempen *fair* rumah kos rendah dan sederhana, walaupun ada sambutan tetapi sedarkah bahawa ramai yang berkata bahawa mereka yang mampu membeli itu bukannya wang yang mereka dapat selepas bekerja di negara ini tetapi wang mereka perolehi untuk membeli rumah diperolehi selepas mereka bekerja di luar negeri. Mereka membawa wang masuk dari luar negeri untuk membolehkan, memampukan mereka membeli rumah kos rendah. Bukan mereka memperoleh pendapatan dalam negeri. Jadi kita mesti tengok dari asas mana mereka mampu memberi wang itu, wang itu dari mana [*Disampuk*] Sebab Yang Berhormat Rompin tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Saya mohon penjelasan. Tahu tidak Yang Berhormat keadaan sedemikian.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Kalau macam itu berat itu [*Ketawa*] saya pun bimbang ada kebenaran juga tentang maklumat yang diberikan. Cuma saya minta kerajaan dan Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mendapatkan lebih banyak *income* pendapatan bagi negara untuk manfaat rakyat terbanyak. Boleh atau tidak kita sekarang ini kerana kita membebaskan termasuk guru saya yang kuat bermain dalam saham yang sentiasa untung, kerana dia tahu mana saham hendak naik. Dia tahu saham mana, dia beli, bila untung dia jual, terutama sekarang ini musim hari raya. Musim hari raya kita sudah tengok *rally* dia, dekat-dekat hari raya

makna saham itu akan naik. Jadi selepas hari raya itu dia jual. Jadi boleh tidak kementerian memantau, sekarang semua pembelian dibeli secara elektronik, boleh tidak boleh, kalau tidak cukup kakitangan tambah kakitangan memantau keuntungan-keuntungan daripada pelaburan yang dibuat daripada Bursa Saham Kuala Lumpur.

Kalau ini dapat dijalankan saya ingat kerajaan senang-senang RM4 bilion - RM5 bilion pendapatan tambahan, sila fikir sebelum terlambat. Ini minta kerajaan kaji dan yang saya pohon tadi kalau boleh *staged* lah sedikit, teruk ini dua tahun berturut-turut hendak bayar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa berucap sudah 20 minit sudah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Berapa minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 20 minit. Yang Berhormat bagi Jeli saya hendak tanya, apakah pandangan Yang Berhormat terhadap pindaan yang kita bincangkan sekarang.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sekarang pindaan untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh buat apa kerana nanti Tuan Yang di-Pertua 'lebih ramai suara yang bersetuju'. Walaupun sekarang ini kami lebih ramai. *[Ketawa]* Jadi kami hanya memberi pandangan untuk kerajaan perhatikan supaya lain kali boleh membuat pindaan Akta Cukai Pendapatan baru supaya meringankan sedikit beban mereka yang terlibat dalam bidang perniagaan, itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ucapan Yang Berhormat tidak boleh jauh sangat daripada pindaan yang kita bangkitkan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ini semua masuk, sebab itu saya beritahu sekarang untuk supaya pihak kerajaan mengkaji, supaya janganlah umpamanya mengenakan cukai pendapatan untuk tahun 2000 dan 2001 pada satu ketika. Kalau boleh 2000 kita faham Tuan Yang di-Pertua, yang itu memang logik wajib kita kena bayar. Tetapi untuk tahun 2001 kalau boleh di *staged* kan dipanjangkan umpamanya empat tahun kah. Saya ingat kalau boleh buat macam itu imej kerajaan lagi baiklah. Kerana sekarang ini kita peniaga asyik kena tekan sahaja. Baru ini hendak minta EPF 50% orang berniaga orang tahu. Orang tidak berniaga dia

tidak tahu. Bila akhir bulan hendak membayar gaji semua pening kepala. Kalau kena *staff* yang 500 sampai 1,000 orang. Jadi kita mana kita hendak fikir dahulu. Hendak fikir kebajikan kakitangan dahulu kah atau hendak fikir bayar kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri dahulu. Sudah semestinya kita memikirkan kebajikan pekerja kita dahulu.

Sebab itu saya pohon kalau boleh kerajaan kalau hendak melaksanakan penalti nanti janganlah terlalu keras kepada peniaga-peniaga yang terpaksa membayar cukai. Sila kenakan penalti yang banyak dirundingkan. Kerana nanti kita terlewat pada bulan Januari kena 10% kah, kena 50% automatik pada bulan Februari untuk bulan Januari kena 50%.

Jadi, sedangkan kalau dahulu kita kena *the whole lump* dengan izin, campur 50% kalau dahulu. Jadi, makna mungkin tidak seberat kalau sekarang ini lewat sedikit satu bulan 50% yang itu. Lewat pula dua bulan 50% campur lagi atas jumlah yang telah ditambahkan. Jadi, ini saya ingat lagi berat kepada pembayar cukai pendapatan. Tetapi, bagi mereka yang bekerja gaji tetap, mereka tidak rasa tentang ini kerana mereka sudah tahu mereka sudah dipotong *automatically*.

Jadi, satu lagi saya pohon kalau boleh pihak kerajaan menimbangkan setengah-setengah sektor terutama sektor-sektor yang *business* dia agak *volatile*, barangan komoditi-komoditi, sumber dia sangat *volatile*, untuk yang ini kerajaan kaji supaya tidak membebankan mereka kerana sekarang ini saya lihat kepada sektor kelapa sawit sangat sukar untuk berada di tahap yang baik kerana harga kelapa sawit saya difahamkan bawah pada RM800, RM740 sehingga lama sudah kita tidak tengok Menteri Perusahaan Utama dalam Dewan ini kerana memikirkan bagaimana hendak menaikkan harga kelapa sawit, sampai sekarang ini kita sudah boleh eksport buah mentah Saya mendapat gambaran daripada pengusaha-pengusaha kelapa sawit, kerajaan akan membenarkan untuk mengeksport terus buah supaya dapat diproses oleh *refinery* di negara China dan beberapa tempat. Jadi saya pohon.

Saya boleh bercakap lama mana Tuan Yang di-Pertua, selama-lama kah?
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau benda itu ada berkaitan dengan pindaan, saya benarkanlah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ha, okay. Kemudian, satu lagi saya pohon kalau boleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri juga mempertimbangkan kalau boleh didasarkan *charge* kepada syarikat-syarikat berkenaan berdasar kepada pendapatan sebenar bukan berdasarkan kepada *invois*. Kalau *invois*, banyak zaman sekarang ini yang tidak bayar. Kadang-kadang kalau sama-sama swasta lagi parah. Kalau dengan kerajaan ini insya-Allah, harapan dia *quite positive* untuk dapat *payment* walaupun mungkin agak lambat, tetapi dengan swasta ini, *chances* dia kadang-kadang 60,40,70 dan 30 walaupun kita bertemu dengan pihak jabatan. Pihak jabatan kata itu bukan tanggungjawab kami, itu tanggungjawab pihak berkenaan yang terpaksa kejar pembayaran tetapi kadang-kadang kita mesti melihat situasi tertentu. Kadang-kadang syarikat ini umpamanya dia terpaksa gulung tikar pun ada, ekuiti dia sudah bertukar, kemudian *ownership* sudah bertukar umpama MAS. MAS sekarang ini banyak tidak bayar syarikat-syarikat pengedar dan juga pengedar kepada MAS. Tiba-tiba mungkin tidak lama lagi sudah hendak tukar tuan baru. Swiss Air kah apa kah 'S' Air, kependekan Swiss Air itu, nantikan susah dia kena *record check* balik, semak balik *record*, makan masa. Kadang-kadang enam bulan tidak selesai. Pasal terutama melibatkan syarikat-syarikat korporat yang besar yang tidak membayar hutang. Jadi, sekarang ini yang terbaru kita lihat British Telecom kalau tidak silap saya sudah mula hendak menjual *stick* dia di dalam Maxis.

Ini kalau macam itu hendak jual, saya pun bimbang takut Maxis pun juga dalam keadaan yang tidak stabil kerana saya pernah berpengalaman dengan Maxis sebelum daripada British Telecom membeli saham mereka, mereka tangguh *payment* sampai hampir dua tahun, tetapi bila British Telecom membeli saham tersebut, baru mereka bayar. Alhamdulillah, akhirnya kita mendapat bayaran.

Jadi, saya mintalah pihak jabatan mendasarkan kepada pendapatan sebenar bukan kepada *invois-invois* yang dikeluarkan. Di samping itu, kami tahu bahawa kami pun hendak sokong juga. Bukan kata tidak mahu sokong, kena sokong juga kerana bila kami memerintah nanti pun kami hendak pakai akta ini juga. Jadi, sama-samalah demi kebaikan negara, kita lihat kepada kebajikan rakyat umum lebih daripada kita hendak menampung tentang kesilapan yang telah kita buat. Wallahualam.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada lain-lain?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak ada. Semula, semula.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong

11.45 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan rang undang-undang ini dengan rayuan kepada Yang Berhormat supaya memberi kelonggaran kepada pembayar-pembayar cukai sebab menurut kementeriannya, sistem tafsiran sendiri (STS) ini akan bermula pada tahun depan dengan dikenakan kepada lebih daripada 220,000 syarikat kemudian pada tahun 2003 akan dikenakan kepada koperasi dan peniaga dan seterusnya pada tahun 2004 kepada seseorang individu. Ini bermakna sistem bayaran cukai sudah diubah dengan banyak. Dengan sedemikian, kita nampak kalau tidak dilaksanakan dengan baik, akan menimbulkan masalah. Oleh sebab itulah, tadi saya bermula dengan rayuan supaya pihak kementerian melonggarkan syarat-syarat tempoh yang tertentu. Dengan fleksibiliti ini, maka kita boleh mencapai matlamat. Saya pun setuju kita mesti adakan satu pentadbiran sistem percukaian yang lebih efisien kerana memandangkan tiap-tiap tahun kita kutip hampir RM30 bilion hampir iaitu, setengah daripada hasil negara RM30 bilion.

Pada tahun yang lepas ini sudah kurang hampir 7% atau 8% atau lebih kerana itu keadaan ekonominya. Walau bagaimanapun, di dalam usaha pihak kementerian untuk melaksanakan sistem baru ini, saya menyeru supaya latihan yang lebih baik, yang lebih berkesan diadakan bukan sahaja kepada pegawai-pegawai kanan bahkan juga kepada pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk pegawai-pegawai yang lain bukan sahaja pegawai-pegawai kanan sahaja supaya semua pegawai faham, apakah yang dimaksudkan oleh sistem tafsiran sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali ialah kita sudah diberitahu pada tahun 1998, bahawa tahun tafsiran 1999 akan dikecualikan daripada membayar cukai dan bukan kerana rakyat Malaysia tidak membayar cukai tetapi pertukaran sistem sahaja, *pay as you earn*. Dan nampaknya pada awal tahun ini pihak lembaga sudah mengeluarkan *schedule tax system* iaitu satu *schedule* yang disediakan untuk semua

pembayar *tax scheduler*, *tax deduction*. Dengan adanya *pay as you earn* dan dengan *scheduler tax deduction* (STD), bolehkah Yang Berhormat terangkan, apakah yang telah terjadi dengan kutipan di antara tahun 1998 hingga sekarang dan apakah amaunnya yang telah dikutip melalui (STD) dan juga *pay as you earn* kerana kita sekarang mengalami peralihan kepada sistem yang baru dengan *pay as you earn*, dengan *scheduler tax deduction* dan sekarang dengan sistem tafsir sendiri.

Ini bermakna dasar percukaian Malaysia sudah pun berubah dengan beransur-ansur dan kalau tidak silap saya, masa peralihan ini kita menuju ke *value added tax* dengan satu *system tax* yang telah pun dilaksanakan di Eropah dan di Australia kalau tidak silap saya, dan ini secara percukaian tidak langsung.

System tax ini susah hendak dilaksanakan dan pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan pun sudah menyebut hal ini hampir satu dekad dia hendak laksanakan *value added tax*, tetapi sampai sekarang tidak berjaya. Dengan adanya sistem tafsiran sendiri, adakah pihak kementerian sudah bermula untuk membubarkan dasar bagi mengadakan sistem *value added tax*? Ini memang satu perkara yang penting Tuan Yang di-Pertua, sistem yang dilaksanakan misalnya di United Kingdom sekarang ialah untuk mengadakan cukai kepada sesiapa yang membeli barang. Yang tidak membeli barang, tidak dicukaikan. Inilah caranya untuk menambahkan percukaian tidak langsung *indirect tax* yang dianggap lebih adil untuk pembayar cukai. Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini sama ada strategi untuk mengadakan *value added tax* di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Belanjawan 2001, saya nampak Yang Berhormat Menteri Kewangan sudah mengurangkan 1% daripada semua cukai pendapatan dan ini bermakna sekarang ada lebih daripada 213,000 orang yang dikecualikan daripada membayar cukai dan ini juga bermakna pihak kementerian kurang ataupun pihak lembaga kurang mengutip hasil daripada lebih 200,000 orang ini, mungkin sampai RM800 juta ataupun RM900 juta. Bolehkah Yang Berhormat terangkan amaun yang tidak dikutip kerana kita ada pelepasan cukai 1% lagi kepada cukai pendapatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya memang setuju kita mesti adakan satu pentadbiran kutipan cukai yang lebih berkesan dan walaupun tidak disebut di dalam

rang undang-undang hari ini, tetapi di dalam rang undang-undang yang asal memang ada denda sampai RM20,000 dan penjara sampai tiga tahun dan penalti ke atas orang yang melanggar peraturan. Boleh kah Yang Berhormat mengkaji semula kriteria untuk siasatan dan juga kuasa yang diberi kepada lembaga untuk siasatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini memang lembaga ataupun kementerian mempunyai unit perisik sendiri, *intelligence unit*. Ini mungkin satu *intelligence unit* yang paling baiklah di dalam negara mengenai cukai. *Intelligence unit* ada kala mereka mendapat maklumat daripada pekerja-pekerja yang tidak puas hati dengan majikan dan juga dapat analisis sendiri daripada *tax return* dan Tuan Yang di-Pertua, seterusnya daripada maklumat-maklumat akhbar dan sebagainya. Saya berharap semua kriteria ini dapat dikaji semula secocok dengan zaman sekarang kerana ini dibuat pada tahun 1967, ini bermakna sudah 33 tahun. Ini memang ketinggalan zaman dan saya di sini menyeru sekali lagi supaya semua kriteria untuk siasatan dikaji semula dan juga kuasa-kuasa yang diberi kepada lembaga.

Sekarang lembaga ada kuasa yang sangat besar yang dikurniakan melalui Akta Cukai Pendapatan ini dan salah satu kuasanya ialah pihak lembaga boleh dapat rekod-rekod dan dokumen-dokumen pembayar cukai dan mereka boleh masuk ke premis untuk mendapat dokumen-dokumen ini dan penyertaan ini tidak payah mendapat waran. Begitu besar kuasanya dan ditambah pula di pihak lembaga boleh meminta dokumen-dokumen dan rekod-rekod daripada badan-badan yang lain, autoriti yang lain yang kena mengena dengan penyiasatannya. Saya berharap semua kuasa ini juga dapat dikaji semula kerana 33 tahun sudah kita tetapkan kuasa ini kepada lembaga sebelum ini kepada Unit Hasil Dalam Negeri dan perlulah kita untuk mengkaji semua ini supaya secocok dengan hasrat kita untuk zaman yang baru

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara lagi mengenai masalah-masalah yang akan dihadapi oleh syarikat sekarang dan saya diberitahu bahawa syarikat-syarikat dinasihati untuk mengemukakan pentafsiran. Tafsiran mereka satu bulan sebelum tahun kewangannya. Dengan tafsiran ini, mereka boleh menggunakan tafsiran tahun yang lepas dan saya hendak mengetahui, macam mana itu pihak lembaganya akan menguruskan semua ini. Sekiranya dengan itu tafsiran yang tidak betul, misalnya lebih daripada 13% cukai sebenar yang dibayar, apakah penalti ke atas

mereka? Kalau tafsiran ini kurang, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak lembaganya? Ini memang satu perkara yang penting kerana kalau tidak silap saya mereka boleh dikenakan penalti sehingga 10% daripada keuntungannya.

Ini memang satu penalti yang besar. Adakah pihak lembaga akan memberikan peluang kepada syarikat-syarikat untuk menaksir semula misalnya selepas dikemukakan tafsiran ini dan kemudian kalau didapati tafsiran itu tidak betul ataupun ada kesilapan, memang mereka diberi peluang untuk mentafsirkan semula. Memang saya hendak mengetahui, apakah yang telah dibuat oleh pihak kementerian ataupun lembaganya dan saya juga diberitahu bahawa notis yang dikeluarkan oleh lembaganya hanya diberi untuk tahun ini sahaja dan kemudian pada tahun 2001, pihak lembaga tidak akan mengeluarkan notis lagi untuk tafsiran percukaian. Tetapi, amalan biasanya sebelum sistem yang baru ini, semua orang dapat notis, tetapi sekarang akan diberhentikan dan itu memang akan menimbulkan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini dibuat, saya berharap pihak lembaga akan terus memberi notis untuk dua, tiga tahun lagi lah sehingga pihak syarikat mengenalkan diri dengan amalan yang baru ini dan ada beberapa masalah lagi iaitu mengenai tafsiran ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai 'J' Form yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga, bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa pihak Lembaga tidak akan keluarkan 'J' Form ini kepada pembayar cukai untuk tahun 1999 sebab saya nampak pihak Timbalan Ketua Pengarah iaitu Abu Hassan Mohd. Akhir sudah pun membuat kenyataan bahawa 'J' Form ini tidak akan lagi dikeluarkan. Saya berharap pihak Yang Berhormat dapat menerangkan mengapa ini tidak akan dikeluarkan lagi.

Satu lagi perkara ialah saya mendapat tahu bahawa ada setengah-setengah pegawai bersikap sangat keras sebab biasanya pembayar cukai memang takut kena penalti yang tinggi. Ada yang lari dari negara ini kerana tidak membayar cukai dan sebab itulah sikap pegawai-pegawai itu penting. Ada setengah-setengah itu mengambil kesempatan kerana pembayar cukai itu takut dan bolehkah kementeriannya mengadakan latihan yang lebih baik dan pilihan untuk pegawai-pegawai itu ada kriteria yang lebih ketat lagi supaya semua pegawai yang dilantik oleh pihak Lembaga adalah bersopan santun dan bertimbang rasa juga untuk semua

pembayar cukai ini. Saya setuju bahawa orang itu hendak mengelak cukai boleh, kita mesti bayar cukai sebab itu penting untuk negara ini tetapi di dalam semua urusannya pihak pegawai mestilah bersopan santun untuk menguruskan semua ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat sendiri ada menyertai seminar untuk *Chamber of Commerce* dan sebagainya. Saya ada nampak juga dan ini memang satu langkah yang betul tetapi bagi saya ini tidak mencukupi. Kita mestilah bukan sahaja melatih pegawai Lembaga dengan lebih baik bahkan juga memberi maklumat dan seminar kepada semua yang terlibat terutamanya persatuan-persatuan peniaga di seluruh negara.

Ini memang saya menyeru sekali lagi supaya kita mempergiatkan maklumat dan seminar ini supaya semua yang membayar cukai dapat mengetahui apakah yang dimaksudkan oleh taksiran cukai sendiri dan saya berharap pada masa yang akan datang kita akan kutip lebih RM30 bilion yang biasanya kita kutip untuk hasil negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. SibU.

12.04 tgh.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya menyentuh satu dua perkara sahaja. Saya merujuk Seksyen 82 di bawah seksyen itu *tax payer*, dengan izin, perlu simpan rekod akaun untuk masa 7 ta hun dan sentiasa sedia untuk diperiksa oleh pegawai dari Income Tax Department, dengan izin. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan sistem sekarang pack duty cases iaitu Inland Revenue Department berhak periksa balik 12 tahun pendapatan *tax payer*. Saya mahu tanya kalau seksyen ini hanya simpan atau *retain record* untuk selama 7 tahun sahaja nanti kalau kena back duty cases dia periksa 12 tahun iaitu rekod sisanya lima tahun bagaimana. Ada pakai taksiran di atas asas apa. Itu saya mahu tanyalah.

Tentang perkara ini saya pun terima banyak aduan dari pemimpin-pemimpin korporat kerana mereka ialah satu sektor rakyat di negara kita membayar cukai yang terbesar. Kadang-kadang mereka kena periksa back duty case untuk selama 12 tahun yang lalu. Itu biasanya mereka perlu siapkan dokumen-dokumen untuk selama 12 tahun, kadang-kadang dokumen ini tidak *complete* iaitu terlalu susah dan sulit untuk tax payer memastikan *exactly* pendapatan di dalam tempoh 12 tahun yang lalu.

Kadang-kadang Income Tax Department dan *tax payer* mereka sudah buat satu perjanjian kalau you bayar *back duty case*, tidak akan kena lagi *back duty case*. Tetapi satu dua tahun berikut mereka kena lagi iaitu *corporate leader* kalau gangguan begitu serius mungkin lebih baik pindah dia punya modal ke tempat lain atau luar negeri iaitu kondisi untuk operasi bisnes yang lebih sesuai. Oleh itu, saya ingin merayu kepada Kementerian Kewangan dan badan cukai dalam negeri, dalam masa pemeriksaan *back duty cases* perlulah beri penghormatan kepada pemimpin-pemimpin korporat supaya jangan *treat them like a criminal*, dengan izin. Itulah seksyen 82 saya ingin ...

Tuan Thong Fah Chong : [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun itu.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ya, okay.

Tuan Thong Fah Chong : Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan adakah kementerian beri anugerah atau *certificate* kepada orang yang bayar back duty yang banyak. Kalau di Indonesia ada banyak. Buktinya sikit hari lagi dia tidak akan menyiasat lagi. Adakah Yang Berhormat setuju dengan cara ini?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Saya memang setuju kalau orang bayar cukai yang terbesar saya fikir mereka perlu terima anugerah dari kerajaan. Maksud saya di sini kalau ada satu perjanjian selepas back duty case disiasat dengan selesai, jangan kembali lagi di dalam tempoh satu dua tahun, itu akan hilangkan kepercayaan atau *confidence* pemimpin-pemimpin korporat. Itulah saya fikir Kementerian Kewangan perlu beri perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk subseksyen 99(1) iaitu saya ingin mengucap tahniahlah kepada kementerian kerana beri izin *tax payer* untuk merayu *advance assessment*. *Advance assessment* sekarang di bawah sistem *self assesment* atau '*pay as you earn*' system, kadang-kadang kalau satu syarikat satu tahun mungkin dia dapat keuntungan banyak tetapi tahun berikut mungkin dia rugi. Tetapi menurut peruntukan atau peraturan ini tahun berikut contohnya perlu bayar cukai *in advance*

sama jumlahnya dengan tahun lepas yang mendapat keuntungan banyak. Itu saya fikir tidak sesuai dan tidak adil.

Saya ingin merayu mungkin kementerian berikan satu *leeway* untuk *tax payer* taksir tahun ke tahun sebelum mereka bayar cukai *in advance*. Jangan hanya ikut tahun yang lalu kerana sekarang khasnya di dalam *very volatile economy condition*, dengan izin, satu tahun mendapat banyak keuntungan, satu tahun mungkin rugi. Kalau perlu bayar cukai dengan taksiran tahun lepas itu akan menambah kesulitan kepada pemimpin-pemimpin korporat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk seksyen 108 subseksyen (6) iaitu sisa *tax credit* untuk dividen. Kalau ada sisa atau *excess* lebihan tidak boleh *carry forward*, dengan izin, selepas tahun 2000. Itulah saya fikir tidak adil. Kalau satu syarikat telah ada sisa *tax credit* di bawah Seksyen 108 saya fikir kerajaan perlu izinkan syarikat ini atau *tax payer carry forward* setelah selesai gunakan *excess tax credit* di bawah Seksyen 108.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana telah wujudkan IRD lebih *tax payer friendly* sekarang tetapi saya haraplah maklumat-maklumat pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967 perlu diserahkan kepada rakyat supaya mereka faham mereka tidak usah melalui contohnya professional accountant atau akauntan umum. Kalau mereka faham ini saya fikir mereka sedia membayar cukai kepada negara kita atas pendapatan mereka. Tetapi kalau ini saya fikir kita perlu, tadi saya kata janganlah pemimpin-pemimpin korporat khasnya di dalam menyiasat back duty case, *don't treat them like a criminal*. Itulah saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, kerana itu adalah satu kumpulan rakyat Malaysia yang membayar cukai yang terbesar untuk negara kita. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

12.15 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini lambat datang ke Parlimen oleh kerana kapal terbang lambat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin juga terlibat dengan membahaskan pemindaan Akta Cukai Pendapatan 1967 ataupun rang undang-undang D.R.44/2000. Tuan Yang di-Pertua,

saya rasa berbelah bahagi kepada persoalan percukaian di Malaysia kerana apabila kita pergi ke luar negara terutamanya di negara-negara Eropah, kita dapati cukai-cukai mereka kadang-kadang bukan sahaja tinggi tetapi setengah daripada pendapatan itu balik kepada cukai.

Umpamanya kalau kita pergi ke *northern countries* tidak adapun sebuah negara yang cukainya kurang daripada 50%. Tetapi sebaliknya pula di sebalik cukai yang tinggi pulangan *welfare* ataupun kebajikan yang diberi kepada penduduk di negara-negara tersebut adalah juga tinggi. Sebenarnya ketinggian pulangan pembayaran cukai ini ialah dihubung kait terus dengan *welfare state system*. Umpamanya kalau orang tua di negara Eropah di England umpamanya, kadang-kadang orang yang tidak bekerja lebih untung daripada orang yang bekerja gaji kecil. Kalau duduk dalam library umpamanya gaji dia mungkin 1 pound satu jam tetapi kalau dia tidak buat kerja apa-apa mungkin dia lebih dapat sepound 50 pence satu jam *on the dole*, dengan izin. Jadi, inilah masalah yang saya kata kadang-kadang rasa berbelah bahagi bahawa soalan tax tinggi dengan tax rendah. Tetapi di sebaliknya pula kalau kita hendak menarik pelaburan dan menggalakkan orang bekerja, kita tidak boleh mengelakkan bahawa tax kita mestilah diturun daripada tahap apa yang ada pada masa sekarang kepada peringkat yang mana boleh menggalakkan orang rajin bekerja.

Kerana kita bimbang kita melihat di negara-negara Europe tidak ada *competitive age* lagi untuk orang tidak bekerja melainkan gaji itu cukup tinggi boleh mendapat pulangan atau *take home pay* dia cukup tinggi juga. Kalau tidak, ini tidak menggalakkan orang bekerja oleh kerana dia apa guna bekerja kalau kita bagi 50% daripada pendapatan kita kepada kerajaan pula bahkan kita masih sihat. Kalau tidak ada orang tua, tidak jadi orang tua, hendak pula *early to be on the dole*, dengan izin, jadi tidak payah kerjalah, duduk dalam rumah sahaja. Tetapi di sini kita tidak galakkan orang bekerja. Hendak galakkan orang bekerja dengan sendirinya kita punya tax level itu kena diturunkanlah untuk jadi satu insentif.

Jadi dengan keadaan sedemikian saya bersetujulah dengan Yang Berhormat bagi Kepong tadi walaupun kadang-kadang Yang Berhormat bagi Kepong pun bercelaru juga. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong berhubung

dengan tahap tax kita belum lagi mencukupi tahap yang sepatutnya. Macam di negara Asia saya ingat ada yang sampai kepada tahap 25% sahaja maksimum tax dia. Jadi sepatutnya Malaysia daripada sekarang 28 boleh diturunkan lagi mungkin sampai ke-26 atau 27, ya Kepong? Bersetuju atau tidak? Kepong mesti bersetuju sebab dia memang selalu cerita cakap inilah. Kadang-kadang Yang Berhormat bagi Kepong betul juga cerita dia.

Jadi di sebaliknya kita dalam persoalan perniagaan, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat banyak yang berniaga pada masa sekarang ialah orang yang besar-besar sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sibu yang banyak membuat satu *contribution* kepada kerajaan bahkan sebagai sumber kewangan kepada kerajaan untuk menggaji semua orang dalam Parlimen, pegawai-pegawai kerajaan dan membangun negara ini.

Jadi dalam keadaan sedemikian saya memang bersetuju 100% setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sibu, *tax payer* ini sama ada syarikat ataupun individu janganlah di *treat* sebagai criminal. Mereka adalah pembayar gaji kepada orang yang access tax itu sendiri, pegawai-pegawai kerajaan termasuk kita sendiri di sini.

Jadi, orang yang menjadi *resource* kewangan kita, kita sepatutnya memberi penghormatan yang lebih kepada mereka walaupun kita patut bersikap tegas mengikut garis panduan undang-undang. Jadi, dalam satu keadaan yang sedemikian, kita mesti melihat undang-undang kita mestilah adil daripada segi *taxation system* dan pegawai-pegawai kerajaan, bukan sahaja dikehendaki efisien dan cekap tetapi juga mestilah menunjukkan budi pekerti yang baik, yang boleh diterima, yang boleh menggalakkan orang itu, kalau pun tidak lain, sekurang-kurangnya pegawai *taxation* kita adalah pegawai yang berhemah dan berbudi pekerti tinggi dan boleh melayan orang yang mendatangkan satu sumber kepada negara ini sebagai orang bukan salah dari segi jenayah.

Kalau pun ada seseorang cuba hendak melarikan diri daripada pembayaran tax kerana dalam sistem peruntukan, kalau kita lihat secara rapi, apa yang dikatakan *tax evasion* ataupun *tax avoidance*, dua perkara yang berlainan. Satu dianggap salah dan satu tidak dianggap salah. Jadi, kalau dia cuba hendak menggunakan sistem yang

dikatakan *tax avoidance* itu tidak salah, tetapi oleh kerana the margin mungkin dia adalah *very narrow*, yang mana satu dikatakan *tax evasion* ataupun satu lagi *tax avoidance*, janganlah anggap terus menuding jari kepada dia, “Kamu ini telah sengaja melarikan diri daripada cukai”. Kerana tidak ada seorang businessman yang tidak hendak meraih keuntungan yang besar walau dengan cara apa sekalipun. Kadang-kadang boleh di *reinterpreted* benda-benda yang haram itu dikatakan halal dari segi undang-undangnya.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, kita jangan terus mengatakan ini hitam dan ini putih. Mesti ada *grey in between*. Tiap-tiap pembayar cukai mestilah dilayan dengan baik dan keadaan yang sempurna. Saya bukan menuduh sebenarnya. Saya pernah datang ke pejabat Income Tax ini oleh kerana pada masa dahulu, saya seorang pengamal undang-undang, pendapatan saya mungkin lebih daripada seorang Ahli Parlimen. Jadi, apabila saya menjadi Ahli Parlimen pada tahun 1990, datangnya cukai yang di *reassess* pada tahun 1988 dan 1989, dihantar kepada saya. Pada waktu itu, sebagai Ahli Parlimen, saya tidak langsung berkemampuan hendak bayar.

Kalau saya ada *legal practitioner* hendak bayar bil RM70 ribu, saya boleh bayar macam itu sahaja. Tetapi sebagai Ahli Yang Berhormat, pendapatan RM4 ribu lebih, Tuan Pengerusi, rasa hendak jual seluar dalam. [*Disampuk*] Jadi, sudahlah kita tertekan, kita tidak pernah tengok bil yang daripada Income Tax ini. Kita tahu undang-undang di sebaliknya, jadi apabila berjumpa dengan pegawai, kalau pegawai bercakap kasar lagi, saya memang tidak boleh maafkan dia. Tetapi, alhamdulillah, saya jumpa pegawai yang baik. Dia betul-betul pakai topi haji, pakaian yang menunjukkan keislaman dia, perangai pun betul-betul Islam, Tuan Pengerusi, ramah-tamah, lemah-lembut perangai bila berjumpa saya. Tetapi kadang-kadang ada orang itu bercakap, dia pakai pakaian yang indah-indah macam orang Islam, pakai jubah dan sebagainya, pakai topi haji kata orang Sarawak tetapi perangai tidak Islam. Ha, ini kita bimbang.

Jadi, itulah apa yang hendak disebut, mungkin Yang Berhormat bagi Sibul pernah berjumpa kerana beliau juga pengamal akauntan. Dalam keadaan sedemikian, kita mestilah mewujudkan suasana yang baik dan sempurna untuk peniaga, bukan sahaja yang besar tetapi juga yang kecil.

Dalam soal ini balik, saya sebut tadi, peniaga yang mendapat keuntungan dan pendapatan yang besar membayar cukai yang besar kepada pihak kerajaan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tadi. Dia kata bagi certificate kepada orang yang *very good tax paymaster*.

Maknanya, apabila dia bayar tax itu secara baik-baik, tidak banyak dorongan atau *pressure* daripada kerajaan, tiaptiap tahun dia bayar dengan baik, orang itu mestilah diberi certificate. Tetapi pada saya patut bukan sahaja certificate, rebat pun boleh. Daripada yang lari lebih baik bagi rebat. Bagi rebat, dia dapat keuntungan dia balik. Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita salah nilai pemberian walaupun kepada umpamanya, Yang Berhormat bagi Sibu seorang jutawan, walaupun RM10, pada dia tidak ada nilai tetapi kalau dia menerima rebat daripada kerajaan sebanyak RM10, dia berasa bangga. Dia kata kerajaan menghargai kejujuran aku. Dia bagi RM10 balik kepada aku.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, saya bersetuju bukan sahaja certificate, bahkan boleh rebatkan kalau dia memang *very good tax payer*, assessment dia sempurna, laporan dia baik dan pembayaran dia tidak payah ditagih oleh pihak kerajaan.

Jadi, daripada itu saya berpindah kepada soal minta tanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah mengenai *service tax* ini, Yang Berhormat. Tiap-tiap kali kita pergi ke mana-mana tempat, kalau orang yang satu peringkat *earning capacity* satu-satu badan syarikat dan sebagainya itu, sampai RM300,000 setahun – saya lupa berapa ratus ribu setahun, dia boleh bayar *service tax* dan sebagainya. Tetapi bila terkena *service tax* dan sebagainya itu, saya hendak bertanya, saya hairanlah kalau di hotel industry, saya duduk selama enam bulan setahun dalam hotel ini. Sebab itulah kadang-kadang kita lihat, *service tax* kena bayar juga tetapi bila angkat beg, kadang-kadang kita rasa hendak bersedekah dengan orang itu, kita bayar juga *tip* kepada budak-budak angkat beg itu bukan compulsory tetapi kita bayar.

Persoalannya Tuan Pengerusi, di mana perginya duit yang dikumpulkan oleh syarikat ini? Adakah dibayar kepada kerajaankah ataupun dibahagi-bahagi dengan pekerja-pekerja yang duduk dekat satu-satu syarikat itu. Kalau misalnya di hotel, ada orang bekerja seramai 100 orang, *service tax collected for the year* mungkin RM1

juta, adakah duit ini dibahagi-bahagi dengan mereka ini sebagai bonus hujung tahun? Ataupun duit ini masuk dalam saku kerajaan.

Kalau dikatakan *service tax in lieu of tip*, umpamanya, sepatutnya balik kepada pekerja-pekerja. [Disampuk] Jadi, betul kata Yang Berhormat bagi Selangau dan Lubok Antu ini, Tuan Pengerusi. Mungkin sistem Lubuk Antu macam itu agaknya. Jadi, saya hendak bertanya dengan pihak kerajaan, persoalan yang pertama, tiap-tiap tahun berapa jutakah kumpulan yang kita terima daripada *service tax* ini dan ke manakah pergi wang yang kita kumpul sebagai *service tax* ini? Adakah pulang kepada pekerja-pekerja yang bekerja di tempat-tempat yang tertentu dan macam mana mekanisme membayar kalau dibayar kepada pekerja? Kalau tidak, mengapa tidak dibayar?

Satu lagi, Tuan Pengerusi, soal income tax individu. Income tax individu dalam pindaan ini ada menunjukkan iaitu di bawah sistem pembayaran, kalau dia beroperasi sebagai firma dan kalau firma itu mengambil seorang lagi rakan kongsi perniagaan dan penilaian income tax dia akan bermula pada hari penilaian tahun kemasukan dia dalam syarikat itu. Walaupun sistem lain ada terlibat juga iaitu sistem pengalihan syer firma. Tiap-tiap seseorang memasuki satu firma daripada *sole proprietorship* dengan izin, kepada *firm partnership*. Kalau dia memasuki, ada *undertaking* ataupun jaminan daripada yang masuk kemudian itu, yang dia akan bertanggungjawab kepada apa sahaja *liabilities* termasuk tax, kemungkinan.

Tetapi di sini Tuan Pengerusi, kalau kita lihat kalau seseorang itu mengadakan perniagaan pada bulan Januari tahun 2000, umpamanya,. Selepas itu pada bulan Julai, umpamanya, oleh kerana *some strategic alliance* yang hendak di *created*, dengan izin, dia mengambil seorang 'B' lagi masuk syarikat dia. Mengikut undang-undang ini, penilaian tax adalah bermula daripada 1 Januari 2000 juga tetapi pada hakikatnya, dia tidak terima apa benda pun dari 1 Januari sampai bulan Julai. Jadi, sepatutnya dia ini tidak kena tax. Tax kena pada yang dahulu sahaja, yang kemudian ini, tidak payahlah kena tax hingga sampai bulan Julai.

Jadi, macam mana mekanisme supaya perkara ini lebih adil lagi kalau dilihat daripada segi realitinya perniagaan kerana kadang-kadang penilaian daripada income tax dalam mana-mana firma sama ada firma profesional ataupun firma perniagaan jual

kacang putih ataupun kacang cendol umpamanya, memang sama. Dia lihat daripada segi syer dia, kebanyakan saham yang dipegang dalam itu. Jadi, diagihkan mengikut itu.

Tetapi persoalan yang saya tanya tadi, adakah juga melihat berapa lama dalam tahun berkenaan terutama sekali tahun 2000 yang disebutkan tadi, kalau tahun-tahun yang lain pun sama juga, dia akan dikenakan tax berlandaskan kemasukan dia itu kerana dalam undang-undang ini dikatakan terletak kepada tahun dia masuk. Makna dia, kalau dia masuk bulan Julai, Ogos, September atau bulan Disember sekali pun, tahun penilaian adalah tahun itu juga. Tetapi penilaian untuk individu, adakah mengikut bulanan ataupun bagaimana?

Ini amat penting, Tuan Pengerusi, oleh kerana kadang-kadang masyarakat di luar, kebanyakan yang dipegang sekarang bukanlah begitu bijak mengetahui sistem perkiraan dalam cukai ini. Bahkan, orang yang pandai membaca tidak mahu membaca. Orang yang dilatih mengetahui undang-undang, bahkan peguam sendiri pun, dia tidak hendak baca buku ini. Dia serah bulat-bulat dengan pegawai pengira cukai. Dia tidak hendak kira. “Kamu buatlah kamu punya profesion, apabila okay, saya akan bayar macam itu sahaja”. Kadang-kadang itu *attitude* ataupun sikap seseorang individu yang terlibat dengan perniagaan ini.

Jadi, dalam keadaan mereka ini memang mereka sudah dianggap orang menerima hakikat bahawa yang mereka ini akan bertanggungjawab kepada kelemahan mereka sendiri. Ini dikatakan bolehlah. Tetapi bagaimana pula orang yang berjual goreng pisang, kacang cendol, jual ikan bilis, ikan ‘pusuk’ kata orang Sarawak ataupun jual ikan masin, kena income tax. Persoalannya di sini, kadang-kadang borang yang baru, kalau di Sarawak, benda ini sudah dianggap lama tetapi kalau di Semenanjung ini, sistem perkiraan dan sebagainya yang kita *introduce* tahun lepas adalah benda baru dan mungkin orang belum kenal.

Kalau bagi individu, pegawai-pegawai kerajaan dan peniaga-peniaga kecil, mungkin tidak begitu mahir dalam apa sahaja perkiraan income tax ini. Mereka menjadi sangat tertekan sekali. Jadi, mereka menyerah bulat-bulat soal mengira income tax ini kepada pegawai IRD itu untuk mengirakan cukai mereka dan pegawai atasan jabatan mereka kerana saya percaya kalau orang bekerja dengan syarikat

kerajaan, pemotongan bulanan masih dibuat dan dibayar dan kalau tidak mencukupi akan dibayar berlandaskan laporan-laporan yang akan diterima selepas itu.

Jadi, kita menghargai juga tindakan-tindakan yang dibuat oleh Lembaga, menghantar pegawai-pegawai di pusat-pusat membeli belah, di mana-mana sahaja pejabat untuk menolong masyarakat umum membuat perkiraan dan mengisi borang tetapi persoalannya, berapa peratus sahajakah masyarakat yang boleh diberi bantuan sedemikian. Maknanya, bukan semua masyarakat peniaga, bukan semua masyarakat pekerja dan pegawai-pegawai kerajaan yang boleh mendapat kemudahan bantuan daripada pegawai-pegawai IRD ini mengisi borang dan sebagainya.

Jadi, saya menyarankan kalau dapat pihak IRD, terutama sekali di kalangan peniaga-peniaga kecil, diadakan seminar-seminar yang tertentu, ada latihan-latihan yang tertentu untuk memperkenalkan kepada mereka. Bukan sahaja soal borang tetapi juga soal apa yang boleh diberi rebat, apa kemudahan, apa keuntungan dan sebagainya. Apa sahaja elaun-elaun yang boleh diberi di bawah undang-undang ini diberitahu kepada mereka. Kadang-kadang orang tidak tahu apa benda yang dilulus dalam budget tahunan itu, Kementerian Kewangan mengumumkan apa yang dimaaf daripada *income tax* dan sebagainya, sebanyak mana yang dimaafkan. Tetapi kadang-kadang orang itu, berapa peratus sahaja yang dengar?

Yang televisyen satu hari itu, mungkin masa Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan budget dia, dia masih bekerja di ladang ataupun di mana-mana sahaja. Jadi, pengumuman ini bukanlah menjadi satu maklumat kepada 100% rakyat yang akan membuat laporan cukai kepada kerajaan. Jadi, maklumat ini mestilah disebar seluas-luas mungkin kepada semua rakyat Malaysia yang ada hubung kait atau terlibat dengan pembayaran cukai kepada kerajaan kerana dengan keadaan kesedaran ini jugalah, maka tugas pihak IRD nanti akan lebih ringan sedikit kerana orang sedar dan dalam keadaan sedemikian mungkin akan meringankan juga pekerjaan-pekerjaan semua pegawai kerajaan yang terlibat dalam pengumpulan data dan sebagainya.

Boleh juga menguntungkan masyarakat pembayar cukai ini, mengetahui apakah keuntungan dan kerugian yang bakal mereka hadapi berhubung dengan pendapatan yang diterima tiap-tiap tahun sedemikian kerana tidak kurang orang

bertanya dengan Ahli Parlimen. Umpamanya, bertanya soal anak dia pergi sekolah. Sejauh manakah elaun anak pergi sekolah? Adakah insurans yang dibayar untuk education anak dia ini juga mendapat rebat? Adakah buku yang dibeli untuk anak ini mendapat rebat? Sejauh manakah buku yang boleh dikatakan rebat? Adakah dia beli buku untuk bacaan tiap-tiap hari kerana ini juga satu pendidikan.

Buku novel yang dibaca tiap-tiap hari sebagai didikan kerana hendak mempelajari bahasa Inggeris, kita kena baca banyak buku Inggeris. Membeli buku Inggeris ini juga boleh mendapatkan rebat kepada anak-anak ini. Jadi, persoalan ini masih banyak belum diketahui kerana bukan masalah undang-undang kerana kita hanya mengambil anggapan atau *take for granted* bahawa tiap-tiap orang di *assume* ataupun dianggapan telah mengetahui undang-undang yang dibuat oleh kerajaan. Memang begitu secara falsafahnya iaitu undang-undang apabila diluluskan oleh Parlimen dianggap diketahui oleh rakyat di negara tersebut.

Tetapi anggapan ini daripada segi realitinya adalah tidak tepat. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, sekurang-kurangnya *target group* – pihak peniaga, pegawai-pegawai kerajaan diberi penjelasan ataupun seminar, walaupun singkat berhubung dengan borang, berhubung dengan mekanisme, keuntungan, kemudahan, kerugian dan sebagainya berhubung dengan cukai-cukai yang akan dikenakan kepada pendapatan mereka dan apakah pulangan-pulangan yang lain yang didapati oleh mereka. Bahkan lebih baik juga kalau kita beri penjelasan kepada masyarakat kerana orang kata, kenapa pula di England, kalau saya tidak kerja pun dapat gaji daripada kerajaan. Kenapa di Malaysia tidak boleh bagi? Ini hendak bagi orang PPRT atau orang miskin pun susah hendak fikir. Ahli Parlimen sampai minta dalam Dewan ini supaya duit dikeluarkan untuk memberi kepada rakyat termiskin ini, kenapa tidak bagi?

Di England dan di negara-negara Eropah tidak buat apa-apa pun, tiap-tiap orang tidak ada kerja pun kena bagi juga. Jadi, kenapa? Jadi, ini kena diberi penjelasan oleh kerana tax kita begitu rendah sekali. Kerajaan tidak ada sistem *welfare* ini *Welfare system* ini adalah *burden* kepada Eropah, *burden* kepada Amerika, negara-negara yang mengamalkan sistem *welfare* ini adalah satu, kita banyak membaca buku-buku, risalah-risalah penyelidikan berhubung dengan sistem

welfare ini tetapi ini perlu diberi maklumat kepada masyarakat umum supaya masyarakat umum jangan tertanya-tanya dan mempersoalkan tindakan-tindakan kerajaan ataupun kegagalan kerajaan mengambil tindakan sesuatu. Jadi, mungkin ini juga akan menunjukkan kebaikan kepada pihak kerajaan kerana orang mengerti kenapa kerajaan bertindak sedemikian.

Jadi, Tuan Pengerusi saya ingin bertanya soalan balik kepada individu pula. Kalau tidak salah saya, kalau kita menjaga ibu bapa kita. Ini adalah untuk menggalakkan *the caring attitude* ataupun sikap kasih sayang di antara rakyat Malaysia. Sejauh manakah elaun diberi kepada individu yang memberi peruntukan ataupun membela kehidupan ibu bapa mereka, orang tua mereka. Orang lain yang duduk diam dengan mereka ataupun mana-mana sahaja orang diam dengan mereka. Ini tidak termasuklah kalau ada ceramah politik di rumah, itu tidak masuklah Yang Berhormat. Ini mungkin termasuk orang betul-betul diam dengan kita oleh kerana keadaan hidup dia dalam keadaan *extended family*.

Jadi, sebanyak mana dan sejauh manakah sistem ini boleh diimplementasikan dan kepada siapakah yang layak menerima dalam keadaan yang sedemikian. Dan penderma juga, Yang Berhormat, kalau saya menderma kepada badan-badan, apakah badan yang boleh menerima rebat cukai kepada saya kalau saya menderma dan rebat ini adalah penting, mungkin tidak payah diminta.

Pada masa sekarang, saya faham, saya banyak terlibat juga dengan soalan mencari derma dan sebagainya iaitu apabila kita mencari derma kita kena tulis dengan IRD meminta dimaafkan daripada cukai supaya ada galakan kepada penderma macam Yang Berhormat Sibul, kalau hendak bagi RM1 juta kepada Pengakap umpamanya, dia kena dapat rebat tetapi kita kena bermohon tetapi kadang-kadang minta permohonan ini memakan masa yang panjang tetapi tindakan-tindakan badan-badan yang tertentu menjalankan tugas mereka sebagai pencari derma iaitu satu badan *welfare* ataupun amal adalah terikat kepada beberapa syarat.

Jadi syarat-syarat ini agak membebankan, bagaimana kalau saya bertanya atau memohon kepada pihak kementerian supaya memikirkan apabila seseorang itu menderma kepada satu badan yang dianggap badan itu layak menerima *tax exemption*, dengan izin, tidak payah dimohon dahulu daripada itu bahkan secara

automatik apabila derma itu diberi sahaja dan badan itu dianggap layak menerima derma yang sedemikian, syarikat itu boleh diberi *tax rebate* sebanyak mana derma yang telah diberi kepada badan itu.

Saya melihat di negara-negara lain yang mana untuk menggalakkan penglibatan badan-badan amal, badan-badan sukarela dan banyak badan lain lagi yang dari segi agama dan sebagainya yang layak menerima bantuan daripada pihak kerajaan, umpamanya masa tidak berapa minggu dulu iaitu kumpulan daripada Hungary datang ke pejabat Yang Berhormat tuan Yang di-Pertua sendiri yang saya duduk bersama.

Saya memang sudah tahu iaitu Hungary ada mempunyai satu *tax system* yang amat unik bahkan dibincangkan di seluruh forum-forum dunia mengatakan mempunyai satu *tax system* di mana 1% daripada tax seseorang individu itu ataupun syarikat itu didermakan terus kepada badan-badan amal, badan-badan kebajikan dan badan-badan sosial yang telah dikenal pasti. Badan ini kalau di Hungary, dia ambil badan ini di bawah naungan satu syarikat. Syarikat mempunyai income tax 1% secara automatik terus masuk ke bank akaun badan ini, tidak dibayar dengan kerajaan lagi, terus dibayar kepada situ.

Jadi dia bukan bayar lebih, kalau syarikat itu bayar RM1 juta umpamanya kalau 1% itu, RM1,000 dibayar dengan secara terus, dia tidak beri kerajaan negeri RM1,000 itu terus masuk ke dalam bank akaun badan amal ini. Jadi kalau badan amal ini mempunyai syarikat yang demikian, ada lima, enam, dengan sendirinya dia sudah mendapat keuntungan daripada badan ini.

Jadi, walaupun sistem ini tidak saya mintakan di sini, buat sementara mungkin pada satu ketika kementerian boleh memikirkan juga untuk meningkatkan keadaan kasih sayang, *caring society* yang kita hendak promosikan ini dan memperbanyakkan lagi NGO yang dipanggil badan agama, badan amal, badan kebajikan dan sebagainya di negara kita ini yang akan mencetuskan *the caring society* antara rakyat Malaysia. Sistem di Hungary ini amat unik dan banyak dibincangkan, mungkin boleh dipertimbangkan untuk diperkenalkan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut sedikit persoalan pendapat yang diterima daripada orang-orang yang membuat bisnes di negara ini, orang-orang

daripada luar negara umpamanya mana-mana saja kita lihat iaitu berkemungkinan pada satu ketika nanti bidang-bidang profesional, peguam, jurutera, akauntan, medical dan sebagainya akan terbuka luas. Mana sahaja orang boleh datang ke Malaysia ini untuk membuatkan perniagaan mereka ataupun menjalankan pengamalan mereka dari segi bidang profesional mereka tetapi dalam keadaan sekarang ini yang mana *electronic transfer of fund* ini boleh dibuat secara apa sahaja berkemungkinan adalah masalah untuk kita mengatasi pembayaran cukai.

Jadi, umpamanya kalau tidak terang apa yang saya jelaskan tadi, saya berikan satu misalan. Umpamanya kalau satu syarikat besar yang melabur di negara ini tetapi dia sudah tersangkut dengan misalnya satu syarikat elektronik industri melabur di Malaysia. Selepas itu dia sudah tersangkut dengan satu syarikat profesional akauntan, N.C. Yang ataupun Arthur Anderson daripada luar negara.

Jadi, semua soalan perakaunan mereka akan dibiayai ataupun dijaga ataupun dibuat oleh syarikat akauntan ini. Tetapi dalam masa yang sama berkemungkinan bil tidak bayar di Malaysia, bil mungkin di bayar di tempat-tempat lain di mana dia dapat *tax holiday*. Jadi bagaimana kerajaan boleh mengatasi masalah ini. Saya akan berbincang secara panjang lebar persoalan ini dalam membahaskan Undang-undang Akauntan nanti, jadi saya tidak payah membebaskan kementerian berhubung dengan *taxation* ataupun benda-benda berhubung dengan *accounting* ini.

Jadi di dalam keadaan sedemikian, saya hendak tanya bagaimana sistem check kita mengatasi masalah berhubung dengan penggunaan pihak profesional dalam industri-industri yang tertentu dan bagaimana mengatasi supaya bil yang dibayar di Malaysia sepatutnya dibayar di Malaysia dan di *collect* di Malaysia dan perakaunannya juga dibuat secara terus dan terus juga di Malaysia supaya kita tidak kehilangan sumber tax cukai ini di Malaysia, itu satu.

Yang kedua, bagaimana kalau seseorang itu dia bekerja di Malaysia juga dia mendapat pendapatan di luar negara, bagaimana soalan *double taxation* dan sebagainya dengan negara-negara lain. Peraturan yang kita telah wujudkan dan bagaimana supaya jangan orang itu terbeban sangat di samping kita hendak ambil cukai kita tidak hendak orang itu terbeban sangat apabila masuk ke negara ini kerana dengan itu juga kita akan mengelak.....

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat Batang Lumar setuju kerana negara kita memerlukan sebanyak mungkin wang tukaran asing balik ke Malaysia. Saya ingin tanya Yang Berhormat dari Batang Lumar, setujukah kalau kita pakai satu sistem, semua *tax payers* atau rakyat Malaysia kalau mereka mempunyai pendapatan income dari luar negeri, bawa balik semua, bebas, tidak ada had waktu atau dengan syarat-syaratnya. Tidak usah pakai itu kerana ini akan menggalakkan mereka bahawa keuntungan dari luar negeri balik ke Malaysia, ini satu.

Soalan kedua, di dalam sistem *taxation grant* di negara kita, kalau satu kumpulan syarikat di bawah *holding company*, sebahagian anak syarikat mendapat keuntungan banyak kerana cukai banyak. Sebahagian anak-anak syarikat rugi, apakah pandangan dari Yang Berhormat Batang Lumar. Pandangan saya ialah kerajaan perlu timbang semula, kalau kita ada satu kumpulan, satu *group of company*, dengan izin, sebahagian mendapat keuntungan, sebahagian rugi, mereka boleh *counter each other* iaitu kira taksiran cukai ini di atas *group* sahaja, setuju atau tidak.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Baguslah soalan Yang Berhormat bagi Sibunya ini, akauntan hendak tanya lawyer, macam mana? [Ketawa] Tetapi Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat yang pertama itu iaitu income yang didapati ataupun di luar Malaysia, kalau saya dapat menyarankan kepada kementerian, saya bersetuju tiap-tiap rakyat Malaysia sama ada dia daripada segi *specialist* ataupun *doing something else outside* negeri ini ataupun macam mana sekali pun duit itu di dapati selain daripada *laundering* sahaja.

Saya bersetuju wang yang dibawa balik daripada negara asing ini, itulah yang mungkin yang telah dicukaikan di negara asing, di bawa ke negara ini tidak payah cukai lagi, tidak payah kira kalau dia bayar 1 bilion, bawalah 1 bilion tidak kiralah bila dia hendak bayar di sini sebab wang ini akan jatuh dalam sistem kewangan Malaysia akan menolong rakyat Malaysia membangun. Apabila wang ini digunakan dalam perniagaan di negara kita ini nanti, kalau keuntungan daripada perniagaan ini barulah kita cukai tetapi dia masuk sekali gus itu tidak payah cukai bila-bila masa dan bila-bila mana dia datang asalkan jangan wang yang dibuat sebagai *laundering* itu

sahaja. *Laundering* cukai itu menerusi Malaysia, jangan dia masuk hari ini, besok keluar semula ke negara lain, ini tidak boleh.

Jadi Yang Berhormat, mungkin kementerian boleh melihat mekanisme sedemikian. Saya amat bersetuju, kalau dapat Yang Berhormat kempen luar negara bagi kementerian akan bersetuju soalan ini. Jadi, kita bawa balik semua duit-duit Yang Berhormat, banyak kawan-kawan Yang Berhormat melabur di Hong Kong masa timber dulu, saya tahu ini. Tidak bawa balik kerana dia takut kena cukai.

Yang Berhormat, saya tahu ini, di New Guinea, Christmas Island, di Hong Kong, banyak duit orang Malaysia yang masih melabur di sana, mungkin satu Dewan ini pun tidak cukup, belum masuk dalam Malaysia kerana bimbang yang cukai sudah bayar sana, masuk sini bayar cukai semula. Sepatutnya kita bagi semua kepada semua orang jutawan-jutawan Malaysia yang duit yang mengalir keluar dibawa balik ke sini jangan cukai, biar dia berbisnes dulu, bisnes itu baru kita cukai. Tetapi kalau bisnes yang dia buat itu layak menerima status *pioneer* ataupun sebagainya pun boleh digalak semula, biarlah melabur di sini, membangun negara ini menggunakan wang ini didapati di luar negara. Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, saya melihat ini ada dua keadaan Yang Berhormat, satu *holding company* dan satu *subsidiary company*, kalau dikatakan pukul rata, kata orang Sarawak, kalau pukul rata dia tiap-tiap *subsidiary* yang begitu rugipun masuk dalam sini, cek semua sudah dapat, yang rugi ini kira satu blok sahaja, *the whole company*, kalau satu company itu dapat 100 *subsidiaries* sekalipun masuk kali ini nilaikan cukai untuk semua ini, kalau tidak ada cukai, lupus, *write off* tiada cukai.

Ini saya bukan tidak setuju, saya fikir dulu, lepas balik rumah saya fikir dulu [*Ketawa*] berbincang dengan Menteri Kewangan dulu. Tetapi kalau keadaan lain, Yang Berhormat, umpamanya kalau *holding company* itu melabur di dalam syarikat ini RM50 juta umpamanya tetapi pelaburan oleh kerana keadaan yang tertentu, kerugian, ini perlu diambil kira kerana dia serius hendak melabur ini.

Kita bimbang Yang Berhormat, kalau keadaan yang pertama tadi, orang *create* banyak *subsidiary company*, dia kata ini *subsidiary* lain and then menggunakan landasan itu supaya mengelakkan daripada cukai. Susah Yang Berhormat, tetapi kalau keadaan yang benar-benar dia menjalankan perniagaan, bunyi macam Menteri

Kewangan, [*Ketawa*] kalau benar-benar dia melabur dalam satu syarikat *subsidiary*, menjalankan perniagaan oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, dia mendapat kerugian, saya berpendapat yang layak menerima *package* syarikat-syarikat ini yang *subsidiary* kerugian ini boleh dimasukkan dalam *package holding company* dan dikira tax senario dalam satu pakej dan diselaraskan dan dapatlah dengan sendirinya macam rebat jugalah kerana dalam menjalankan industri ini, orang melabur ada pekerja dan sebagainya. Pekerja ini menerima duit dan duit yang diterima dulu sudah dikena tax juga, ada tax, bukan tidak ada tax. Jadi, Yang Berhormat.....

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih, minta penjelasan. Saya sebut prinsip income tax di dalam satu *group*. Saya banding dengan satu contoh, satu *general store* contohnya Parkson di Jalan Bintang sana. Di dalam supermarket itu banyak store park, store pakaian, alat-alat sukan, golf, kasut dan lain-lainnya, itulah sebahagian store mungkin untung banyak atau rugi. Tetapi akhir tahun dia semua kumpul nanti hanya taksir pendapatan bersih, bukan potong, hanya bersihnya iaitu *net income after taking into consideration of the different store*. Kalau ini prinsipnya dipakai di *general store* seperti Parkson, saya fikir mungkin ini sama sistem boleh dipakai di syarikat-syarikat di dalam satu kumpulan, setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Batang Lumar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau macam *general store* Parkson umpamanya Yang Berhormat sebut, saya setuju tetapi kalau syarikat *subsidiary* adalah aktiviti lain, saya belum cukup bersetuju, Yang Berhormat. Jadi itulah Yang Berhormat.

Jadi, Yang di-Pertua, saya pindah kepada soalan lain sebab sudah tanya dengan Menteri tadi soalan income from oversea, bawa balik, *holding company*. Ini pekerja-pekerja asing di negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang saya ingat kita mempunyai di antara 9 ke-1 milion pekerja asing di negara kita. Saya juga berpendapat sebahagian besar mereka ini berkemungkinan tidak membayar cukai kerana kebanyakan daripada mereka ini ada pekerja di kilang, pekerja di lombong, pekerja di ladang, kerja di tapak pembangunan dan pembantu rumah.

Jadi, mereka tergolong daripada yang mempunyai pendapatan-pendapatan yang kecil dan dalam masa yang sama mereka menerima semua kemudahan yang

rakyat Malaysia terima di negara ini. Dia menerima pembayaran kesihatan yang rendah, cukai dan macam-macam lagi kemudahan jalan raya, kereta api, semua sekali, api, air, minum. Semua benda yang kita terima, yang rakyat Malaysia lain terima, mereka juga terima.

Dalam masa yang sama, duit yang mereka terima ini tidak akan dibelanja di Malaysia. Berlainan daripada rakyat Malaysia, kalau rakyat Malaysia gaji RM400 akan dibelanja di Malaysia. Mereka gaji RM400 mungkin RM300 akan dihantar balik ke negara mereka sendiri. jadi ini perbezaan dia. Walaupun sama persoalan pendapatan tetapi berlainan *method of disposal* dengan izin, duit ini. Jadi adakah mekanisme supaya keadilan kita adalah betul adil dari segi realitinya, bukan Keadilan yang bertepuk bersorak, bertepuk di tepi jalan dan sebagainya. Ini keadilan yang betul-betul jati punya keadilan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah sambung pada pukul 2.30 petang?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batang Lular tadi sudah selesai? Sambung ya, sila.

2.31 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung persoalan pendapat yang diterima oleh pihak pekerja asing di negara kita, Malaysia. Tadi, secara ringkas saya menyebutkan iaitu macam mana kalau umpamanya orang di Malaysia menerima gaji sebanyak RM600 sebulan, RM3,600 setahun. Golongan ini tidak akan dikenakan *income tax*. Tetapi RM600

penerimaan tiap-tiap bulan ini adalah sumber kewangan yang akan dibelanja oleh rakyat Malaysia di Malaysia. Wang ini tidak akan mengalir ke sistem kewangan lain, mesti dibelanja dalam Malaysia juga.

Jadi persoalannya, rakyat asing yang duduk di Malaysia, kalau mereka menerima gaji RM600, mungkin dibelanja RM100, yang RM500 hantar balik sama ada ke Indonesia, ke Filipina, ke Bangladesh ataupun mana-mana tempat. Jadi, sumber kewangan ini akan hilang daripada sistem Malaysia akan dibelanjakan di India, di Pakistan, di Indonesia dan di mana sahaja, mereka ini bermastautin. Jadi persoalannya, kemudahan yang diberi dengan rakyat asing ini duduk di Malaysia ini, sama dengan rakyat Malaysia. Jadi, apakah mekanisme supaya keadilan yang betul-betul keadilan daripada segi pendapat *purchasing power* dan di manakah kemudahan dan keuntungan daripada sumber pendapatan oleh pekerja-pekerja ini mendapat penyelarasan daripada pihak kerajaan. Pada masa sekarang, kita tidak tahu juga, macam mana duit yang mengalir ke luar ini.

Jadi, saya hendak bertanya dengan pihak kementerian berapa banyakkah pendapatan asing terutama sekali pekerja-pekerja asing yang duduk di Malaysia mengalir ke Malaysia mengikut negara umpamanya ke Indonesia, ke Filipina dan ke Bangladesh dan negara-negara lain lagi. Dan, dalam sumber yang mengalir ini berapa banyakkah cukai pernah dikenakan oleh kerajaan kepada pekerja-pekerja ini yang telah dipungut oleh pihak kerajaan. Cukai yang dipungut oleh kerajaan daripada pekerja asing yang bekerja di Malaysia. Kerana mereka ini duduk di Malaysia, duit pergi ke lain tetapi kemudahan dapat yang sama.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi persoalan. Soalan pengeluaran sumber kewangan ini. Saya banyak menerima aduan daripada pihak-pihak yang tertentu, bukan daripada mulut pekerja asing ini sendiri tetapi daripada majikan mereka, orang yang mungkin ada pekerja di rumahnya mengatakan apabila mereka – kalau di Sarawak umpamanya kalau dia menyeberang sempadan Sarawak, di persempadanan itu ada orang selepas sempadan Malaysia itu menarik pekerja-pekerja asing ini yang diketahui datang daripada Malaysia membawa duit cash banyak. Bila ditarik, di sana ada cukai yang dibuat secara peribadi. Jadi, bermakna pengaliran wang ini kadang-kadang kalau dia bawa RM1,000 sampai di rumah pun

mungkin RM700 sahaja, yang RM300 itu dibayar kepada pemungut cukai, tol-tol di setiap tempat yang mereka lalui di sepanjang jalan.

Jadi, tidak mempunyai satu mekanisme yang tertentu sebagaimana duit ini kalau RM1,000 hendak dibawa ke Indonesia, RM1,000 hendak dibawa ke Filipina dan mana-mana negara akan sampai kepada matlamatnya RM1,000 juga. Dan, saya bertanya kepada pihak kementerian, adakah cadangan untuk mewujudkan satu *cash transfer mechanism*, dengan izin, daripada wang ini, bukan sahaja kita mengetahui berapa banyak sebenarnya wang yang kita kata bertukar tangan daripada rakyat asing di Malaysia ini dihantar ke negara-negara mereka sendiri secara nyata. Dan, diketahui boleh kita memantau banyaknya dan memantau juga sama ada pengeluaran wang ini mengikut apa yang kita faham sekarang ialah benar ataupun betul. Kerana banyak yang dibawa di tangan, dalam poket dan sebagainya tidak ada yang diberi maklumat kepada pihak-pihak kerajaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah daripada soalan penukaran wang atau pengaliran wang daripada sistem Malaysia kepada sistem kewangan asing, saya juga ingin bertanya dengan kementerian berhubung dengan cukai umpamanya kalau ada royalti, dividen dan sebagainya yang keluar daripada Malaysia ke negara asing. Pada tahun 2000, tahun 1999 berapa banyakkah mengikut tahunnya keluar oleh kerana pembayaran royalti dan dividen oleh syarikat-syarikat yang melabur di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada itu saya berpindah kepada soalan IT, *electronic transfer* dan sebagainya. Pada masa sekarang bermacam-macam cara untuk menghantarkan sumber kewangan. Ada menerusi bank, ada juga menerusi pos opis dan sebagainya. Ada juga orang hantar *cash* dalam *envelope*, ada juga orang hantar menggunakan cara-cara tangan bawa sendiri hantar kepada kawan-kawan yang melalui sempadan negara kita ini ke negara-negara lain. Tetapi cara ini adalah cara tradisional dan cara yang lebih mudah lagi dipandang sebagai orang business sekarang ini ialah secara *electronic transfer*.

Electronic transfer ini banyak kebaikannya tetapi juga ada masalah ekoran daripadanya. Kerana *electronic transfer* ini sumber kewangan akan bertukar tangan, berbilion-bilion pun berkemungkinan persoalan pemantauannya tidak akan diketahui.

Bahkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca satu buku karangan yang baru, berhubung dengan *flow of service and finance*, yang ditulis baru dalam tahun 1999 ini adalah satu industri yang besar pada masa akan datang bahkan satu industri yang menguntungkan. Bahkan pada masa yang akan datang semua *manufacturing*, *agriculture* dan sebagainya akan dapat dikalahkan oleh industri berhubung dengan *service and flow of finance* ini daripada satu negara kepada negara yang lain.

Jadi, berhubung dengan ini, kita juga akan melihat soalan keuntungan, soalan sumber pendapatan dan sebagainya akan keluar daripada negara ini atau masuk dalam negara ini melalui cara-cara sistem *electronic transfer* ini. Jadi, dalam keadaan sedemikian adakah kita mempunyai mekanisme yang tertentu, cara-cara yang tertentu supaya pihak kerajaan dan IRD umpamanya memantau masalah ataupun fenomena ini. Kalau tidak, kita akan terdapat yang kita akan kehilangan sumber cukai yang mana, mana-mana aktiviti ataupun perniagaan yang sepatutnya dapat dikenakan cukai ataupun kerajaan Malaysia boleh memungut cukai tetapi tidak mendapat cukai yang sedemikian, oleh kerana pertukaran tangan wang menerusi *electronic transfer* ini mungkin kurang *transparent* dan kurang telus dan susah untuk dipantau.

Ini memang satu fenomena ada ekoran dengan teknologi maklumat dan komunikasi yang kita alami pada masa sekarang dan ianya akan mendorong mana-mana negara yang terlibat pada masa-masa yang akan datang dan ini tidak boleh dinafikan akan menjadi satu fenomena yang dianggap *norm* kepada mana-mana negara di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi SibU tadi iaitu pindaan seksyen 82, yang mengatakan simpanan rekod dan rekod ini disimpan dalam masa tujuh tahun dan benar juga kata Yang Berhormat bagi SibU iaitu rekod mesti disimpan dalam tujuh tahun dan kalau diminta mana-mana rekod ini di bawah seksyen – ada diminta oleh pihak IRD kalau tidak dibagi di bawah seksyen 119A ini akan mendatangkan satu kesalahan yang mana hukumannya daripada RM300, tidak kurang daripada RM300 dan maksimumnya RM10,000.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dalam persoalan menyimpan rekod, kalau syarikat itu perniagaannya besar, saya percaya mana-mana syarikat besar boleh

menyimpan rekod yang banyak dan besar. Dan, rekod ini boleh juga disimpan secara elektronik mengikut undang-undang ini dan boleh juga dikeluarkan sebagai *hard copy* untuk diserahkan kepada pihak Lembaga apabila dikehendaki. Tetapi kalau kita lihat, kalau syarikat besar boleh simpan secara elektronik dan boleh dikeluarkan secara *hard copy*, dikeluarkan kepada pihak Lembaga apabila dikehendaki ataupun kerajaan kalau dipinta memang senang tetapi bagaimana syarikat-syarikat yang kecil-kecilan yang mungkin lagi belum menggunakan sepenuhnya IT ataupun menyimpan rekod-rekod mereka secara elektronik. Mereka masih menyimpan *hard copy* dan *copy* simpan buku, kadang-kadang kalau kita tengok dalam pejabat mereka simpan tujuh tahun mungkin dalam satu bilik besar, besar lagi daripada bilik operasi dia nanti. Terutama sekali kalau syarikat itu tidak menggunakan *paper less*, bukan *paperless*, *paperless administration*. Dengan sendirinya fail-fail berhubung dengan rekod, taxation dan sebagainya akan disimpan dalam masa tujuh tahun, ini akan membebankan syarikat-syarikat kecil-kecilan.

Jadi, saya melihat perkara ini adalah satu bebanan kepada syarikat-syarikat kecil dan adakah tidak ada satu kefleksibelan (*flexibility*) yang boleh diberi kepada syarikat ini tetapi dalam undang-undang ini saya tidak melihat satu-satu *discretion* yang boleh diberi kepada pihak IRD untuk memaafkan mereka yang tidak menyimpan rekod dan berkemampuan memberi rekod kalau diperlukan. Kerana dalam penyemakan *income tax*, dalam masa 12 tahun, tiap-tiap syarikat itu kalau dipinta mengeluarkan rekod, kalau rekod itu wujud dalam masa 12 tahun, iaitu dalam 7 tahun, selepas 10, 7, 8 tahun mungkin dia kata maaf, mungkin rekodnya sudah hilang, mungkin dia boleh dimaafkan di bawah undang-undang ini. Tetapi macam mana kalau dalam masa 7 tahun, dia tidak boleh mengeluarkan rekod yang berkenaan, dengan sendirinya dia sudah melakukan kesalahan di bawah undang-undang ini. Jadi, kalau syarikat itu besar, saya boleh kata, okeylah, tidak apalah kena hukum, kena hukumlah, kemampuan dia ada, tempat hendak simpan dia ada.

Tetapi kalau syarikat itu kecil, syarikat yang tidak besar mungkin masalah sedikit yang menyimpan rekod. Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua. Soalan pertama, macam mana memberikan kefleksibelan kepada syarikat ini supaya tidak

terkena, kena hukuman RM300 sampai RM3,000 itu sudah besar kepada syarikat yang kecil.

Situasi yang kedua, ada syarikat-syarikat yang kecil-kecilan ini mungkin *turn over* yang RM200 ribu, RM300 ribu dalam setahun tetapi mereka tidak berkemampuan menjalankan penilaian membuat *income tax* return dan sebagainya sendiri, dibuat oleh pihak perakaunan luaran daripada syarikat itu sendiri, orang lain yang buat rekod, semua rekod ini sebenarnya disimpan oleh syarikat audit di luar, mereka tidak menyimpan rekod-rekod perakaunan syarikat ini sendiri di pejabat mereka. Saya tahu ini berlaku banyak Firma-firma profesional yang meminta firma akauntan ataupun *secretarial firm* membuat laporan-laporan ini, mereka sendiri tidak menyimpan rekod. Rekod-rekodnya semua disimpan oleh syarikat audit.

Jadi macam mana kalau perselisihan faham atau audit itu sudah golong tikar dan sebagainya macam mana rekod hendak dapat, kalau rekod tidak dapat macam mana pula. Adakah syarikat ini akan dihukum juga oleh kerana tidak boleh keluarkan rekod. Padahal pada *old the time*, dengan izin, rekodnya disimpan oleh syarikat lain. Jadi, dalam undang-undang ini tidak ada memberi tanggungjawab ini kepada syarikat pengauditan supaya menyimpan rekod ini sejajar dengan pindaan ini supaya bukan sahaja syarikat berkenaan boleh dihukum tetapi penyimpan rekod itu sendiri patut boleh dihukum juga kerana mereka dipertanggungjawabkan oleh syarikat ini untuk menyimpankan rekod mereka sebagai audit kepada mereka. Jadi mereka ini kalau tidak ada kuasa di bawah undang-undang ini dengan sendirinya syarikat terkena oleh kerana kecuaiannya syarikat audit ataupun syarikat-syarikat lain yang mereka lantik untuk mengendalikan tugas-tugas yang sedemikian.

Jadi, ini perlu kita lihat secara dua, bukanlah kita hendak membahagikan sistem perniagaan di dalam negara ini ataupun sistem percukaian (*taxation*) di dalam negara ini kita bahagi kepada dua, syarikat besar satu sistem, syarikat kecil satu sistem. Syarikat besar mungkin lebih berkemampuan dalam mengendalikan soalan-soalan ini tetapi syarikat-syarikat kecil mungkin ada masalah sikit dalam mengendalikan masalah percukaian dan sebagainya ataupun menyimpan rekod dan sebagainya di sini.

Saya bertanyalah kepada pihak kementerian soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sibu tadi. Dia kata 12 tahun untuk penyemakan semula ke belakang *income tax* tetapi rekod disimpan dalam masa 7 tahun sahaja. Jadi, kenapa dibuat begini dan ini tidak selaras. Itu soalnya.

Tetapi saya hendak tanya satu soalan, rasional di sebaliknya kenapa tidak 6 tahun, kenapa tidak 5 tahun, kenapa tidak 10 tahun. Kenapa 7 tahun, kenapa tidak 8 tahun ataupun 12 tahun. Soalnya rasional di sebalik keputusan untuk membuat rekod itu disimpan hanya 7 tahun, kenapa? Padahal kita punya penyemakan 12 tahun tetapi rekod hanya 7 tahun, kenapa perbezaan ini dan apa rasional di sebaliknya. Kerana kita hendak tahu, kerana butiran di belakang, walaupun ada mempunyai penjelasan hanya mengatakan untuk menyimpan rekod, tidak ada penjelasan-penjelasan yang tertentu. Kerana mengikut undang-undang yang kita amalkan pada masa sekarang, sama ada kita secara *authority* di mahkamah ataupun *passwayship authority* yang diterima daripada *House of Lord* di London berhubung dengan undang-undang ialah apabila satu-satu keputusan hendak disemak, hendak dibuat, kalau kita hendak melihat apakah sebenarnya tujuan Parlimen meluluskan satu undang-undang kita mesti menyemak semula landasan yang dibuat oleh Parlimen itu sendiri, bila undang-undang itu digubalkan. Itu keputusan daripada *House of Lord*, saya percaya mahkamah Malaysia mungkin akan mengikut landasan bagaimana mentafsirkan maksud undang-undang kalau maksud itu kurang jelas dilihat daripada seksyen itu sendiri.

Jadi, kita perlulah penjelasan daripada kementerian supaya memberi penjelasan lebih terang lagi kepada kita supaya kita tahu kenapa 7 tahun dan kenapa tidak 12 tahun. Itu persoalan yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat.

Satu lagi soal syarikat-syarikat individu, kecil dan sebagainya. Orang yang membayar cukai dan sebagainya. Tadi saya menyebutkan dan Sibu mengatakan janganlah treat orang ini sebagai criminal ataupun penjenayah tetapi layanlah pembayar cukai ini dengan baik, dengan sempurna, beramah mesra walaupun kita tegas dalam menjalankan tugas kita sebagai dalam undang-undang ini. Saya juga memuji pihak IRD pada masa sekarang banyak perbezaan dan banyak perubahan

telah kita dapati kerana kita melihat daripada masa pembayaran balik kalau pungutan berlebihan.

Pembayaran balik kepada pembayar cukai sekarang adalah amat cepat sekali kerana saya mempunyai pengalaman peribadi pada tahun lepas yang mana saya mendapat pulangan bayaran balik cukai dalam masa satu bulan daripada notis diberi kepada saya, saya sudah menerima cek daripada pihak IRD yang mana dahulu bila kita sudah tahu pembayaran cukai itu mungkin satu tahun baru kita tengok cek, itu pun kalau kita sudah gaduh dengan pegawai. Tetapi sekarang benda itu sudah berubah sangat. Maknanya, kecekapan itu amat menyerlah kita lihat pada masa sekarang.

Tetapi dalam masa yang sama perkhidmatan pemungutan cukai ini adalah tunggak kewangan negara. Di sinilah letaknya negara mendapat sumber kewangan untuk membayar segala perkhidmatan, pembangunan dan sebagainya yang diusahakan oleh kerajaan di dalam negara ini. Jadi, saya masih ingin mengulangkan, apakah sistem pemungutan cukai kepada semua pengusaha-pengusaha, pekerja-pekerja sama ada orang dalaman ataupun asing di negara ini sudah mencukupi ataupun memuaskan pihak kerajaan. Kerana orang masih berkata orang yang menjual kacang, cendol, goreng pisang lebih besar gaji, pendapatannya daripada pegawai pegawai yang berpangkat eksekutif. Ini menunjukkan bahawa yang mereka ini boleh beli rumah batu, boleh membeli kedaiempat tingkat dan sebagainya dengan senang sahaja. Tetapi pegawai kerajaan, pegawai syarikat yang gajinya tetap mendapat laporan daripada syarikat ataupun daripada jabatan kerajaan kepada IRD berapa pendapatannya, dengan sendirinya setiap sen yang dia terima tiap-tiap sen itulah yang ditax mengikut landasan undang-undang ini. Orang yang berasal dari luar mungkin dapat beli rumah batu, rumah banglo dua tingkat, tiga tingkat, tetapi tidak bayar tax satu sen pun.

Kita faham jugalah kadang-kadang orang yang berusaha sedemikian, dia berpakaian baju singlet...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Shah Alam berdiri.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Berkenaan bayar cukai, saya hendak tanya Yang Berhormat sedar atau tidak sedar ceramah yang dianjurkan oleh PAS, selepas berucap mereka collect, keuntungan yang dikumpul itu bayar cukai atau tidak bayar cukai?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, persoalan Shah Alam itu memang relevan. Oleh kerana dalam undang-undang kita landasannya badan-badan yang tidak dikenakan cukai ialah badan-badan agama, badan-badan amal, badan-badan sosial yang diiktiraf. Tetapi politik, apa investment, pendapatan dan sebagainya dari segi politik mesti dikenakan cukai. Jadi, kita kena buat satu mekanisme apabila ada ceramah terutama sekali PAS dan KeADILan yang saya tahu, kalau ada ceramah kita mesti hantar pegawai IRD cek berapa pendapatan [*Ketawa*] dan kita letak cukai terus. Sebab kalau tidak, badan itu dikenakan cukai macam syarikat juga.

Saya melihat, Tuan Yang di-Pertua, kalau di Kuching mula-mula KeADILan masuk mungkin setahun lepas, dua tahun lepas, dia bawa satu meja dekat pasar malam, bawa satu meja dekat Sunday market. Dia buka sana satu poster kata derma kepada parti KeADILan. Inilah kali pertama saya melihat satu parti buat pungutan derma di gerai, macam gerai orang jual kacang. Jadi, saya pun tak hairan ini culture baru ataupun budaya baru kepada kita orang Sarawak. Tetapi saya pun ada pungutan wang bila ada ceramah, ada pembayaran derma mungkin RM100, mungkin RM10,000 daripada yang kaya. Macam Kemaman dia banyak duit, dia bayar banyak lagi. Ini tidak ada exemption, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Kemaman beri derma RM10,000 umpamanya, RM10,000 ini taxable.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sibub berdiri.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Saya berminat mengenai pendapatan derma PAS. Setujukah Yang Berhormat bagi Batang Lupar buku akaun PAS perlu diaudit. Kerana saya fikir mereka tidak hantar laporan ke IRD. Setujukah buku akaunnya perlu diaudit, pendapatan dan derma kena cukai.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tetapi sebenarnya lanjutan daripada jawapan saya dengan Yang Berhormat bagi Shah Alam tadi memang tiap-

tiap barang yang kita buat kalau ada incomenya, pendapatannya, dan pendapatan ini dibuat cukai dan kalau menjadi satu amalan badan ini ataupun syarikat ini membuat kutipan yang sedemikian, badan ini mestilah membuat buku-buku statementnya sendiri dan buku ini mestilah diaudit, mendapat report dan beri laporan kepada IRD. Macam badan politik lain mungkin tidak membuat pungutan, kemungkinan ini tidak perlu.

Jadi, saya percaya pihak IRD kementerian mesti melihat juga perkara ini supaya kita boleh memantau macam mana duit dipungut daripada orang luar dan digunakan untuk politik, duit ini tidak mendapat tax rebate di bawah undang-undang kita. Undang-undang ini bukan kita yang buat, kita adopt undang-undang ini, dengan izin, daripada England dahulu. Undang-undang ini semasa saya belajar 20 tahun lebih dahulu pun macam ini juga di England. Political donation ini tidak entitle kepada rebate ataupun tax rebate.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri. Kinabatangan.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Sedikit sahaja. Saya hendak tanya adakah berkemungkinan Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan terutama sekali kementerian yang terlibat supaya compulsory ataupun semestinya ceramah-ceramah yang melibatkan derma bukan badan kebajikan, bukan agama, tetapi politik mesti bayar cukai serta-merta. Adakah Yang Berhormat akan mencadangkan kepada kerajaan. Ini bermakna bila ada sahaja ceramah PAS atau KeADILan yang melibatkan derma mesti pegawai-pegawai Income Tax tengok berapa, potong terus. Terima kasih.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Sekali gus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sib.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Setujukah Yang Berhormat bagi Batang Lupar...

Seorang Ahli: Siapa berucap ini?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: ...yang telah gagal kepada kementerian atau IRD...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kedua-dua sekali.

Tuan Robert Lau Hoi Chew:wujud satu kes, big guilty case selama 12 tahun yang lepas. PAS kutip derma 12 tahun, big guilty case.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Satu lagi, jawab sekalilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu terpulanglah, nak bagi.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Setujukah Yang Berhormat sekiranya organizer yang menjemput orang-orang untuk mendengar ceramah membayar duit-duit ini dikenakan tax juga kepada organizer yang membuat ceramah tetapi membayar kepada orang-orang untuk mendengar ceramah mereka.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini banyak soalan. Soalan yang pertama tadi katakan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kutip terus-menerus semasa derma.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sama ada kita kutip terus cukai kalau berceramah. Tetapi Yang Berhormat, kita mempunyai undang-undang sebenarnya. Undang-undang ini hanya pada masa sekarang kita tidak menguat kuasa dan tidak menggunakan kuasa di bawah undang-undang. Undang-undang kita ...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti sekejap.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Undang-undang kita mengatakan mesti buat tax return, bila sudah buat tax return dan cara memungut cukai ini memang ikut cara undang-undang. Kalau dia tak buat dengan sebetulnya, boleh dihukum di bawah undang-undang ini juga. Saya akan jawab tadi kalau ada dari segi pendapatan, pendapatan itu mestilah diisytiharkan kepada IRD dan IRD boleh dipinta memungut cukai. Ya, sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, lanjutan daripada persoalan Kemaman tadi, kalau bolehlah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Kalau maksud yang saya faham, kalau ceramah yang dianjurkan oleh PAS ataupun KeADILan contohnya, ataupun Kuala Kedah yang bagi ceramah ataupun Kemamanlah yang bagi ceramah atau Parit Buntar bagi ceramah. *[Ketawa]* Kalau

kaedah yang dimaksudkan ini, maknanya dia dikenakan bayaran kepada pendengar-pendengar. Maknanya, betullah kalau ini yang dimaksudkan bahawa kita dapat terima tuan rumah yang menganjurkan ceramah itu dapat 20%. Kalau macam Kuala Kedah atau Parit Buntar bagi ceramah dapat 40% , yang lebihnya beri kepada parti. Jadi, kaedah itu macam mana? Yang tuan rumah kena bayar cukai, yang bagi ceramah hendak bayar cukai, yang parti pun kena bagi cukai. Kerana itu dia kata the fees charge by the pendengar walaupun dia merupakan 'al-maki, al-fitnah, al-hamun'.
[Ketawa]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini jadi kompleks betul, soalan tax ini tadi. Tetapi persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, orang kata 'which in the four conners of this book', ada mekanisme yang tertentu telah ditetapkan oleh pihak kerajaan, undang-undangnya sudah cukup. Sebenarnya, kalau umpamanya seorang penceramah datang ke satu tempat dia bukan menerima sumber kewangan tetapi dia menderma lagi yang banyak-banyak supaya orang mendengar itu semua mendapat penerimaan. Berkemungkinan yang pendapat ini tidak mencukupi untuk ditax, dia penerima. Tetapi penderma ini kena bagi penjelasan di mana duit banyak sangat bagi penderma ini. Jadi, dalam undang-undang ini kita bolehlah minta dia beri penjelasan mana duit datang banyak sangat, dia boleh derma kepada semua orang yang datang....

Seorang Ahli: Dia bawa uncang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Biasanya dalam peraturan sebuah negara sama ada penceramah atau siapakah dia mesti berstatus profesional ataupun pro. Kalau penceramah bersifat amatur dia tidak layak menerima apa-apa bayaran. Jadi, apakah Yang Berhormat ada mempunyai cadangan kepada kerajaan yang tidak pro amatur itu diberi pengecualian cukai seperti yang berlaku. [Ketawa]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini belum dalam undang-undang, Yang Berhormat. Belum ada dalam undang-undang, kerana dalam undang-undang cukai ini ada dua perkara sahaja, iaitu pendapat daripada orang yang menerima, ia tidak kira profesional ataupun amatur. Jadi, kalau dia terima sahaja dia

kena cukai. Kalau cukai ini telah melepasi batasan yang mana cukai boleh dikenakan. Jadi, kalau ia kurang daripada itu, dari segi undang-undang dia kena. Jadi, persoalan di sini sebenarnya pada saya bukan remeh, persoalannya benar. Mana-mana badan, mana-mana parti kalau ia tidak ada pengecualian daripada pihak IRD mesti dikenakan cukai apabila menerima sumber kewangan daripada mana-mana orang. Dan orang yang telah membayar itu tadi kalau seberapa banyak sekalipun yang dia bayar kepada badan-badan sedemikian, kalau tidak ada menerima pengecualian daripada pihak yang tertentu, barang yang diderma ini tidak layak menerima pengecualian daripada cukai. Itu landasan undang-undang kita.

Jadi, saya berpendapat undang-undang kita sudah memberi cukup landasan untuk dikenakan siapa sahaja menerima sumber kewangan yang dalam asasnya ataupun hakikat dia terkena cukai apabila menerima, mestilah dia dikenakan. Jadi, saya berharap pihak kementerian melihat siapa sahaja yang boleh kena cukai, tidak kira parti politik ataupun individu, umpamanya business kecil-kecilan dan sebagainya, kalau perlu dikenakan tax berlandaskan pendapatan mereka, mesti dikenakan tax oleh pihak kerajaan. Kerana ini adalah satu kerugian kepada pihak kerajaan kalau kita tidak mendapat pulangan daripada pendapatan yang sedemikian. Kalau pegawai daripada syarikat umpamanya menerima RM3,000 setahun dia terkena tax sebanyak ini. Adalah tidak adil kepada pegawai ini yang menerima gaji yang betul-betul itu sahaja kalau dibanding dengan orang lain yang tak ada buat sebanyak pegawai ini, yang tak duduk sebanyak itu di pejabat ataupun menjalankan pekerja sebanyak itu menerima lebih daripada itu tetapi tidak mendapat cukai yang sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat bagi Setiu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa memandangkan pegawai-pegawai kerajaan pendapatan mereka hanya terhad kepada pendapatan bulanan berasaskan gaji semata-mata, memandangkan sekarang ini bulan puasa, dekat Hari Raya dan buka sekolah adalah dicadangkan terus supaya diberi bonus kepada pegawai-pegawai kerajaan. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini minta IRD bayar bonus ada masalah sedikitlah. Sebenarnya bonus ini atas kebijaksanaan Kementerian Kewangan. Kalau yang selidik sejarah bonus, kalau perdagangan yang mendapat keuntungan yang lumayan dan berlebihan, lebih daripada dividen dia, lebih daripada pembayaran lain, dia mendapat keuntungan yang besar dan dalam pendapatan syarikat yang demikian barulah bonus dibayar, ini bagi syarikat. Begitu jugalah landasannya kepada kerajaan. Kalau kerajaan hendak berhutang kiri-kanan, kepada badan mana hendak bayar bonus, saya percaya saya tak setuju bayar bonus.

Tetapi saya bersetuju cadangan untuk bayar bonus ini satu sahaja, Yang Berhormat, kalau kerajaan mempunyai cukup sumber kewangan, boleh buat benda-benda lebih yang lain, saya mintalah pihak kementerian memikirkan juga supaya Hari Raya ini dapat dibayar bonuslah. Kalau tak dapat hari ini pun, selepas Hari Raya nanti berilah bonus kepada pegawai kerajaan. Saya setuju Yang Berhormat kerana saya melihat pegawai kerajaan yang sudah bekerja setahun dan menumpukan perhatian mereka kepada usaha kerajaan patutlah dibayar bonus. Memang saya bersetuju pemberian bonus ini.

Saya pindah kepada undang-undang lagi, iaitu persoalan cukai kepada pengusaha-pengusaha kecil. Pengusaha kecil ini sepatutnya menerima bebanan membayar cukai bagaimana pegawai-pegawai kerajaan di pejabat juga. Walaupun mereka duduk dalam keadaan ataupun menjalankan usaha mereka dalam keadaan yang kurang selesa daripada pegawai kerajaan, kerana pegawai kerajaan ataupun syarikat-syarikat dia duduk dalam air-condition room dan suasana yang baik, medical free dan sebagainya, tetapi mereka kadang-kadang ada free juga, Kerajaan Malaysia beri medical free juga kebanyakannya, tetapi kebanyakannya jumpa dengan swasta ataupun private sector untuk mendapat kemudahan-kemudahan yang senang didapati oleh mereka. Jadi, mereka ini sepatutnya membayar income tax.

Dahulu pernah pegawai-pegawai kerajaan pergi berjumpa di gerai-gerai, kedai-kedai kecil dan sebagainya untuk diberi penilaian dan dikenakan cukai berlandaskan pendapatan-pendapatan seperti dinilai oleh pegawai-pegawai yang sedemikian. Tetapi dalam masa yang sama saya meminta ada pengusaha-pengusaha baru umpamanya, perniagaan-perniagaan baru, umpamanya perniagaan francais, saya

tak tahu apa kemudahan ataupun apa pengecualian yang diberi oleh pihak kerajaan kepada perniagaan francais ataupun mana-mana perniagaan-perniagaan lain yang mana peniagaannya adalah golongan mereka yang kecil-kecilan, mereka yang bukan daripada syarikat-syarikat multinational ataupun syarikat besar-besaran. Bahkan mereka ini kebanyakannya macam family business ataupun bisnes keluarga. Jadi, mereka ini mestilah dilihat juga untuk diberi pengecualian daripada cukai dalam pendapatan mereka, mungkin diberi dalam masa beberapa tahun dalam masa mereka menjalankan perniagaan.

Umpamanya kerajaan memberi pinjaman melalui Tekun atau CGC untuk membela pengusaha-pengusaha kecil ini menjalankan business mereka, tetapi dalam masa yang sama bila baru sahaja dia dapat keuntungan, cukai sudah kena. Tetapi dalam masa yang sama apabila kita ada elektronik industri yang maju, besar, multimillion dollar investment itu dia buat the first five years dengan permohonan kepada kerajaan, kerajaan bagi kemudahan tax rebate, tax holiday, macam-macam lagi diberi oleh pihak kerajaan supaya yang raya ini boleh menjadi kaya raya lagi. Kita tidak membantah, kita bersetuju untuk menarikkan pelaburan ke negara ini. Tetapi dalam masa yang sama peniaga kecil-kecilan, umpamanya kalau saya baru hendak berniaga menjual cucur pisang - orang Sarawak kata goreng pisang itu cucur pisang, mendapat keuntungan RM3,000, dinilai oleh pihak IRD yang saya dapat RM3,000 terus kena cukai. Kena pa saya tak diberi tax rebate juga, kenapa tak diberi pioneer status kepada saya juga. Macam itulah francais umpamanya.

Maknanya, kalau dapat saya meminta pihak kementerian memikirkan supaya peniaga-peniaga yang kecil yang banyak menjadi tumpuan oleh pihak Kementerian Pembangunan Usahawan, bumiputera, pihak bank, Kementerian Kewangan, dibantu dengan secara dana-dana yang tertentu dilihat mereka ini boleh dimaafkan daripada cukai. Tetapi kita kena tahu senarainya, kita nak tahu macam mana mereka akan maju, macam mana mereka boleh mendapat kemajuan daripada pemantauan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri, saya ingin menyentuh sedikit satu lagi, ini sebelum habis ini kerana saya lihat Yang Berhormat itu hendak suruh saya bercakap lagi. Saya akan berhenti selepas ini. Soalan pengisian borang secara

sistem baru tax ini, pada masa sekarang saya percaya belum semua orang boleh menggunakan borang ini dan sama ada kita mempunyai cukup pihak-pihak lain, swasta lain umpamanya, tax advisor, syarikat-syarikat perakaunan yang boleh membantu mereka ini di luar supaya mereka yang baru transfer beralih daripada satu sistem kepada satu sistem yang lain ini mendapat perkhidmatan daripada pihak audit firm dan syarikat-syarikat firma-firma perakaunan dan secretarial company yang berkhidmat di seluruh negara, kalau tidak, apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah yang akan bakal dihadapi oleh pihak pengusaha yang sedemikian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang sependek itu, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tiada siapa yang hendak bercakap, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.11 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000 ini.

Terdapat beberapa teguran, pandangan dan cadangan yang sangat membina telah pun disuarakan dan juga ada beberapa pertanyaan dan pandangan yang dikemukakan juga tetapi tidak ada kaitan langsung dengan rang undang-undang ini. Dan banyak juga telah pun dijawab oleh sahabat saya dari Batang Lupar, terima kasihlah Yang Berhormat dari Batang Lupar.

Saya akan cuba menumpukan jawapan saya kepada yang ada kaitan dengan rang undang-undang ini dan walau bagaimanapun, apa juga yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat telah pun dicatatkan oleh pegawai-pegawai saya dan tindakan susulan akan diambil selepas ini.

Yang Berhormat dari Ipoh Timur telah menyentuh tentang Seksyen 44(6) yang ada kaitan dengan pengecualian cukai pendapatan yang diberikan kepada penderma kepada badan-badan amal. Secara kebetulan perkara ini akan dibahaskan oleh Dewan yang mulia ini, pada minggu depan di mana saya juga akan mengemukakan satu rang undang-undang lain iaitu Rang Undang-undang Kewangan 2000 dan saya haraplah

pada masa itu saya akan memberikan penjelasan seberapa teliti kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat dari Jeli menyarankan supaya cukai pendapatan dikenakan atas pendapatan sebenar dan bukannya dikenakan kepada amaun mengikut invois. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai pendapatan dikenakan atas pendapatan yang dikira mengikut prinsip perakaunan yang biasa. Kalau sekiranya terdapat pendapatan yang patut diterima dan tidak diterima, amaun tersebut boleh dituntut sebagai satu potongan cukai. Tetapi syarikat yang berkenaan mesti mengemukakan bukti yang kukuh bahawa amaun yang tersebut betul-betul tidak diterima dan memang pihak LHDN akan menerima bukti ini dan kita akan memberikan potongan yang berkenaan.

Yang Berhormat juga mengemukakan masalah mengenai syarikat yang mana pendapatan turun naik dan susah dan sukar diamalkan, mereka kena bayar cukai pendapatan mengikut anggaran yang membebaskan syarikat terutama pengusaha kecil dan sederhana. Rang undang-undang yang dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini, adalah bertujuan untuk melicinkan pentadbiran bagi pelaksanaan sistem taksir sendiri (STS). Isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jeli adalah isu asas bagi pertukaran sistem cukai berasaskan dari tahun sebelum kepada berasaskan tahun semasa yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, pada tahun lepas, pada hujung tahun 1999.

Dalam tempoh peralihan, kerajaan telah memberi kelonggaran dalam bayaran cukai untuk tahun 2000, memang kita memahami terdapat masalah bila kita melaksanakan sistem baru ini, maka kita bertimbang rasa dan memberikan kelonggaran.

Yang Berhormat dari Jeli juga menyatakan bahawa pengenaan penalti kerana tidak bayar cukai adalah 50% atas cukai yang tidak dibayar. Saya tidak tahu Yang Berhormat mendapatkan makluman ini dari mana, 50% ini. Yang Berhormat Jeli merupakan seorang ahli korporat yang telah menyertai perniagaan memang lama tetapi saya tanya pegawai saya dari LHDN kita memang tidak pernah mengenakan 50% penalti ini atas cukai yang tidak dibayar, memang tidak.

Sebenarnya mengikut peruntukan yang sedia ada, penalti yang dikenakan adalah seperti berikut. Bagi bayaran instalment bulanan lewat dibayar kita mengenakan penalti sebanyak 10% sahaja kepada bayaran untuk bulanan yang tertentu, kalau sekiranya lain bulan dia sudah bayar, everything is according to order, dengan izin, kita tidak kenakan penalti untuk bulan tertentu di mana dia lewat bayar. Itu pun 10% sahaja dan bukan secara accumulative.

Yang Berhormat Kepong menyentuh tentang sistem pembayaran cukai berubah dengan sistem taksir sendiri. Jika tidak dilaksanakan dengan baik, ia akan menimbulkan masalah dan ini beliau meminta kelonggaran dalam syarat-syarat tertentu, memang Yang Berhormat Kepong telah mengemukakan satu pandangan yang baik. Saya selalu kata Yang Berhormat Kepong orang baik tapi good man in a wrong party. Dan sekali lagi dia telah menunjukkan bahawa beliau boleh mengemukakan pandangan yang baik dan sekiranya Yang Berhormat mengemukakan pandangan yang baik tidak kira dari mana pihak, kita terima dan kerajaan akan mengambil maklum tentang apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Kepong ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah pun memberikan kelonggaran untuk bayaran tahun 2001 di mana syarikat diberi tiga kali untuk meminda anggaran mereka, maka tahun depan sesebuah syarikat bila mengemukakan anggaran, syarikat ini akan diberikan sebanyak tiga kali untuk meminda anggaran mereka.

Yang Berhormat Kepong juga mencadangkan supaya semua pegawai LHDN memahami STS. Memang pihak LHDN selalu menganjurkan program latihan untuk semua peringkat pegawai dan pada masa ini beberapa kursus sedang dijalankan untuk pegawai-pegawai LHDN terutamanya dalam bidang STS dan dengan ini kita harap pada tahun hadapan sistem ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Yang Berhormat Kepong juga menyentuh tentang borang J dan bertanya mengapa LHDN tidak keluarkan borang J kepada pembayar cukai bagi tahun 1999. Bagi tahun taksiran 1999, notice J akan dikeluarkan kepada pembayar cukai yang dikenakan cukai sahaja oleh kerana peralihan sistem bayar tahun sebelum kepada sistem bayaran semasa, maka pembayar cukai telah dikecualikan untuk membayar

cukai pada 1999 kecuali mereka masih dapat pendapatan, misalan kata daripada dividen dan sebagainya, ini kena dicukai. Maka pada tahun yang tersebut, borang J cuma dikirimkan kepada golongan yang saya sebutkan tadi dan pembayar cukai yang tidak kena cukai satu surat memberitahu ataupun pemberitahuan akan disampaikan kepada mereka.

Yang Berhormat Kepong juga bertanya sama ada LHDN akan keluarkan notis taksiran lagi selepas ini. Dalam sistem taksiran sendiri, syarikat akan mengira cukai syarikat semasa borang nyata dikembalikan. Mengikut peruntukan STS pengiraan syarikat akan menjadi deemed assessment, dengan izin, oleh yang demikian borang J tidak perlu dikeluarkan kepada syarikat tetapi tahun depan borang J masih akan dikirimkan kepada individu sehingga bila tibanya tahun 2004 di mana individu juga kena mengikut sistem taksiran sendiri.

Yang Berhormat Kepong juga menyoalkan tentang kriteria untuk siasatan dan kuasa kepada Lembaga untuk siasatan dikaji supaya kriteria ini dikaji semula. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua peruntukan mengenai kuasa penyiasatan adalah selaras dengan kuasa penyiasatan di negara lain. Memang tidak ada beza, maka kita berpendapat bahawa adalah perlu dan memadai bagi membolehkan pematuhan cukai dan kuasa ini tidak disalahgunakan oleh pihak Lembaga.

Yang Berhormat Kepong juga bertanya sama ada kita bercadang untuk memperkenalkan sistem value added tax. Kerajaan masih belum ada cadangan untuk memperkenalkan VAT kerana kita memang puas hati dengan sistem percukaian yang dipraktikkan masa sekarang.

Yang Berhormat Kepong juga bertanya adakah LHDN akan memberi peluang untuk syarikat mentaksirkan semula selepas perkiraan cukai dikemukakan oleh syarikat semasa, mengembalikan borang nyata. Dalam sistem taksiran sendiri, syarikat akan mengira cukai sendiri. Dari itu, cukai yang dikira seharusnya tepat. Walau bagaimanapun, sekiranya perkiraan cukai tidak tepat, syarikat boleh memberitahu tambahan cukai atau dengan izin, voluntary disclosure dan penalti akan dikenakan. Akan tetapi penalti yang dikenakan adalah lebih kurang daripada penalti yang akan dikenakan jika LHDN yang kesan pendapatan yang tidak dilaporkan melalui audit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sibul dan Yang Berhormat dari Batang Lupar menyentuh tentang penyimpanan rekod selama tujuh tahun sama ada kes back duty dibuat sehingga 12 tahun dan kalau sekiranya masih back duty dikenakan selama 12 tahun mengapa kita pula menetapkan bahawa tempoh penyimpanan rekod cuma tujuh tahun. Dan back duty ini bukan 12 tahun, mengapa tempoh penyimpanan rekod tujuh tahun dan mengapa bukan enam, bukan lapan dan sebagainya.

Mengikut peruntukan sekarang, had masa untuk membuat taksiran atas pendapatan adalah enam tahun sahaja dan peruntukan ini telah pun berkuat kuasa pada 1 Januari 1999, maka selaras dengan pengurangan had masa dari 12 tahun ke enam tahun untuk membuat taksiran maka tempoh masa untuk penyimpanan rekod ditetapkan pada tujuh tahun iaitu enam tahun campur satu tahun supaya perbandingan dapat dibuat dalam menentukan kesahihan akaun.

Yang Berhormat Sibul menyoal tentang Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan. Seksyen ini merupakan satu seksyen yang teknikal. Isu yang dibangkitkan iaitu kredit yang tidak dibenarkan dibawa ke hadapan sebenarnya tidak akan menyebabkan syarikat mengalami apa-apa kerugian kerana kredit itu akan dikekalkan dan masih boleh digunakan untuk offset, dengan izin, atau franc division sehingga kredit itu digunakan sehingga habis.

Yang Berhormat Sibul juga menyentuh tentang syarikat diminta membuat anggaran mengikut tahun sebelum boleh membebaskan pembayar cukai kerana untung tahun sebelum ini lebih tinggi daripada tahun semasa. Walaupun anggaran cukai syarikat tidak boleh kurang daripada cukai tahun lepas, tetapi dalam peruntukan baru ini syarikat boleh membuat pindaan kepada anggaran cukai jika mempunyai asas-asas yang kukuh diketahui umum seperti penurunan harga kelapa sawit dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batang Lupar menyarankan supaya latihan, seminar diberi kepada peniaga kecil supaya mereka memahami lebih semua perkara berkenaan cukai pendapatan. Pihak LHDN memang dari masa ke semasa mengendalikannya kursus dan seminar tersebut dan memang disambut baik oleh pihak peniaga kecil.

Yang Berhormat dari Batang Lular juga membangkitkan isu perkhidmatan kepada pembayar cukai. Ini saya sudah jawab.

Yang Berhormat Batang Lular juga bertanya bagi seorang ahli kongsi yang memasuki satu perkongsian bilakah tempoh pendapatan yang diambil kira.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi seorang ahli kongsi yang memasuki satu perkongsian, bahagian pendapatan daripada perkongsian yang diambil kira adalah daripada tarikh ia menjadi ahli kongsi hingga akhir tempoh perakaunan perkongsian itu.

Tentang soalan sama ada pendapatan yang diperolehi di luar negeri boleh dikecualikan daripada cukai apabila ianya dibawa masuk. Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem percukaian territorial, dengan izin, dan bukan world's scope, dengan izin, seperti yang diamalkan oleh kebanyakan negara lain di dunia. Pendapatan yang diperolehi oleh individu di luar negeri yang dibawa masuk akan dikenakan cukai tetapi jika pendapatan ini telah dikenakan cukai di negara yang satu lagi, repaid boleh diberi mengikut perjanjian cukai dua kali yang dibuat dengan negara berkenaan.

Mengenai soalan sama ada auditor boleh dipertanggungjawabkan untuk menyimpan rekod syarikat, penyimpan rekod adalah tanggungjawab pembayar cukai. Kalau seseorang pembayar cukai memberikan ataupun membuat arrangement untuk membenarkan auditor ataupun syarikat audit menyimpan rekod syarikat, ini adalah satu urusan persendirian dan kalau di bawah seksyen yang berkenaan, kalau arrangement ini dibuat antara pembayar cukai dengan syarikat audit dan didapati salah, tidak menyimpan rekod selama tujuh tahun, pembayar cukai akan dikenakan hukuman.

Yang Berhormat bagi Batang Lular juga mencadangkan untuk memperkenalkan cukai atas cash transfer. Sistem percukaian di Malaysia adalah cukai dikenakan ke atas pendapatan. Oleh yang demikian, cukai tidak dikenakan ke atas wang tunai yang dibawa keluar melainkan seseorang itu tidak melaporkan pendapatannya sama ada dari punca perniagaan, dividen atau royalti.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa cadangan lagi yang telah saya membuat catatan tetapi memang tidak ada kaitan dengan rang undang-undang ini. Maka, saya akan memberikan penelitian dan saya berjanji bahawa

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sipitang.

Dato' Chan Kong Choy:tindakan susulan akan diambil.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat. Tadi, Yang Berhormat juga menyebut tentang dividen iaitu di bawah seksyen 108 di mana dividen take's paid dan dividen take's payable iaitu membayar cukai sebelum dividen diberikan, apakah ini menyeluruh untuk semua dividen ataupun dividen tertentu sahaja? Itu yang pertama.

Saya menyambut baik cadangan ini kerana misalnya ASB yang diberikan, penerima itu tidak lagi perlu memikirkan soal membayar cukai. Dia akan menerima dividen dalam bentuk bersih sahaja dan begitu juga diharapkan dengan syarikat-syarikat yang lain, pihak syarikat telah membayar dividen terlebih dahulu sebelum memberikan kepada penerima.

Bagaimana pula dengan director's fees untuk syarikat-syarikat kerana ada syarikat-syarikat berselindung mengutip wang ini melalui director's fees sedangkan director's fees itu kepada orang yang dilantik sebagai proxy ataupun secara sementara. Apakah juga kita mewajibkan syarikat mengadakan director's fee tax payable sebelum diberi kepada penerima. Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, konsep tax paid ini di mana kita akan mulakan pada tahun depan ini adalah menyeluruh dan ia meliputi termasuk semua dividen dan juga director's fees yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan,dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Majlis bersidang semula.

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

3.37 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya rang undang-undang bagi meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibaca bagi kali yang kedua.

Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ialah akta untuk membuat peruntukan mengenai saraan bagi Ahli Parlimen iaitu Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, anggota pentadbiran, Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat dan Ketua Pembangkang dan lain-lain perkara berkaitan dengannya. Tujuan rang undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 3, 4 dan 6 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 bagi menaikkan saraan sebanyak 10% daripada kadar diterima sekarang berkuat kuasa pada 1 Januari 2000. Ini adalah selaras dengan kenaikan gaji kakitangan kerajaan seperti yang telah diluluskan oleh Parlimen sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 3 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ialah mengenai saraan bagi Ahli Parlimen. Seksyen 3(1)(a) mencadangkan pindaan elaun bulanan Ahli Dewan Negara dinaikkan kepada RM3,399. Seksyen 3(1)(b) pula

mencadangkan pindaan elaun bulanan Ahli Dewan Rakyat dinaikkan kepada RM5,379. Selain daripada itu dicadangkan juga elaun bulanan Ketua Pembangkang seperti seksyen 3(2) dinaikkan kepada RM3,179.

Pindaan seksyen 4 pula ialah mengenai saraan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Pindaan seksyen 4(a) dan (b) mencadangkan gaji bulanan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dinaikkan kepada RM10,285 manakala pindaan seksyen 4(c) dan (d) mencadangkan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dinaikkan kepada RM3,399.

Pindaan seksyen 6(1) ialah mengenai gaji bulanan anggota pentadbiran. Bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, gaji bulanan dicadang dinaikkan kepada RM18,865. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dinaikkan kepada RM15,015. Yang Berhormat Menteri dinaikkan kepada RM12,320. Yang Berhormat Timbalan Menteri pula dinaikkan kepada RM8,965 dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dinaikkan kepada RM5,940.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali pindaan ini juga melibatkan elaun bulanan Ketua Dewan Rakyat dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat. Pindaan seksyen 6(3) mencadangkan elaun bulanan Ketua Dewan Rakyat dinaikkan kepada RM3,179 manakala pindaan seksyen 6(4) mencadangkan elaun bulanan Timbalan Ketua Dewan Rakyat dinaikkan kepada RM1,639. Kenaikan elaun dan gaji bulanan ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan kepada kerajaan sebanyak RM2,347,692 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980; dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sri Gading.

3.42 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun kerana ingin membahaskan tentang rang undang-undang ini.

Ada semacam serba-salah, hendak diluahkan payah, tidak diluahkan pun payah kerana saraan ini ada kaitan dengan kepentingan diri. Kalau dalam memperkatakan kenaikan gaji 10% kakitangan kerajaan, kita dengan lantang dan dengan penuh rasa bahagia menyokong kenaikan itu tetapi apabila sedikit sebanyak ada menyentuh tentang kepentingan diri, kita jadi serba-salah. Tetapi inilah dia dunia Parlimen. Kita juga kena bercakap walaupun perkara itu ada kaitan dengan diri kita. Soal terima kasih memang terima kasih tetapi kalau hendak katakan cukup kenaikan ini jauh tidak cukup. Jadi, ini yang jadi dilema ini. Kalau sokong kenaikan ini kerana kenaikan ini tidak berpada, tidak disokong pula seolah-olah hendak menolak rezeki. *[Ketawa]* Datuk, ini yang jadi serba-salah.

Tetapi sebelum saya hendak bercakap tentang seksyen 3, saya hendak bercakap tentang seksyen 6; 6(1)(a), 6(1)(b), 6(1)(c), 6(1)(d), 6(1)(e) – ini anggota pentadbiran. Kenaikan ini mungkin akan menjadi isu politik yang diperkatakan oleh rakyat dan kalau agaknya parti pembangkang hendak tumpang setakuk, mereka pun boleh berhujah tentang kenaikan ini. Lebih-lebih lagi dalam masa kejatuhan kelapa sawit, kejatuhan harga getah, tiba-tiba Perdana Menteri dinaikkan gaji walaupun sebenarnya kenaikan itu tidak begitu hebat kerana walaupun sudah naik, gajinya baru RM18,000. Kalau dibandingkan dengan seorang Perdana Menteri sebuah negara yang sekangkang kera, elaaninya lebih RM1 juta setahun, masya-Allah, Perdana Menteri kita yang dari Perlis sampai ke Johor sampai jejak ke Kuching, ke Sarawak, ke Sabah, lipat ganda kawasannya entah berapa ratus kali ganda, jumlah penduduk pun berlipat ganda, beban tugas pun begitu hebat, gaji seorang Perdana Menteri yang begini hebat, yang begini pandai dan begini berjasa baru RM18,000? Tidak memadai!

Jadi, dengan sebab itulah saya rasa macam ingin hendak tolak ini. Hendak tolak bukan hendak tolak soal kenaikan, hendak tolak angka ini supaya angka ini dipinda. Bukan hendak tolak kenaikan tetapi hendak tolak angka, ini yang tidak faham. Saya pun tidak faham ini, macam mana hendak sebut ini.

[Ketawa][Disampuk] Hah? Yalah, maknanya setuju naik tetapi angka ini tidak setuju – tidak memadai. Lebih baik agaknya disemak semula angka-angka ini walaupun kita lambat sedikit agaknya Dewan ini bersetuju meminda angka-angka ini, walaupun kita bersetuju atas kenaikan memandangkan beberapa faktor. Macam wakil rakyat, seminggu tujuh hari, satu hari pula kadang-kadang kerja sampai 18 jam, yang ada sampai 20 jam – seminggu tujuh hari. Ini parti pembangkang kena terima ini, kena sokong sama-sama fasal memang beban tugas. Kemudian, wakil rakyat ini ialah sebahagian macam jabatan kebajikan – orang accident jumpa wakil rakyat, orang mati wakil rakyat, orang bersunat wakil rakyat, orang hendak kahwin wakil rakyat, *[Ketawa][Disampuk]* Ya? Hah?, semua sekali, PIBG hendak mesyuarat agung wakil rakyat, belia wakil rakyat, *[Disampuk]* main bola wakil rakyat, badminton wakil rakyat, main gasing wakil rakyat, semua sekali. Ini sahabat saya parti pembangkang pun samalah, ya! Beban ini, ya. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini hendak bulan puasa ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parlimen tidak cukup kuorum pun wakil rakyat. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya setuju, Datuk. Setuju Datuk ya. Jadi, tanggungan begini hebat. Kadang-kadang, minta maaf ya, yang balik ke rumah sebenarnya tidak seberapa. Memang cantik, memang indahlah, nama pun Ahli Yang Berhormat. Kadang-kadang kereta pun Mercedes, Ya-Allah, tiga bulan tidak bayar siapa pun tidak tahu! *[Ketawa]* Memang cantiklah luar, Ya-Allah hai. *[Disampuk]* Ada lambang apa semua, memang hebat wakil rakyat ini, bukan? Memang hebat. Kalau hendak meminang payah orang hendak tolak, ini misalan. *[Ketawa]* Tetapi kadangkala 'indah khabar dari rupa', kadang-kadang di luar ini senyuman manis menggula tetapi di dalam batinnya amat terseksa – ini umpamanyalah! *[Ketawa]*

Jadi, saya pun tidak tahu macam mana ini, hendak sokong atau tidak sokong. *[Ketawa]* Tetapi terima kasih atas hasrat hendak menaikkan cuma angka-angka ini, kalau bolehlah, fasal naik sedikit pun orang cakap, naik banyak pun orang cakap. Jadi,

daripada naik sedikit orang cakap lebih baik naik banyak orang cakap. [Ketawa]
Agak sayalah!

Saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Buntar

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam bahagia. Tuan Yang di-Pertua, saya pun rasa seronok kerana diberi peluang untuk sama-sama berbahas mengenai Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2000 ini. Pertama sekali sebagai orang baru di Dewan ini, saya hendak sama-sama berkongsi dengan teman-teman di sini tentang impresi saya selama betul-betul setahun berada di Dewan Rakyat ini. Ada dua perkara agaknya yang saya perlu belajar daripada teman-teman senior setengahnya sudah empat penggal, tiga penggal, di Dewan ini. Saya dapati Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang agaknya kalau kita renungkan bersama-sama mungkin akan dapat memberikan sedikit gambaran tentang kehadiran kita selama beberapa penggal di Dewan yang mulia ini.

Pertama perkara yang baik, saya bila masuk ke Dewan ini betul-betul rasa kagum dengan keberanian wakil rakyat daripada Batu Gajah. Orang muda, baru keluar universiti, lulusan undang-undang kepetahannya, keberaniannya di kelilingi oleh orang laki-laki yang kadang-kadang menggunakan perkataan yang agak *abusive*, perkataan yang *provocative* tetapi dilayannya dengan keadaan yang begitu kadang-kadang memang tidak tenang. Tetapi saya menghargai sebenarnya kebolehan dan kemampuan dan inilah sebenarnya yang akan menjadikan jalur-jalur kepada kebangkitan satu generasi yang akan datang yang dipelopori oleh teman daripada Batu Gajah ini.

Yang kedua ialah tentang kebolehan manusia di Parlimen ini membangunkan apa yang dikatakan *thick skin* dengan izin. Apa yang terdapat kepada wakil daripada Sungai Siput yang telah berjanji tidak akan pulang daripada Lunas, satu perjanjian yang saya katakan perjanjian yang menyebabkan di antaranya kenapa Barisan Nasional tewas di Lunas kerana *arrogance*, kerana sifat tinggi dirinya, sombongnya yang menyebabkan rakyat menolaknya.

Dato' S. Veerasingam: Boleh beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sila.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, beliau Wakil Rakyat yang berkenaan telah menyebut tentang *arrogance* wakil Sungai Siput, tetapi *arrogance* sebenarnya adalah penyokong-penyokong parti pembangkang di Lunas yang begitu teruk sekali hingga menghinakan kaum India mengatakan kaum India 'paria', balik India. Ini yang berlaku di sana, apa tanggungjawab parti pembangkang tentang perkara itu. [*Tepuk*]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya rasa pertama sekali undi orang India yang mengundi calon BA di Lunas tidak menurun, masih 25%. Undi orang Cina yang mengundi teman kita yang memenangi pilihan raya 65% dan undi orang Melayu tidak berkurang malahan *maintain* 55%. Kalaulah misalnya Yang Berhormat mengatakan, apa yang dikatakan tadi kesombongan kita saya rasa Shaifudin akan kalah di Lunas. Tetapi yang paling sombong saya rasa ialah ini tauke sombong yang tidak hadir pada hari ini, iaitu wakil daripada Sungai Siput.

Yang kedua, saya pun hendak belajar daripada Wakil Yang Berhormat bagi Sungai Siput ini betul-betul, macam mana hendak *develop the thick skin* ini. Betul saya malulah, tuan-tuan kalau saya memang saya malu hendak datang, tetapi saya nampak di akhir-akhir ini walaupun tidak ada soalan tentang Kementerian Kerja Raya....

Tuan Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Dato' S. Veerasingam: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ini hendak penjelasan, apa relevannya..

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya tidak menentukan yang mana satu lagi.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Saya mahu tanya, apa relevannya Akta Parlimen Saraan 2000 ini dengan hujah-hujah Yang Berhormat. Di mana ya..

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Senang sahaja kalau kita berbincang Akta Hasil Dalam Negeri tadi kita bawa entah ke mana dalam dunia ini, saya masih berbincang tentang Parlimen, tentang Ahli Parlimen. Menteri sebahagian daripada Ahli Parlimen. Adakah ini tidak berkait dan kenaikan gaji ini melibatkan dia sebagai seorang menteri, adakah tidak berkait. [*Diganggu*] Nanti, Tuan Yang di-Pertua oleh kerana saya hendak beri, nanti saya beri tetapi izinkan saya meneruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingin cadangkan jugalah tidak payah jauhkan ucapan kita jauh daripada pindaan yang sedangkan kita bangkitkan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ini berkait sebenarnya.

Yang ketiga tentang saya merasakan perlu ucapkan tahniah kepada orang-orang yang mengendalikan Majlis Parlimen ini saban hari, *saya rasa a very well manage daily proceedings* yang berlaku, yang telah dilakukan dan ucapan tahniah kami kepada semua Tuan Yang di-Pertuanya dan juga mereka yang mengendalikan *proceeding* ini.

Yang keempat, sokongan daripada kawan-kawan pegawai dan kakitangan terutamanya yang membantu kita di *library*, yang membantu kita di Bahagian Dokumentasi, yang membantu kita di Bahagian Perundangan dan membantu kita di Bahagian Pentadbiran. Semuanya, saya merasakan ini *impressive* yang saya dapat tentang betapa dedikasinya teman-teman yang bekerja di Parlimen ini hingga larut-larut siang dan kadang-kadang menjelang malam untuk memberikan khidmat kepada kita.

Yang kelima Tuan Yang di-Pertua, saya belajar betul satu perkara yang paling mahal saya rasa dalam hidup saya sudah masuk 53 tahun ini, yang paling mahal saya belajar daripada hikmat *wisdom* yang ada pada Yang Berbahagia Tun, Tuan Yang di-Pertua kita. Saya tidak tahu hendak mengatakannya, bagaimana hendak kontrol di satu tempat yang begitu *tense*, yang begitu kritikal kadang-kadang. Tentang perbincangan, tentang hujah-hujah yang dikeluarkan oleh kedua-duanya, sama ada daripada kerajaannya dan parti pembangkangnya. Tetapi dengan lemah lembutnya, dengan sikap *fatherly* nya dengan sifat yang *wisdom*, hikmat yang begitu tinggi yang saya rasa patut mengalir kepada mereka yang sudah menjadi Ahli Dewan

ini sudah tiga penggal, sudah empat penggal. Tetapi saya hairan kadang-kadang, kenapa sifat-sifat yang seperti ini, sifat-sifat *magnanimity* macam ini tidak mengalir dalam jiwa kita.

Saya rasa ini di antara perkara yang tidak baik, pertama ialah tentang kehadiran yang tidak memuaskan. Tuan Yang di-Pertua, hari ini orang pembangkang agaknya pasal hari Khamis dan mereka terpaksa balik untuk berbuka puasa yang telah lama tidak berbuka puasa dengan keluarga mereka, yang berada jauh dari sini. Begitu juga teman-teman daripada kerajaan, tetapi apa yang saya hendak menyebutkan di pihak kerajaan sehinggakan arahan daripada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri pun, kita rasa kehadiran masih lagi di tahap yang sangat-sangat tidak memuaskan. Kita tidak tahu sampai ugutan kalau tidak datang tidak akan boleh bertanding pada penggal yang akan datang. Ini tidak pernah berlaku saya rasa, saya banyak juga sebelum ini saya baca tentang hal Parlimen dalam dunia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sila.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Saya tidak tahulah kenapa dalam bulan Ramadan ini Yang Berhormat macam tidak menentu pula, macam ada yang tidak kena. Kehadiran kami daripada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional *back banchers* nampak hari-hari ada, yang tidak nampak kelibat Yang Berhormatlah kadang-kadang datang. Tetapi itulah makanya cakap tidak serupa bikin, kalau cakap renung diri sendiri, kita tahu Yang Berhormat ini ahli, pakar motivasi. Motivasi dahulu diri sendiri, baru boleh motivasi diri orang lain. Terima kasih.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan Ialah kita di bulan Ramadan ini kita pun faham, kita berpuasa, Yang Berhormat pun puasa, tetapi dalam suasana ini tidak kisah sama ada dia *motivator* kah atau tidak *motivator*, yang fakta itu masih tinggal fakta. Kalau kita tidak ada, kita punya Ketua Pembangkang tidak isu satu arahan kamu tidak dipilih lagi untuk bertanding dalam penggal yang akan datang, tidak ada arahan itu. Kita datang dekat sini atas niat, kita tidak datang ke sini atas dasar betul-betul kita

mewakili rakyat. Sebab itu kalau kita tengok penghujahan kita pun, penghujahan yang bersangkutan paut langsung dengan hal mengenai kehidupan rakyat ini. Begitu juga saya rasa sebahagian dengan teman-teman yang berada di sebelah sana.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sila teman saya daripada Tanjong Karang.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tarik daripada Yang Berhormat tentang kehadiran dalam Parlimen. Minggu lepas kita bersambung sampai 8.30, saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat sendiri, berapa kali Yang Berhormat tunggu sampai 8.30.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya akan pergi kepada benda ini. Pertama sekali saya ingat saya akan jawab selepas ini. Saya mesti akan jawab insya-Allah soalan Yang Berhormat itu.

Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga saya dapati perkara yang tidak, kurang baik pada saya ialah tentang jawapan melepaskan batuk di tangga dan *arrogance* juga sebahagian daripada Timbalan Menteri sebagaimana yang kita saksikan pagi ini Timbalan Menteri Penerangan menjawab soalan hanya sepatah-sepatah sahaja. Pada hal soalan ini dari segi pembangunan negara kita sangat penting. Soalan menanyakan pengaruh Israel, pengaruh Yahudi dalam sistem penerangan, dalam sistem penyajian hiburan dalam negara ini yang akan dituruti, yang akan meresap dalam jiwa sanubari anak-anak kita tetapi dijawab secara *arrogance* seperti bukan lagi melepaskan batuk di tangga, melepaskan batuk di bawah apa ini?

Seorang Ahli: Di bawah rumah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Di bawah rumah, begitulah caranya. Memang kita diberitahu oleh Tuan Yang di-Pertua, memang menteri boleh menjawab cara apa sahaja, perdebatan apa sahaja tetapi demi kredibiliti kepada Dewan ini demi penghormatan kepada yang bertanya dan yang ditanyakan, demi institusi Dewan yang sangat mulia ini dan tinggi ini, saya rasa kita harus memberikan penghormatan kepada teman-teman yang menanyakan soalan-soalan ini. Kalau tidak, kita pagi-pagi memang tunggu-tunggu juga. Saya rasa pihak akhbar juga

menunggu, teman-teman pegawai kerajaan juga menunggu, memang tertunggu-tunggu yang satu jam di sebelah pagi soal-soal jawab itu. Tetapi kalau beginilah cara menjawabnya saya merasakan Tuan Yang di-Pertua, memang tidak secocoklah Timbalan Menteri yang sedemikian berada di dalam Dewan ini.

Yang ketiga, ulasan saya yang tidak baik..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Belum lagi, saya belum jawab lagi tadi, yang baru pula lagi.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Beri jalan, pasal *arrogance*.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *Arrogance* sudah sebut tadi.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Sahabat saya juga daripada Tanjung Karang sebab ADUN Sungai Burung. Bila Yang Berhormat bercakap fasal *arrogance*, saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sendiri sedar Yang Berhormat juga begitu *arrogant*, bercakap dalam bulan puasa di sebuah tokong Cina di Sekinchan, menghentam orang yang memberi maklumat yang salah mengenai harga padi sehinggakan orang Tanjung Karang pun kelim kabut. [*Diganggu*] Saya hendak beri jelas, jadi bermakna Yang Berhormat jangan Yang Berhormat nampak Timbalan Menteri menjawab tidak betul, Yang Berhormat hendak hentam. Yang Berhormat sendiri pun sebagai Ahli Parlimen memberi maklumat yang salah kepada rakyat di dalam bulan puasa pula dengan begitu *arrogant* sekali, apa komen Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Pertama sekali Yang Berhormat bagi Tanjung Karang tidak ada dalam majlis itu. Yang kedua dalam majlis itu, saya hendak sebutkan senario macam itu ramah mesra, antara kita dengan rakyat terbanyak yang menjemput saya datang sebagai ADUN Sungai Burung untuk bersama-sama dengan mereka membuat satu protes tentang harga padi yang dibayar kepada petani-petani di Sungai Burung dan di Sekinchan. Apa masalahnya, saya bercakap bagi pihak rakyat, apa masalahnya saya bercakap masuk ke dalam kem rakyat, apa masalahnya saya bersama-sama menjiwai apa yang hendak disampaikan

oleh rakyat. Tetapi soalan *arrogant* ini saya boleh tengok, saya rasa mungkin ada rakaman dibuat tetapi kalau teman saya Yang Berhormat bagi Tanjong Karang tidak boleh mengatakan *arrogance*, saya rasa *that word doesn't fit the kind of environment that we had the other day*, dengan izin.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ingat Yang Berhormat nanti, saya ada lagi ini. Kita biasa, saya hendak teruskan ini..

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Tidak, saya bukan sebab itu, saya hendak beritahu Yang Berhormat dalam bulan-bulan puasa ini bila kita beritahu dengan rakyat janganlah buat benda yang tidak betul. Ceritakan perkara yang betul, harga padi RM55, tidak ada turun pun, yang turun ini insentif yang diberikan oleh pembeli swasta, jangan salahkan kerajaan. Itu maksud saya. Jadi sebelum bercakap itu Yang Berhormat biarlah fakta itu betul, barulah boleh rakyat faham dan kemudian tidak menyelewengkan rakyat. Tetapi kalau sudah memang stail membangkang suka menceritakan perkara yang tidak betul itu terpulang kepada Yang Berhormatlah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Dalam disiplin belajar saya, saya rasa antara orang yang disiplin tentang fakta ini dan saya rasalah, tidak adalah saya memberikan fakta-fakta menjolok rakyat, membakar hati rakyat dengan fakta-fakta yang membabi buta, tidak dan saya menafikan sama sekali.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya rasa cukuplah Yang Berhormat duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Sebab fakta itu.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya tidak izinkan. Saya hendak meneruskan..

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak tanya kalau Yang Berhormat tahu fakta, saya hendak tanyalah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya hendak meneruskan ucapan saya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tumpukan ucapan pada pindaan yang kita bangkitkan.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Sebab tadi Yang Berhormat cakap soal yang bercakap..

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, kita membincangkan tentang..

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya tidak benarkan.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Okaylah saya hormati peraturan mesyuarat ini.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, ini bukanlah merupakan satu perubahan besar kepada gaji, kepada saraan yang diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan orang-orang keseluruhannya yang berkaitan dengan kedua-dua Dewan ini tetapi hanya merupakan satu penyelarasan gaji akibat daripada penyelarasan yang dibuat kepada pegawai-pegawai kerajaan baru-baru ini sebanyak 10% kenaikannya itu. Sebab itu saya pun setuju dengan teman daripada Sri Gading.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman saya lah, kita *maintain* satu *office* dan satu *sub office* di Parit Buntar. *Office* yang pertama, *office* yang besar sedikit ialah di pekan Parit Buntar. Saya ada tiga orang di situ, pegawainya yang saya namakan Pengarah Program Komuniti, yang satu lagi ialah penolong-penolong pengarah ada dua. Rumahnya yang disewakan sebagai tempat tinggal. Saya hendak sebutkan kenapa kenaikan ini, walaupun kenaikan ini sepuluh kali ganda daripada apa yang dinaikkan tetapi saya rasa tidak dapat menampung lagi keperluan-keperluan pejabat misalnya Tuan Yang di-Pertua.

Pejabat memanglah, kita cubalah sebagai pejabat wakil rakyat yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, macam mana martabat wakil rakyat pada pandangan mata rakyat. Tetapi apa yang kita mampu, yang kita dapat buat ialah dengan mengadakan seorang pegawai dengan dua pembantunya dan ada satu lagi *sub office* di Kuala Kurau dengan seorang pegawai daripada keturunan Tionghoa.

Saya hendak sebutkan, kalau boleh saya hendak mintalah Tuan Yang di-Pertua, macam mana caranya dalam perkiraan ini, kalau kerajaan dapat menimbangkan paling tidaknya memberi sedikit sokongan kepada kita menubuhkan pejabat-pejabat di kawasan kita. Paling tidaknya bayaran gajinya, sewaanannya dan juga kelengkapan-kelengkapan.. Yang penting sekali kelengkapannya untuk dua-dua *office* ini. *Main office* dan *sub-office* ini ialah komputer. Komputer yang dapat dihubung jalin antara kita di Parlimen ini dengan teman-teman yang ada di tempat saya di Parit Buntar dan sebagainya. Rasa saya dalam era teknologi ini, yang kita pun hendak berikan sebenarnya kemudahan seperti ini kepada seluruh golongan rakyat, rasa saya atas dasar ketidakmampuan kita, saya hendak menyeru dan meminta kalau dapat dalam pindaan ini supaya dapat dimasukkan bersama-sama tentang keperluan kita memperlengkapkan pejabat-pejabat kita, pejabat-pejabat wakil rakyat dan saya yakin kebanyakan wakil rakyat di sini mungkin bersetuju dengan cadangan seperti ini.

Yang kedua, perkara-perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin sebutkan ini tentang *world class parliamentarian* ini. Ini *target* kita. Hendak menjadi Ahli Parlimen yang *world class*, Ahli Parlimen yang ada kredibiliti, Ahli Parlimen yang ada martabat, Ahli Parlimen yang dapat berbangga bukan sahaja dirinya berbangga tetapi dapat dibanggakan oleh rakyat jelata tentang *performance*, prestasi, kebolehan, kemampuan kita, bukan sahaja berhujah dalam Dewan ini, tetapi kemampuan kita betul-betul menyuarakan suara rakyat. Memberikan khidmat kepada rakyat sebagaimana yang dikehendaki oleh rakyat yang memilih kita.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kalau boleh dalam *world class parliamentarian* ini, saya rasa yang pertama sekali, kita memerlukan tiap kali kita datang ke Dewan ini, persediaan yang rapi bila menyertai perbahasan.

Di sinilah saya hendak jawab pertanyaan teman saya daripada Tanjong Karang tadi. Persediaan yang rapi. Saya tidak akan masuk ke Dewan ini kalau tidak ada persediaan. Saya tidak masuk ke Dewan ini kalau tidak ada *research*. Saya tidak masuk ke Dewan ini kalau tidak membaca. Saya tidak masuk ke Dewan ini kalau tidak menyediakan ucapan yang saya rasa sesuai dengan martabat kita sebagai wakil rakyat untuk menjadi *world class parliamentarian* tadi. Sebab itu, saya menyediakan dan saya menyediakan dengan bantuan daripada beberapa orang sahaja yang secara

sukarela sebenarnya membantu saya dan menyediakan ucapan-ucapan. Kalau tidak salah saya hari ini kita berucap, kalau ditakdirkan Allah semuanya menjadi agaknya, hari Isnin nanti pun berucap lagi bila kita membahaskan tentang Putra Jaya. Daripada satu akta ke satu akta, bayangkan kecuali kalau kita datang ke sini terus-terus bangun, bangun mengampu, bangun mengampu, saya rasa saya tidak perlu membuat persediaan apa-apa dan boleh tunggu di sini sampai bila-bila, sampai mengantuk pun boleh tunggu. Tetapi saya lihat dekat sinilah, para pembangkang yang bangun, tidak ada seorang pun yang bangun membantu ketua-ketua, mengampu ketua-ketua kita.

Tidak ada pun yang bangun mem*praise* ketua-ketua Kita. *Unnecessarily* dengan izin, sebab itulah saya rasa maka saya terpaksa memberikan sedikit masa dan sebagaimana yang dia tahu, biarlah semua orang pun tahu. *[Disampuk]*

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ada di Dewan Undangan Negeri yang juga saya memberikan servis untuk bersama-sama dengan Dewan Rakyat ini. Saya rasa ada perkara baru atau macam mana kah ?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tidak ada. Pasal fakta tadi itu. Sebab jawab soalan saya tadi.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ha..okay.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Jadi, saya hendak tanya.. Yang Berhormat jangan keliru. Yang Berhormat saya bangun tadi bertanyakan sama ada Yang Berhormat ada tidak sampai pukul 8.30 malam sebab Yang Berhormat membangkitkan tadi bahawa seolah-olah *backbancher* ini tidak ada di dalam Dewan sampai arahan dikeluarkan. Saya tadi soal Yang Berhormat katakan tadi sama ada kualiti perbahasan. Soalan yang saya tanyakan tadi sama ada Yang Berhormat hadir ataupun tidak hadir sampai 8.30 malam, bukan soal bercakap kah tidak. Saya percaya kalau semua hendak bercakap, semua orang boleh bercakap. Jangan ingat Yang Berhormat sahaja mempunyai perbahasan yang berkualiti. Yang Berhormat juga seorang pakar motivasi. Saya tertunggu-tunggu mengapa Yang Berhormat tidak mengambil bahagian apabila kita membincangkan Akta Kanak-kanak tempoh hari?

Itu memang bidang Yang Berhormat apabila kita membincangkan Akta Kanak-kanak, tetapi Yang Berhormat langsung tidak mahu bercakap. Itu bidang Yang Berhormat.

Jadi, jangan ingat Yang Berhormat bahawa apabila kata kami tidak ada di sini, kami tidak ada modal untuk bercakap. Jadi, soalnya hari ini, bukannya kualiti menjadi penentuan, sama ada pihak pembangkang cukup kah tidak cukup hadir di dalam Parlimen. Sama ada duduk kah tidur di dalam Parlimen untuk cukupkan korum ini.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih. Pertama sekali Yang Berhormat soal apa yang kita hendak bercakap ini bukan hal ada kaitan dengan Yang Berhormat. Kita ada cara kita di sini. Kita ada sistem kita. Kita ada portfolio kita. Kalau benda itu tidak masuk dalam bidang saya, kenapa saya mesti masuk *stepping on somebody else?* Tidak perlu dengan izin. Sebab itu saya rasa tidak perlu. Kalau misalnya saya hendak *expect* Yang Berhormat hendak bercakap tentang *legal because you're the lawyer*, saya tidak perlu ada persepsi seperti itu dan saya mesti bercakap tentang orang mengenai *engineering*, dia mesti bercakap tentang hal JKR, tidak perlu sebab rakyat ini bukan JKR sahaja. Rakyat ini daripada awalnya sampailah akhirnya seluruhnya adalah sebenarnya berkaitan dengan rakyat. Rasa saya tidak ada yang kita cakap di sini Tuan Yang di-Pertua, yang keluar daripada lingkungan rakyat itu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya sambut baiklah tentang saranan Yang Berhormat bagaimana setiap Ahli Parlimen perlu memainkan peranan dan tanggungjawab sebagaimana Yang Berhormat letak dia punya sasaran hendak jadi *world class parliamentarian*, tetapi ada tidak Yang Berhormat nasihat kepada Ketua Pembangkang ini supaya Ahli Parlimen Sik ini yang sudah sakit, yang sudah tidak boleh berfungsi ini, supaya dia pun sudah bersetuju hendak letak jawatan, kerana tidak boleh berfungsi sebagai Ahli Parlimen dan betul-betul hendak letak jawatan bagi izin. Itu baru menandakan Yang Berhormat boleh memainkan peranan Ahli Parlimen sebagai yang *world class* dan kualiti.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Dia bermula daripada kepala. Ikan ini busuk bukan daripada ekor. Ikan busuk daripada kepala. Tidak salah saya Perdana Menteri datang baru sekali saja. Sekali saja ini. Dua kali. Perdana Menteri

datang dua kali saja. *It was most of the very brief appearances.* Kita lihat Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar tidak nampak langsung. Tidak nampak langsung. Daripada Merbok saya rasa dua kali saja. Dua kali saja. Kalau misalnya mereka dalam kedudukan begitu, yang sepatutnya mereka memberikan roh kepada Parlimen ini. Bayangkan kalau Perdana Menteri datang seminggu dua kali misalnya datang dekat sini, bayangkan roh yang ada. Sebab dia tidak datang, takkan saudara hendak mempertahankan orang yang tidak datang begitu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [*Bangun*]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ada soalan lain kah atau ada yang berkaitan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang berkaitan sama Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ha..okay.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat kata tentang roh sebagai seorang Ahli Parlimen yang boleh memainkan peranan dan tanggungjawab untuk menyemarakkan Dewan yang mulia ini untuk memberikan pemikiran yang bernas, berkongsi dengan izin, *imparting knowledge*, itu sebagaimana Yang Berhormat sarankanlah. Tetapi kalau Yang Berhormat kata macam mengambil contoh Menteri, Yang Berhormat bagi Merbok. Dahulu, dia duduk satu jam setengah dalam 27 Oktober, 2000 membentangkan Belanjawan yang kita semalam pun baru habis selesai membincangkan Belanjawan yang bagaimana Tanjong Karang bagi tahu ada masa-masa ketika kita bersidang sampai pukul 10.30 malam, 8.30 malam, muka Yang Berhormat pun tidak nampak dalam Dewan ini. Tetapi ini saya hendak tanya, Sik ini sudah bersetuju hendak letak jawatan. *In capicitate* sudah tidak mampu sudah hendak menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Ahli Parlimen, hendak letak jawatan tetapi tidak diizinkan oleh ketua parti dia. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih. Pertama sekali saya rasa wakil daripada Sik sudah mendapat kelulusan rasmi daripada Dewan Rakyat untuk tidak hadir atas sebab-sebab kesihatan. Batu Berendam pun serupa juga. Sekarang orang sudah bercerita pasal Batu Berendam ini. Sudah ada persediaan hendak buat apa di Batu Berendam, saya pun tidak tahu. Jadi, soal ini...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Larut. Soal lain kah apa. Yang lain atau macam mana itu? Lain?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Saya kalau ikut bulan puasa ini saya tidak hendak bertanya-tanya, tetapi terpanggil hendak tanya Yang Berhormat sebab dalam kempen Yang Berhormat, ini kalau tidak betul Yang Berhormat betulkanlah. Yang Berhormat bercakap begitu semangat pakai *healer* dia orang kata hendak menyelesaikan masalah suatu hari di kawasanparlimen Yang Berhormat di Parit Buntar, jadi saya hendak bertanya sejauh mana masalah Yang Berhormat janjikan itu kerana ini saya diminta oleh rakyat di sana kerana kita bersebelahan. Jadi, hendak minta sejauh mana masalah Yang Berhormat janji suatu hari itu telah diselesaikan kerana kalau ikut masa ini sudah hampir setahun belum selesai lagi. Minta penjelasan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Pertama sekali saya berterima kasihlah kerana Yang Berhormat bagi Larut menimbulkan perkara ini. Kita pun *neighbours* kan Larut dengan Parit Buntar. Saya rasa kalau kita buat ujian di Parit Buntarlah, kalau diadakan pilihan raya dalam minggu-minggu depan ini, rasa-rasa sayalah bukan *arrogant* ya, saya rasa saya akan menang dengan majoriti yang lebih besar macam Lunas juga. Sebabnya dahulu masa saya betul-betul membentangkan tentang perkara yang sangat serius tentang pembangunan ekonomi, pembangunan masyarakat nelayan, pembangunan pertanian, tentang sistem bagaimana pendekatan pada abad-abad, dekad-dekad yang akan datang, Yang Berhormat bangun menyebut macam mana tentang parking di Parit Buntar. Yang Berhormat, rasa saya, saya tidak perlu responslah benda-benda macam itu. Saya rasa tidak tahulah, minta maafah saya hendak sebut, benda ini terkeluar sedikit sebanyaklah daripada *main stream* idea yang kita tahu.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sila, sila, sila.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Saya sebenarnya menghormati Yang Berhormat sebagai motivator. Saya memang salah seorang yang minat mendengar

Yang Berhormat bercakap, tetapi hari ini saya merasa sedih sedikitlah sebagai orang profesional, Yang Berhormat nampak begitu *arrogant* bercakap di sini, kerana bila bercakap Yang Berhormat tidak akan masuk ke Dewan ini tanpa ada persediaan, seolah-olah mengejek kita ini yang tidak ada perediaan ini.....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [*Bangun*]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Nanti dahulu, bagi saya habis. Yang tidak ada persediaan ini tidak *competent* dan saya lihat banyak juga Ahli Pas dan pembangkang yang lain masuk ke Dewan ini tidak ada persediaan. Bangun begitu sahaja dan apabila membandingkan kehadiran Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat bagi Shah Alam mengatakan bahawa Sik tidak datang, kualiti perbahasan, langsung tidak pernah berbahas, tidak datang selepas itu membandingkan pula dengan Yang Berhormat bagi Batu Berendam. Kalau hendak membandingkan kita kena *fair, to be fair* dengan izin. Ketua Pembangkang sendiri pun saya kasihan, dia kualiti pun tidak ada juga perbahasan dia, minta maaf ya. [*Ketawa*] Kadang-kadang dibantu untuk memberi kualiti perbahasan yang baik. Ini tugas kitalah. Jadi, kalau kita hendak *world class*, kita kena bercakap secara profesional Yang Berhormat. Saya seorang doktor, saya menghormati tetapi bila kita bercakap membabi buta begini, saya langsung tidak menghormati cara begini.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sipitang. Pertama sekali saya rasa tidak fairlah kalau kita bercakap beritahu ketua kita, Ketua Pembangkang kita sebagai tidak ada *class* ini [*Sorak*] Kalau tidak silap saya, setiap kali ucapan yang dibuat, terutama ucapan-ucapan dasar, terutama ucapan-ucapan yang menyentuh persoalan Titah Diraja, ucapan-ucapan tentang budget, kita dapati daripada yang kita dapat daripada luar negeri, cukup ramai yang menulis kepada kita dan memberikan pujian kepada Ketua Pembangkang kita. Saya tidak tahu, sebab itu.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ingat cukuplah, cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tentang parking Parit Buntar kah?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha..tidak. *[Ketawa]*. Yang Berhormat, Yang Berhormat memang hebat. Bercakap pasal wakil rakyat *[Disampuk]*.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Yalah, kalau tentang parking, saya...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itulah, Yang Berhormat tidak hendak mengakui.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ingat cukuplah, cukuplah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sikap Yang Berhormat juga, berjanji. Saya cuma hendak bertanya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Okay, okay.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi, sama ada perkara ini telah selesai ataupun tidak? Itu sahaja. Yang Berhormat kalau mengatakan yang orang lain tidak mampu, Yang Berhormat mampu, kita okay. Tetapi suatu hari Yang Berhormat janji sekarang sudah setahun. Bagaimana? Itu sahaja saya minta dan ini berkaitan dengan kita sebagai wakil rakyat .

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya menjanjikan di Parit Buntar.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya rasalah apa yang kita bincang sudah sangat jauh daripada pindaan inilah dan saya nampak ramai juga yang menunggu untuk berucap, jadi bolehkah Yang Berhormat cuba tumpukan kepada pindaan ini.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, tentang *world class* tadi, kalau dapat kita memahami benar-benar *subject matter* yang dibahaskan dan yang ketiga, ilmu yang *up to date* dan *well-qualified*. Ilmu yang *up to date* dan sebab itulah memerlukan *research*. Saya hendak menyebutkan di sini, saya tidak mahu pergi panjang tentang ini. Saya hendak minta

dalam pindaan ini kalau dapat di mana-mana dimasukkan tentang keperluan kita menubuhkan *a core of researches* kepada Ahli-ahli Parlimen sama ada kerajaan dan juga parti pembangkang ini. Saya secara peribadi memerlukan paling tidaknya dua orang *researches*, kalau boleh orang yang ada diploma, orang yang ada kelulusan universiti, yang faham tentang *research*, untuk membantu kita membaca data-data *secondary*, membaca data-data *primary* yang boleh membantu kita dalam hal perbahasan kita tentang satu rang undang-undang ataupun perbahasan kita tentang budget, perbahasan kita dalam jawantankuasa dan sebagainya supaya mutunya dapat dipertingkatkan daripada *research* yang dapat dilakukan oleh *researches* yang saya cadangkan itu.

Yang kedua, saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau bolehlah, saya rasa tidak tahulah dari pihak kerajaan, tetapi dari pihak pembangkang ini perlu ada satu sekretariat di sini, yang diservis, yang dikhidmati daripada teman-teman daripada Parlimen untuk memberikan kita paling tidaknya sekurang-kurangnya pada hari itu, kita boleh berjumpa dengan dia, kalau hendak ditaip, kalau hendak dimasukkan dalam komputer, kalau hendak buat editing dan sebagainya, kalau hendakkan tambahan-tambahan, bacaan-bacaan yang kita buat di *library*, di perpustakaan dan sebagainya. Kalau ini dapat dihubungkan dengan satu sekretariat macam itu, maka kita dapat. Saya telah cadangkan ini di Dewan Undangan Negeri di Selangor dan nampaknya perkara ini telah pun dijalankan dan banyak sebenarnya dapat membantu kita menyelesaikan masalah-masalah kesetiausahaan yang sangat perlu daripada kita di sini.

Dan saya harap Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat dalam hal ini ialah bagi kita Ahli-ahli Dewan Rakyat ini supaya..., saya ingin mencadangkan beberapa perkara lagi untuk meningkatkan kepada *world class parliamentarian* ini tentang perlunya ada orientasi, induksi. Saya sebenarnya memperhatikan, mencari-mencari untuk diadakan satu induksi kepada kita, induksi dalam hal *chamber* ini induksi tentang *the dos and the don'ts* dalam Dewan ini yang tidak diberikan kepada saya. Jadi sebab itu kita cari sendiri, kita tanya *through trial and error* dengan izin, saya rasa ini bukanlah satu cara yang sistematik untuk memberikan ilmu baru kepada ahli-ahli yang baru seperti saya ini.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah tiada program orientasi mengenai struktur dan fungsi kerajaan Bagi mereka yang telah berkhidmat dengan kerajaan amat mudah tetapi mereka yang tidak berkhidmat dengan kerajaan untuk mengetahui 24 kementerian, fungsi Jabatan Perdana Menteri, fungsi dalam ketiga-tiga cabang daripada eksekutif, cabang legislatif dan judiciary itu saya rasa bukan mudah untuk diketahui bukan mudah untuk dihadamkan dalam masa yang singkat ini untuk membolehkan kita beroperasi. Paling tidaknya memiliki *base line knowledge* asas, hal ilmu-ilmu asas daripada hal menguruskan kerajaan ini. Sebab kita dengan cara tidak langsungnya memang terlibat langsung dengan pengurusan kerajaan. Apa yang kita bincang di sini sebenarnya ialah pengurusan kerajaan, bagaimana kerajaan menggunakan *instrument* yang ada mekanisme yang ada untuk membantu rakyat tidak kira di mana pun mereka berada. Dan dalam hal pembantuan ini dalam jalinan itu, wakil rakyat seperti kita dalam Dewan Rakyat ini sama ada kerajaan atau pembangkang adalah terlibat secara langsungnya.

Kemudiannya yang ketiga tidak ada diberi penerangan mengenai satu-satu rang undang-undang yang akan dibahaskan oleh kementerian yang mengusulkan. Saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap satu rang undang-undang tidak kira yang *complicated* atau tidak *complicated* misalnya Rang Undang-undang Cukai Pendapatan tadi kalau dapat misalnya, saya tahu kemungkinan besar ahli-ahli kerajaan diberikan taklimat oleh pengusul kepada rang undang-undang ini. Tetapi kami di pembangkang ini tidak tahu apa benda, memang tidak tahu apa benda. Dan tidak diberikan gambaran tidak diberikan garis-garis panduan tidak diberikan bimbingan bagaimana caranya apa benda yang menjadi '*mauduk*' utama yang hendak dibincangkan dalam rang undang-undang itu supaya kita dapat menjuruskan perbincangan kita terus sebagaimana yang dikehendaki oleh Tuan Yang di-Pertua, terus menyentuh akar umbi kepada rang undang-undang yang akan dibentangkan itu.

Yang kelima tiada ruang kesetiausahaan saya pun telah sebut tadi. Kemudian yang keempat lain-lain masalah. Saya hendak sebut soal tentang beberapa perkara yang saya fikir yang saya hendak tamatkan Tuan Yang di-Pertua dengan saya hendak mengemukakan beberapa cadangan yang ringkas sahaja. Yang pertama mengadakan program induksi untuk ahli-ahli yang baru telah saya sebut tadi. Kalau program ini

diadakan saya sendiri akan mendaftarkan nama untuk menjadi orang yang akan mengikuti kursus induksi ini.

Yang kedua, menyediakan tenaga bantu penyelidik dan kakitangan pejabat. Sekali lagi saya ingin menyerukan supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada dekat sini supaya dapat mengambil butir ini dan kalau dapat dicatatkan supaya kita dapat mulai daripada tahun inilah saya fikir kalau dapat betul-betul diadakan satu *core* penyelidik yang ada dan juga kakitangan daripada pejabat kita yang berada di kawasan-kawasan kita kalau dapat diberikan perhatian oleh pihak kerajaan untuk memberikan, menghulurkan sedikit bantuan untuk kita mewujudkan satu pejabat yang seolah-olah dapat membayangkan martabat seorang ahli-ahli Dewan Rakyat di kawasan kita.

Kemudian yang ketiga menyediakan ruangan sekretariat saya sudah sebut tadi dengan tenaga pembantu yang mahir dengan peralatan yang mencukupi. Kalau dapat saya rasa kalau boleh Tuan Yang di-Pertua yang mulia Tun dapat menimbangkan perkara ini kerana kita sangat-sangat memerlukan seorang steno, sangat-sangat memerlukan seorang *typist*, sangat-sangat memerlukan seorang kerani misalnya untuk membantu kita dalam kerja-kerja kita menyediakan ucapan kita di Dewan Rakyat yang mulia ini.

Yang keempat diberi taklimat oleh kementerian yang mengusulkan satu-satu rang undang-undang. Ini telah saya sebut tadi. Saya ingin kalau dapat kerana kita pun kebanyakannya tidak petah, banyak yang kurang faham tentang hal rang undang-undang ini. Kalau misalnya ada daripada kementerian yang mengusulkan rang undang-undang ini, ia akan dapat memberikan laluan yang mungkin akan pintas, akan mudah sedikit kepada mereka yang dipilih untuk membahaskan rang undang-undang itu.

Yang kelima diadakan sesi-sesi percambahan pemikiran secara berkala mengenai isu-isu penting di peringkat nasional dan di peringkat antarabangsa. Saya rasa sangat perlu. Saya tahu di Parlimen yang lain, boleh dikatakan sama ada di Amerika, di Eropah dan di England orang-orang yang ada di dua-dua *house of common* nya dan *house of representative* nya diberikan penerangan mengenai isu-isu baru. Dahulu sudah timbul tidak silap saya bila kita membincangkan hal *budget* tahun

lepas rasanya. Kita telah timbulkan mengenai mengadakan program-program untuk menerangkan tentang WTO, untuk menerangkan tentang AFTA dan sebagainya kepada ahli-ahli yang berminat untuk menghadiri program-program penerangan seperti itu.

Yang keenam mengadakan kod etika dan kawalan kualiti bagi jawapan-jawapan yang dibuat terutamanya oleh Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat panjang lagikah?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sedikit lagi saya hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 45 minit.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak sampai 5 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah berucap 35 minit jadi saya kira bolehlah ringkaskan supaya peluang diberi kepada orang lain.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Kurang daripada 5 minit. Kurang daripada 5 minit. Yang ketujuh mengkaji semula amalan meminggirkan ahli pembangkang.

Saya tidak tahulah ini pun macam mana kita hendak berdepan dengan rakyat. Realiti yang biasa ditimbulkan dalam Dewan ini. Saya sebagai wakil rakyat bagi kawasan Parit Buntar tidak boleh pergi ke sekolah, tidak boleh berjumpa dengan guru, tidak boleh berjumpa dengan murid, tidak boleh ikut PIBG, tidak boleh pergi Hari Kantin, tidak boleh guna balai raya, tidak boleh guna Dewan orang ramai, tidak boleh guna padang bola, tidak boleh guna padang badminton.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya yakin ini sudah jauh daripada ...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ya, ya. Itu saya hendak berikan sahaja. Saya rasa masih berkait kalau misalnya sudah disebut pun tidak keluar daripada mulut kita jadi kita sebutkan. Itu hendak *reinforce* apa juga yang telah diberikan oleh teman-teman kita tadi...

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: [Bangun]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ada masa lagi tiga minit.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Tidak saya hendak bercakap fakta-fakta Yang Berhormat bercakap ini janganlah *misleading* Dewan. Yang Berhormat di Sungai Burung sebagai parti pembangkang. Yang Berhormat jangan kata tidak masuk sekolah. Sekolah Rendah Agama Sungai Burung Yang Berhormat sudah pergi, PIBG Sekolah Rendah Sungai Sireh, Yang Berhormat pergi. Yang Berhormat jangan hendak ma in Yang Berhormat. Saya ikut perkembangan Yang Berhormat jadi jangan bercakap macam di kampung.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya hendak terangkan. Saya hendak terang..

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Bercakap seperti di kampung boleh Yang Berhormat. Tetapi sekarang ini dalam Dewan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya hendak terangkan duduk dahulu saya hendak terangkan. Okay, memang saya ada. Itu pun saya hendak sebut tuan-tuan. Kedua-dua Yang Berhormat sebutkan itu seolah-olah seperti jalan belakang. Kalau bagi tahu kepada JAIS mati balik hidup, hidup balik mati tidak akan diizinkan menggunakan sekolah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Buntar, boleh tidak saya cadangkan benda ini kita lanjutkan untuk bincang di masa akan datang sebab hari ini kita hendak bincang tentang Ahli Parlimen Saraan, pindaan akta ini.

Puan Fong Po Kuan: Relevan ini, saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat belum, belum. Yang Berhormat sudah habiskah?

Puan Fong Po Kuan: Dia bagi laluan kepada saya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya beri laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tolong jimatkan masa Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Yang Berhormat bagi Parit Buntar, tahukah Yang Berhormat bagi Parit Buntar bahawa Tanjong Karang sebenarnya tidak memahami apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. *[Sorak]* Memang benar apa

yang dinyatakan oleh Parit Buntar, wakil rakyat pembangkang langsung tidak boleh dibenarkan masuk ke sekolah dengan secara rasmi. Saya telah tulis empat surat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Saya hendak memaklumkan apa yang dikata oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, beliau menunjukkan beberapa peluang yang telah diberikan kepada Yang Berhormat untuk menghadiri mesyuarat ataupun di sekolah yang berkenaan. Jadi Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, tujuan beliau untuk membetulkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar.

Puan Fong Po Kuan: Saya tanya kepada Yang Berhormat bagi Parit Buntar, sedarkah dia atau tidak saya ada tulis empat surat, semua ditolak tetapi tidak berani tolak secara bertulis, tolak melalui telefon kerana takut ada rekod. Sedarkah atau tidak bahawa perkara ini sebenarnya memang berlaku bukan sahaja di kawasan Parit Buntar tetapi di kawasan Batu Gajah juga.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya rasa semua kawasan. Untuk penge tahuan Yang Berhormat bagi Tanjong Karang tadi, memang JAIS telah menulis surat, saya ada *copy* suratnya, menulis surat kepada semua sekolah agama JAIS, sekolah rendahnya tulis surat jangan izinkan, jangan benarkan, jangan panggil ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahli Parlimen pembangkang. Sebab itu saya pergi Sungai Sireh jalan belakang. Kalau jalan depan saya hendak ulang balik mati balik hidup, hidup balik mati tidak akan diberikan keizinan.

Okay, kemudian yang kelapan sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi saya habiskan. Mengkaji semula amalan memberikan peruntukan pembangunan kepada ahli pembangkang sama seperti ahli daripada Barisan Nasional. Ini pun telah kita bincang dan saya tidak bercadang untuk memanjangkannya.

Yang ke sembilan memberi peruntukan kewangan untuk pejabat dan wang pengendalian di kawasan yang diwakili dan akhirnya yang ke sepuluh ialah membekalkan kemudahan komputer. Kita di Selangor di Dewan Undangan Negeri tiap-tiap ahli Dewan Undangan Negeri dibekalkan dengan sebuah komputer. Jadi itu kalau dapat di *extent* kan kepada teman-teman di Dewan Rakyat ini saya rasa banyak akan memberikan kemudahan bukan mereka tidak mampu membeli tetapi oleh kerana tuntutan-tuntutan yang disebutkan oleh Sri Gading tadi maka tidak mampulah kita

hendak menyenaraikan, hendak memberikan keutamaan kepada komputer dan kelengkapan-kelengkapan yang lain. Dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Sulong.

4.30 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya harap sahabat-sahabat saya telah pun dapat menilai Parit Buntar setelah ‘pesta meniup trompet’ yang dilakukan tadi. Bagaimana *competent* nya beliau dan bagaimana *loud* ataupun bunyinya trompet beliau bagaimana *world class* nya beliau dan dalam keadaan itu juga beliau masih lagi mencerminkan kekurangan-kekurangan dengan rayuan-rayuan yang dilemparkan dan dipulangkan kepada kerajaan. Jadi itu adalah iktibar bahawa kita sebagai umat manusia adalah penuh dengan kelemahan-kelemahan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak media dan rakyat jelata tidak akan tersalah faham dengan pembentangan akta pada hari ini. Akta ini tidak dibentangkan ke Dewan Rakyat untuk menaikkan elaun atau ganjaran Ahli Parlimen. Akta ini sebenarnya dibawa ke Dewan Rakyat untuk memberi kembali sejumlah wang yang telah pun kita potong daripada elaun atau ganjaran wakil rakyat akibat kegawatan ekonomi negara pada akhir tahun 1997.

Saya merayu kepada pihak akhbar dan media elektronik supaya memahami hakikat ini untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan rakyat jelata seluruhnya terhadap wakil rakyat. Pendeknya saya harap pihak media dapat menjelaskan menerusi laporan masing-masing bahawa apa yang kita lakukan hari ini untuk memberi kembali sejumlah wang yang telah dipotong akibat kegawatan ekonomi kepada wakil rakyat. Sejumlah wang yang telah dipotong kini diberikan semula kerana ekonomi negara telah pulih. Inilah hakikat dan realitinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa memohon kerjasama media terhadap hal ini kerana baru-baru ini sewaktu akta ini dibentang untuk bacaan kali yang pertama pun di Dewan yang mulia ini saya dapati ada setengah-setengah akhbar yang

melaporkan bahawa Ahli Parlimen naik elaun 10%. Laporan seperti ini amat mengelirukan dan mengecewakan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mencadangkan semoga Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Parlimen Malaysia segera mengadakan satu kajian komprehensif terhadap bentuk elaun, ganjaran, kemudahan, lain-lain Ahli Parlimen di rantau ASEAN ataupun di negara-negara Komanwel yang mempunyai pertalian sejarah dengan kita supaya hasil kajian tersebut boleh dijadikan asas kepada kajian semula dan kajian menyeluruh seluruh elaun, ganjaran serta kemudahan yang diperolehi oleh ahli-ahli Parlimen di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat cadangan ini kerana saya dapati sebarang elaun, ganjaran dan kemudahan yang diperolehi oleh Ahli-ahli Parlimen Malaysia masa kini masih banyak yang boleh diperbaiki. Tadi kita mendengar rungutan ataupun rintihan dan cetusan rasa oleh Ahli Parlimen bagi Sri Gading. Itulah hakikatnya. Ahli Parlimen adalah penggubal dasar negara. Itu juga hakikat. Tetapi adakah taraf penggubal dasar ini dicerminkan sewajarnya menerusi elaun, menerusi ganjaran dan kemudahan yang diperolehi oleh Ahli Parlimen di negara ini. Sebagai contoh pinjaman kenderaan yang diberikan kepada Ahli Parlimen Malaysia tidak mampu membeli kereta buatan Malaysia sendiri, hanya mampu membeli kereta Kancil. Ini hakikat. Saya rasa realiti ini perlu diperbaiki dan elok juga diperbaiki dengan segera sebelum Ahli-ahli Parlimen akan menjadi cemuhan kepada semua pihak. Saya tidak mahu menghuraikan elemen ganjaran elaun dan kemudahan mana yang perlu diperbaiki. Saya pasti bahawa pihak kerajaan lebih bijaksana mengkaji hal ini.

Dalam pada itu, elok juga saya katakan sekali imbas bahawa segala elaun, ganjaran dan kemudahan yang diterima oleh Ahli Parlimen Malaysia hari ini, kelihatannya masih jauh ketinggalan jika dibanding dengan kakitangan awam sahaja dalam negara ini pun jauh lagi ketinggalan. Apatah lagi hendak banding dengan Singapura, hendak banding dengan Parlimen kecil-kecilan macam Maritius kah, dengan Parlimen only local council macam Jersey kah, jauh lebih ketinggalan Ahli Parlimen Malaysia. Tetapi hakikatnya, kita tidak boleh bersuara untuk diri kita sendiri dengan lantang. Dengan itu, kita memilih untuk menjadi umpama lilin yang

membakar diri. Berapa lamakah kita harus bergerak sebagai lilin yang membakar diri? Ini persoalan-persoalan yang saya harap pihak kerajaan akan turut mengkaji dan diberi pertimbangan dengan sewajar-wajarnya.

Pada waktu yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu semoga pihak kerajaan mengkaji segala kekurangan yang dihadapi oleh pihak Timbalan-timbalan Speaker di Dewan Rakyat. Sewaktu perbincangan Belanjawan, ramai sahabat saya yang bercakap, salah satu yang agak jelas, Timbalan Speaker sama taraf dengan Timbalan Menteri tetapi Timbalan Speaker tidak ada kereta rasmi. Ini adalah satu perkara yang boleh lagi mencacatkan martabat Dewan Rakyat itu sendiri.

Kami telah berkali-kali menyuarakan hal ini. Saya harap kajilah semuanya. Kajilah secara menyeluruh supaya martabat dan kredibiliti seluruh anggota Ahli Parlimen dan juga pegawai-pegawai yang berkaitan dengan Parlimen itu akan bertambah. Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya mohon sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Sebagai perbandingan, saya tidak hendak sebut nama negara, Yang di-Pertua Dewannya, 60 ribu ringgit sebulan mata duit dia. Kalau dikalikan dengan duit kita, hampir RM120 ribu, dengan kemudahan-kemudahan yang bertaraf Menteri. Begitu juga timbalannya. Malahan setiausaha politiknya pun ada kereta dan pemandu dengan elaun yang lebih lumayan. Sebagai contoh, Ahli Parlimennya mendapat dalam kenaikan yang baru, dahulu 5 ribu ringgit, sekarang 10 ribu ringgit. Kenaikan 100% mengikut mata wang negara itu yang kali dua ialah 20 ribu ringgit lebih dengan kemudahan pejabat, pembantu pejabat, kakitangan pejabat dan elaun-elaun yang lain. Jadi, itu perbandingan. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itulah hakikatnya. Kalau Perdana Menteri Malaysia pendapatan elaun dia RM18 ribu, CEO sebuah syarikat listed yang baru di dalam negara ini paling kurang pun RM50 ribu sebulan. Itu Ketua Eksekutif sebuah syarikat korporat, apatah lagi seorang Ketua Eksekutif

negara macam Malaysia, RM18 ribu. Tetapi takkanlah kita hendak menyuarakan perkara ini dengan lantang. Nanti orang kata kita memperjuangkan nasib kita sendiri. Tetapi hakikatnya, maruah itu harus diberi kepada jawatan itu sendiri.

Saya yakin kalau Tuan Speaker dapat rumah, dapat pembantu rumah tetapi berapa ganjaran kepada Tuan Speaker? Ini kalau kita hendak memartabatkan maruah kita, perkara ini harus dikaji, seumpama kita buat satu rumah yang besar dan dia punya *deco very mediocre*. Orang ramai masuk, itulah rumah sahaja besar tetapi hendak beli perabot yang ini pun tidak boleh. Ha, ini Ahli Parlimen penggubal dasar tetapi bagaimanakah status dan juga perkara-perkara yang diberikan kepada penggubal dasar.

Saya minta perkara ini diimbangkan supaya timbul satu *balance situation* di mana martabat Ahli Parlimen sebagai penggubal dasar itu tidak akan diperlekehkan oleh mana-mana pihak sekalipun, apatah lagi pihak mungkin sesetengah kakitangan kerajaan yang masih lagi memandang rendah Ahli-ahli Parlimen. Kalau balik ke setengah-setengah negeri, setengah negeri mempunyai protokol, dia pandang Ahli Parlimen ini rendah sangat. Jadi, saya minta perkara ini, tolonglah atasi dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bandau bangun.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat bagi Parit Sulong menekan dengan begitu jelas bahawa ganjaran dan gaji-gaji itu rendah berbanding dengan negara-negara lain ataupun di peringkat swasta, misalnya. Di Parlimen Singapura, kita sedia maklum bahawa antara sebab mengapa ganjaran ataupun elaun itu begitu tinggi kerana pandangan kerajaan ialah, dengan izin, *Parliamentarian should be full time* untuk melayani rakyat dan supaya tidak tertarik untuk tugas-tugas lain atau cari makan *moonlighting* dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam perkara ini, rasional itu penting juga dan barangkali antara sebab kenapa seringkali Ahli-ahli Parlimen tidak hadir di sini ataupun hanya separuh masa sahaja, khususnya daripada sebelah kerajaan itu kerana mereka terpaksa mahu cari makan *moonlighting* dan sebagainya? Terima kasih.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju kalau Ahli Parlimen *full time*. Saya sendiri pun *full time politician*. Kita lihat, kita balik kampung, adakah kita tidak bertugas? Tugas wakil rakyat itu sendiri *is not really clearly define*, tidak dijelaskan secara hitam putih. Tidak ada buku meja mengenai tugas wakil rakyat. Terletak kepada *discretion* dan juga kesuka relaan Ahli Parlimen itu sendiri.

Saya pernah berbual dengan Tuan Speaker dan Tuan Speaker melontarkan satu perkataan, adakah Ahli Parlimen itu penggubal dasar sepenuh masa ataupun dia juga *social service worker* sepenuh masa. Bermakna sukarelawan, orang yang bekerja untuk masyarakat. Siapakah kita? Dalam Dewan, kita penggubal dasar. Balik ke sana, kita *social worker* di dalam kawasan. Tidakkah itu tugas sepenuh masa?

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat kurang puas hati dengan apa yang berlaku. Bukan bermakna saya hendak membangkang tetapi seharusnya letakkanlah taraf Ahli Parlimen itu kepada tempat yang hak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Saya hendak buat pembetulan sedikit Yang Berhormat bagi Bandau. Wakil rakyat Parlimen Singapura bukan sepenuh masa. Dia *businessman* dan berbagai-bagai profesional. Mereka hadir kalau dikira jumlah hari setahun, berbanding dengan kehadiran kita di persidangan kita setahun, tidak sampai 20% pun kehadiran kita di Parlimen kerana hari-hari persidangannya tidak macam kita tiga bulan ini. Hari itu, bulan Februari, bulan April dan sekarang tiga bulan. Kehadiran ataupun kekerapan mesyuarat lebih panjang di Parlimen Malaysia dibandingkan dengan Singapura.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang saya pun hendak menerangkan perkara itu. Sesetengah Ahli Parlimen di Singapura merupakan pensyarah (lecturer) dan sebagainya. Tetapi dengan satu *city island state* yang macam itu, dengan ganjaran yang sedemikian, saya rasa Malaysia harus mengkaji perkara ini kalau Singapura boleh dijadikan contoh. Tetapi, saya minta supaya diluaskan pandangan kita kepada negara-negara Komanwel supaya kita melihat bagaimanakah perkara-perkara yang dibekalkan kepada mereka. Contohnya, di New Zealand,

seorang Ahli Parlimen mempunyai dua researcher yang dibayar oleh kerajaan. Satu researcher di Parlimen dan satu pembantu di kawasan. Perkara ini penting.

Tuan Saupi bin Daud: [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak apalah, nanti dulu. Biar saya sambung dulu. Oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita Ahli Parlimen di alaf baru, dengan rasa hormat kepada Ahli-ahli Parlimen yang dulu, dalam bahasa Inggeris, *with due respect to the earlier Parliamentarian of this country*, termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri. Tuntutan ke atas kami hari ini amat tinggi. Kita terpaksa membaca buku. Setengah perkara-perkara yang kita hendak bincang dalam Dewan, kita tidak boleh timbul dengan masa kita sekolah dulu.

Waktu saya sekolah dulu saya baca buku, ini pasu bunga. Duduk dalam Dewan Rakyat, saya kena kaji apa ICT, *what is convergence, what is e-commerce?* Perkara ini menuntut pembelajaran setiap waktu. Kita kena belanja beli buku. Kita kena pergi masuk internet untuk belajar. Kita kena menguasai internet. Kita kena celik komputer. Hendak cakap dengan orang kampung, hendak beri motivasi, mungkin bukan macam Yang Berhormat bagi Parit Buntar lah. [*Sorak*] Itu standard dia *world class*. Saya ini kampung *class*. [*Ketawa*]

Walaupun kampung *class*, saya hendak pergi ke Parit Sulong, hendak motivasi orang kampung mengenai menyusun *priority* terhadap ekonomi, saya kena baca apa itu k-ekonomi dan saya boleh mudahkan kepada bahasa orang kampung. Itu persiapan-persiapan. Di dalam Dewan Rakyat, kalau kita cakap membabi buta, kita akan jadi bahan tertawa. Kakitangan kerajaan semua pegawai tinggi, kelulusan tinggi. Kami yang ada dalam ini pun apa kurang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, inilah hakikat yang saya rasa memerlukan diberi satu kajian yang amat mendalam.

Tuan Saupi bin Daud: [*Bangun*]

Tuan Robert Lau Hoi Chew: [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu, nanti dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua orang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau pihak civil servant, umpamanya yang membantu menggubal perkara ini, mereka harus memberi rasa simpati dan hormat kepada apa yang kita suarakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak beri kepada siapa?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya beri kepada Yang Berhormat bagi Sibu.

Tuan Yang di-Pertua: Sibu, ya.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan. Saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Parit Sulong, siapa lebih berkesan – satu wakil rakyat cakap banyak tetapi hasil semua kosong atau satu wakil rakyat tidak cakap begitu banyak tetapi kerja dia tetap melalui *channel* di dalam kerajaan untuk memberikan hasil kepada rakyat. Siapa lebih berkesan? *[Ketawa]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Orang kata, dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, “*empty drum makes the loudest noise*”, *empty vessel* pun macam begitu. Tong kosong itu kalau jatuh daripada tangga, dia punya bunyi lagi nyaring. Kadang-kadangnya, saya tidak tahulah. Saya tidak mahu mengkategorikan kepada sesiapa. Tetapi apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Sibu itu betul. Kadang-kadang kita memang *planning*. Macam sahabat-sahabat saya daripada Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar rintihan Yang Berhormat bagi Batang Lupar, hendak balik ke kawasan selama lapan jam, kena sewa speed boat, selepas itu berjalan selama tiga jam hendak sampai ke kawasan, terpaksa bermalam, tidak boleh balik. Elaun dia sama juga.

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak ada regional allowance, tidak ada hardship allowance. Wakil rakyat terpaksa berkorban (*sacrifice*). Inilah perkaranya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dululah. Jangan ganggu dulu. *[Ketawa]* Tidak ada. Pembangkang sudah cakap *world class*, you pun *world class* juga. Tidak jadi masalah. Jadi, kampung *class* hendak cakap dulu, jangan kacau. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, hakikat kawan-kawan saya yang dari Kinbatangan, contohnya, kawasan dia lebih besar daripada Negeri Pahang. *[Disampuk]* Macam mana kita hendak bergerak? *[Ketawa]* *[Disampuk]* Hei, orang kampung cakap, janganlah ganggu. *[Ketawa]* Ini hakikat yang harus diambil. Mungkin *geographical*

differences, bermakna perbezaan geografi itu diambil kira di dalam penstrukturan *remuneration*. Umpamanya, Kinabatangan macam mana, daripada Lubok Antu, daripada Selangau, daripada Baram. Ini semua kawasan-kawasan yang ...

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ha, ini Wangsa Maju. [*Ketawa*]
Okaylah, dia sahabat kita, kita bagi dulu. [*Ketawa*]

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya berdiri sebab saya seronok dengar Yang Berhormat cakap ini dan saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat tentang tidak ada satu spesifikasi atau makna apa itu Ahli Parlimen. Saya kaitkan dengan Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan yang Yang Berhormat sedia maklum, di Wilayah Persekutuan tidak ada ADUN dan oleh sebab itu sebagai Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan kita terpaksa datang ke Dewan untuk buat kerja-kerja menggubalkan dasar dan juga untuk membuatkan kerja-kerja Ahli Parlimen. Tetapi kita balik kepada kawasan, kita buat kerja-kerja sukarelawan seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi.

Adakah Yang Berhormat setuju, sekarang ini masalah Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan ialah kita buat kerja Ahli Parlimen dan juga buat kerja ADUN tetapi tidak mendapat gaji yang berpatutan Ahli Parlimen dan ADUN. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inilah sebahagiannya. Besok pagi kita hendak create satu lagi Wilayah Persekutuan Putrajaya, ada Ahli Parlimen tetapi tidak ada Dewan Undangan Negeri. Labuan pun ada Ahli Parlimen, tidak ada Dewan Undangan Negeri. Ini pembangkang kata kita tidak duduk sini sepenuh masa, kita ada kerja lain tetapi pembangkang mana dia ada kebertanggungjawaban kepada rakyat, tidak ada, yang hanya tabur janji kosong sahaja tetapi oleh kerana ini bulan puasa, saya hendak tone down sikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu sahabat saya daripada Parit Buntar tadi sudah ceramah lama, kita dengar, saya kata we are already level him as world class parliamentarian tadi.

Tuan Saupi bin Daud: [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dululah, nanti dulu, saya belum habis dengan Wangsa Maju ini. Saya amat simpati dengan Wangsa Maju, terpaksa

buka satu kawasan servis, bagaimana canggihnya servis Wangsa Maju oleh kerana dia juga Ahli Parlimen, dia juga adalah Ahli Dewan Undangan Negeri, dia jugalah municipality council punya worker, dialah juga, ini dia. Jadi kita mesti ada satu sistem bagaimana kita mahu mewujudkan remuneration kepada wakil rakyat sama ada menerusi geographical differences, menerusi kawan, kesukaran hendak pergi melawat kawasan, setengah-setengah Ahli Parlimen di sini terpaksa sewa helikopter. Ini sahabat saya daripada Lipis ini jurang dia berbeza daripada Pahang, hendak pergi kawasan yang sebelah sini terpaksa masuk Perak, Cameron Highland, pergi ikut Perak, hendak pergi kawasan dia ini. Ini kita tidak kaji, kita hanya melihat plan, map election boundary sahaja. Kita kaji on the ground apa kedudukan kita, apa kekurangan kita, apa kelemahan kita dan apa keperluan kita. Kalau tidak pergi kawasan, dituduh sebagaimana kita kata kita tidak berjiwa rakyat. Kita hendak pergi kawasan setiap masa, hendak sewa bot, satu kali bot jalan, RM400 ke RM500 tidak cukup, ini kawan-kawan saya daripada Sarawak, yang daripada Sabah pun sama juga.

Tuan Yang di-Pertua, ini hakikat perkembangannya. Kalau dulu di kawasan saya di Johor cuma ada satu Muar Selatan, Muar Utara. Muar Selatan di Batu Pahat, Muar Utara di Muar. Sekarang, di antara Muar Selatan dengan Muar Utara sudah ada enam kawasan Parlimen. Kita bayangkan.

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Silakan.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ini sebagai tambahan kerana kita tengok peluang untuk berhujah tidak ada, jadi saya ingin bertanya apakah Yang Berhormat ingin meminta kerajaan khususnya pihak kementerian yang berkenaan, Jabatan Perdana Menteri supaya kalau boleh mengkaji semua facilities Ahli-ahli Parlimen selaku penggubal dasar, contohnya pengangkutan semasa di Kuala Lumpur. Teksi RM10 - di mana maruah seorang Ahli Parlimen naik teksi, kerajaan cuma bayar pergi RM10, balik RM10, jadi RM20 sedangkan kita adalah penggubal dasar, menentu hala tuju negara kita. Ini seharusnya kita berbincang minta dengan kerajaan. Saya sungguh kesal dengan sikap wakil rakyat dari Parit Buntar berbicara soal world class parliamentary, cakap kosong, ini kita bincang ini soal dasar yang mahu diubah, bukan

mengkritik semua. Satu pun tidak ada cadangan, yang saya tahu bahawa dia ada facilities dan sebagainya. Ini saya tidak tahu apa dalam otak dia. Terima kasih.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya sokong cadangan-cadangan ini. Inilah perkara-perkara yang saya kata saya serahkan kepada kebijaksanaan kerajaan untuk mengkaji di mana yang perlu diperbaiki. Salah satu contoh, Ahli Parlimen hendak datang ke Parlimen naik teksi, teksi merah putih bukannya naik limousine. Naik teksi merah putih, kalau tidak dapat teksi nak balik macam mana? *[Disampuk]* Pirate taxi, tumpang? Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak ketawa pun kita mentertawakan diri kita sendiri. Ini hakikatnya. Yang kita bincangkan adalah diri kita pada hari ini, yang kita bincangkan adalah maruah kita, martabat kita. Itu yang kita bincangkan. Tidak macam Parit Buntar, dia melelong-lelong saja cakap....

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]* Mengenai maruah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ada cuma lima minit lagi sebelum saya rasa menteri menjawab.

Beberapa Ahli: Berilah!

Tuan Saupi bin Daud: Yang Berhormat Parit Sulong, terima kasih. Saya nampak Yang Berhormat hari ini nampak frust sikit, apa pasal ini? Bulan puasa tidak naik pangkat ke? Saya berbalik kepada tadilah. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi mengenai ketidakcukupan elaun sebagai Ahli-ahli Parlimen termasuk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan menteri-menteri kalau dibandingkan dengan negara-negara lain di sekitar kita. Tetapi pertamanya saya lihat bagaimana perkara ini, kita janganlah bercakap di dalam Dewan ini supaya mengabui mata orang lain sebabnya kalau kita lihat pada pemilihan UMNO umpamanya, Perdana Menteri berkali-kali melarang daripada ahli-ahli politik UMNO terutamanya, di kalangan menteri yang berebut jawatan untuk menduduki Majlis Tertinggi supaya tidak menggunakan politik wang dan saya tahu sampai berjuta-juta ringgit daripada ahli-ahli yang bertanding berbelanja untuk ruangan ini.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, cukuplah.

Tuan Saupi bin Daud: Jadi daripada mana punca kewangan ini sebenar kalau hendak dikatakan kita tidak cukup duit *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Inilah satu lagi contoh Ahli Parlimen 'world class'. Kita membincangkan soal Parlimen, bukan politik wang. Adakah saudara faham? Tidak payah bangun.

Tuan Saupi bin Daud: Saya kata Ahli Parlimen yang berta nding.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya Ahli Parlimen yang bertanding Majlis Tertinggi, saya tidak menggunakan satu sen wang. Saya seorang yang menulis ucapan Datuk Musa Hitam pada tahun 80-an yang pertama mencetuskan soal politik wang. Jangan pukul borong semua orang adalah sama pada pandangan saudara. Ini hakikatnya. Ini yang rosak orang Melayu. Dia pukul borong semua orang sama dengan apa yang dia lakukan.

Tuan Saupi bin Daud: Saya tanya tadi Perdana Menteri sendiri yang mengatakan, bukan saya yang kata.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Soalnya di sini, adakah soal yang saudara bawa relevan dengan apa yang sedang saya bincangkan? Tidak relevan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat Parit Sulong, sila, sila teruskan ucapan Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tun, saya minta dibubuh dalam rekod inilah contoh-contoh Ahli Parlimen 'world class' oleh kerana pemikiran dia amat terkurung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya sila teruskan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tetap bersuara lantang mengenai soal-soal Ahli Parlimen. Pada 24 Julai 1997, sewaktu membincangkan Akta Saraan Ahli Parlimen pada ketika itu, saya juga bersuara beberapa perkara tetapi sehingga ini sudah pun tiga tahun tidak ada apa satu pun tindak balas yang dilakukan. Satu perkara yang saya suarakan adalah mengenai sistem perhubungan yang ada depan kita ini, communication box saya panggil. Tun, saya sebutkan banyak kali perkara ini. Saya tahu JKR yang bertanggungjawab, telah pun beberapa tahun perkara ini dipasang tetapi tidak berfungsi lagi. Saya tanya berapa juta yang dibelanjakan untuk perkara ini? Tidak dijawab. Kalau hendak guna,

kita guna segera, kalau tidak guna kita cabutlah perkara ini. Susah, kita kadang-kadang sakit hati hendak tengok. Oleh kerana ini wang rakyat, mana pembangkang prihatin, Barisan Nasional yang prihatin mengenai hal ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak payahlah, ini kita sama-sama lama, kita tahu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu satu. Saya kadang-kadang kasihan dengan Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua orang lihat sebagai Ketua di Parlimen tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak bertanggungjawab mengenai hal ini. Ini JKR yang buat kerja ini. Saya minta perkara ini diatasilah dengan segera. Saya merayu sangat-sangat. Saya tidak mahu bangun sekali lagi kalau ada kesempatan mengulang balik perkara ini.

Yang kedua, saya mencadangkan supaya arrangement tempat duduk di dalam Dewan ini, janganlah macam ini. Susah kita. Tun, kaki saya panjang, apabila saya duduk dalam Dewan, lepas itu saya sakit kaki oleh kerana leg space, dengan izin, terlalu sempit. Yang keduanya, kalau tempat duduk macam baris-baris ini, di tengah itu ada wanita, susah kita hendak keluar masuk. Sebab itu waktu saya jadi Presiden BBC, saya minta semua wanita letak di tepi, sampai sekarang masih lagi dipraktikkan, terima kasih Tun. Tetapi apalah salahnya kita tengok Parlimen orang lain, a cluster of two, a cluster of three, kita keluar masuk bebas, ini Ya Allah Ya Rabbi, sakit hendak masuk. Itu agaknya kadang-kadang kita lebih suka duduk di kedai kopi. Tetapi Kinabatangan, Larut kalau keluar sekali keluar senang. Kalau satu-satu hendak keluar? *[Ketawa]* Itu contohnya. Tun telah memberi peluang kepada ramai Ahli Parlimen, pembangkang baik, BBC baik ataupun pengurusan kerajaan baik. Kita melawat Parlimen Mauritius, kita melawat Trinidad, Tobago, pergi Romania, pergi Czechoslovakia, kita tengok Parlimen baru atau Parlimen lama. Mean, the new Parliament bermakna new imagine, baru merdeka, dia tubuh Parlimen ataupun Parlimen yang sudah lama macam India atau West Minster. Saya tengok tempat duduk dia tidak macam kita. Ha, itu baru world class, *[Ketawa]* bukan Parit Buntar class. Jadi saya harap kajilah, kalau tidak percaya Tun, hantarlah Datuk Salleh, Setiausaha kepada Parlimen ini suruh dia pergi satu bulan ini pergi makan angin,

ambil gambar semua tempat duduk, kita serahkan kepada pihak-pihak yang membuat keputusan. Saya tahu Tun tidak boleh buat keputusan oleh kerana masalah duit ini orang lain buat keputusan. Jadi mintalah tolong, tolong sangat-sangat perkara ini. Saya kasihan tengok Ahli-ahli Parlimen ini cramp, bukan macam rumah haram, kan? [Ketawa] Tetapi masalahnya sitting arrangement boleh diimprove, boleh diperbaiki. Deco ini, dengan wood paneling ini sudah cantik dah, memang kena oleh kerana kita negara ini mempunyai tetapi kalau diperhebatkan lagi paneling-paneling dalam Dewan Rakyat ini lagi cantik untuk melambangkan kesenian yang ada di tangan kita.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai Bangunan Parlimen ini sendiri. Adakah satu hari nanti apabila pemimpin-pemimpin kita mendapat ilham, Bangunan Parlimen ini akan dipindahkan ke Putrajaya ataupun Bangunan Parlimen ini akan terus berada di sini tetapi walau apapun yang akan berlaku, saya harap landscaping Bangunan Parlimen ini, perhebatkanlah. Jangan capuk sana, capuk sini, kita betul-betul panggil landscaping engineer, bermakna engineer landscape kita panggil, kita bawa, bayar berapa banyak pun oleh kerana di sinilah kita meluluskan Belanjawan, seharusnya tempat yang menguruskan Belanjawan itu menjadi satu tempat yang amat kita banggakan. Itulah yang saya harap di samping beberapa perkara lain, saya rasa perkara-perkara lain itu telah pun dapat diatasi oleh pihak kepimpinan Dewan Rakyat, pihak Pusat Sumber telah pun berubah, walaupun lebih banyak lagi boleh diperbaiki. Saya harap apa yang saya suarakan ini, Tuan Yang di-Pertua, akan mendapat satu reaksi yang amat positif sekali dari pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.

5.02 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, ini penggal kedua saya menjadi Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini. Jadi saya memberitahu satu mesej kepada kawan saya, Sri Gading, jangan bimbang. Saya tidak pernah lihat satu pun rang undang-undang tidak pernah diluluskan. Jadi kalau perlukan wang banyak untuk membayar insurans kereta jangan bimbang, rang undang-undang ini akan diluluskan. Tetapi kalau saya kata begitu banyak kepahitan yang saya telah dengar kalau saya challenge supaya kerajaan Barisan Nasional

mengarahkan semua Ahli Parlimen declare assets, saya rasa tidak akan ada siapa daripada kalangan Ahli Parlimen akan menyahut cabaran ini.

Saya rasa kalau kita mengadakan satu pungutan pendapat di kalangan rakyat, saya rasa majoriti di kalangan orang ramai tidak akan menyokong dengan apa yang akan kita buat di Parlimen ini walaupun saya sebagai seorang ahli politik yang telah menjadi sepenuh masa semenjak tahun 1986 saya faham dan boleh terima kenaikan ini. Ini adalah oleh kerana persepsi rakyat terhadap Ahli Parlimen ialah bahawa kita ini adalah orang yang kaya terutama sekali pandangan mereka terhadap Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Oleh kerana walaupun telah begitu banyak diperkatakan, kita lihat kereta-kereta yang ada di luar. Saya bawa Proton Wira, ada orang bawa Mercedes begitu cantik, cakap di sini tidak ada wang. Ini rakyat tidak akan percaya. Ini yang pertama.

Yang kedua, saya selalu baca dalam surat khabar, bukan sahaja begitu banyak peruntukan yang boleh diberikan oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional, ini rakyat tidak faham peruntukan ini, kadang-kadang dia ingat wang sendiri. Lagipun ada begitu ramai juga Ahli Parlimen yang membuat dermaan, kadang-kadang RM5 ribu kepada begitu banyak persatuan, itu bukan peruntukan, itu derma. Jadi rakyat sudah keliru di manakah datangnya wang ini sekiranya mereka boleh dapat begitu banyak dermaan. Adakah mereka juga dapat wang untuk kocek sendiri?

Jadi, saya rasa kalau begitu banyak telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Parlimen kita bahawa kita memang memerlukan kenaikan yang begitu tinggi lagi, apakah sebabnya kerajaan enggan berbuat demikian. Oleh kerana memang persepsi rakyat juga bahawa begitu ramai menteri tidak perlukan gaji mereka, mereka ada caranya untuk mendapatkan wang yang diperlukan sama ada untuk perbelanjaan pejabat ataupun untuk dermaan. Saya tahu ada menteri yang pergi mesyuarat, hotel bills pick up by other companies. Saya tahu ada wakil rakyat, kereta pun bukan kereta sendiri, dibayar oleh syarikat swasta. Jadi inilah masalah dia walaupun kerajaan cakap ini semua banyak tetapi, apa ini?

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan keliru antara wakil rakyat biasa dengan anggota pentadbir. Yang Yang Berhormat kata, wakil

rakyat biasa mengikut undang-undang tidak dihalang untuk melibatkan diri di dalam mana-mana berniaga *public listed*, jadi pengarah dan sebagainya. Sebab itu kalau Yang Berhormat nyatakan tadi, ada ahli Parlimen yang diambil oleh korporat, itu memang betul. Tetapi kalau sudah menjadi anggota pentadbir macam saya, Setiausaha Parlimen, saya hendak jadi *lawyer* pun sudah tidak boleh, saya kena berhenti.

Tetapi bila kata kereta besar kena tengok juga, sebelum dia menjadi ahli Parlimen, apa kerjanya. Jadi, Yang Berhormat pun setuju macam kata Parit Sulong, pembangkang ini janganlah tangkap borong semua. Jadi, biar lebih spesifik bila bercakap. Hendak kita sedekah, hendak kita bagi, ahli Parlimen bagi Sik, dia pun baik hati juga, semua elaun ahli Parlimen dia sedekah kepada rakyat, pun kita tidak persoalkan. Apa salahnya kalau ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional hendak derma gaji, elaunnya kepada rakyat. Jadi, Yang Berhormat kena statement itu jangan terlampau tangkap borong. *[Disampuk]* Kalau hendak *world class*lah.

Tuan Kerk Kim Hock: Itulah, saya rasa

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, mintalah bercakap berkenaan dengan undang-undang, jadi kalau bercakap benda yang lain, pada fikiran saya tidak memberi apa-apa faedah kepada sesiapa pun.

Tuan Kerk Kim Hock: Tadi, semua pun bercakap dengan peranan ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, tadi kita sudah dengar ...

Tuan Kerk Kim Hock: Peranan, tadi saya tumpukan kepada peranan juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berucaplah di atas Rang Undang-undang.

Tuan Kerk Kim Hock: Tadi saya rasa Yang Berhormat dari Tanjong Karang kurang faham apa yang saya cakapkan. Tetapi persepsi yang kedua adalah oleh kerana prestasi dan imej ahli Parlimen. Walaupun apa boleh dikatakan oleh ahli-ahli Parlimen di kalangan Barisan Nasional tetapi bagi kita dari DAP, kita memainkan peranan kita berselaras dengan empat fungsi Parlimen, iaitu dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, empat fungsi Parlimen ialah:

(i) *the debate of policy;*

- (ii) *the passing of legislation;*
- (iii) *the control of finance;* dan
- (iv) *the redress of grievances.*

Inilah peranan kita, dan kita mainkan peranan kita.

Sebenarnya perkataan asal *Parliamentarian* itu bermakna *to speak*. "*Parle*" *is to speak*. Saya ada membaca di dalam sebuah buku bahawa *Winston Churchill* pernah berkata bahawa *I'm paid to oppose*, jadi peranan kita adalah sebagai pembangkang, kita sanggup dan bersedia membangkang apa yang tidak betul. Dan, ini adalah memang peranan kita dan saya harap bahawa wakil-wakil rakyat daripada kalangan Barisan Nasional akan faham apabila kita menjalankan tugas kita.

Saya ingin mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, melahirkan perasaan Yang Berhormat bagi Batu Gajah bahawa walaupun beliau begitu bangga menjadi wakil rakyat Malaysia tetapi beliau sentiasa mengadu kepada kita bahawa beliau begitu kecewa dengan kelakuan beberapa orang ahli Parlimen yang sentiasa mengusik sehingga beliau menganggap ini adalah usikan yang bertujuan menghina ahli Parlimen perempuan.

Jadi, saya harap – DAP telah berbincang, kita harap ini tidak akan berlaku bahawa sekiranya berlaku lagi ada ahli Parlimen di kalangan sana terutama sekali Ipoh Barat yang membuat bunyi kucing, *meow*, bila beliau berucap, kita akan mengadakan protes yang begitu keras sekali. Jadi, saya haraplah, jangan lagi kita turunkan mutu imej ahli Parlimen. Seperti saya telah pernah bawa usul potong gaji RM10, ada orang kata ini semua buang masa, sehingga penulis *column* pun percaya dan saya dapat baca dalam surat khabar ini bahawa kita ini ahli Parlimen, semua buang masa untuk membahaskan satu usul berkenaan RM10 sahaja. Dan, saya rasa ini tidak betullah. Kita semua bertanggungjawab, telah menjatuhkan imej ahli Parlimen. Sebenarnya kalau kita baca, apa yang dilaporkan di dalam surat khabar hari ini, *Berita Harian - Lesen Terbang 50% pegawai JPJ disyaki terbabat*. Jadi, ini adalah suatu perkara yang serius sekali. Ini hampir 50% pegawai terlibat di dalam kes rasuah. Bukankah ini satu perkara yang besar, di mana saya bertanggungjawab untuk membawa satu usul yang baik untuk menunjukkan bahawa ini adalah perkara yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada – saya tahu di bawah seksyen 6(5) yang berbunyi, “*Anggota pentadbiran adalah juga hendak mendapat apa-apa elaun dan keistimewaan lain mengikut apa-apa kadar dan atas apa-apa hak dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Jemaah Menteri dari masa ke semasa*”. Jadi, saya perlukan satu penjelasan daripada kerajaan, sama ada apa yang saya dengar itu betul atau tidak. Kalau kita ikut Jadual Pertama seksyen 4 - *Ganjaran Ahli Parlimen atau anggota pentadbiran akan dikira dengan formula ini, iaitu $1/48 \times \text{gaji} \times 12 \times \text{tempoh perkhidmatan}$ yang boleh dimasuk kira tidak melebihi 72 bulan, iaitu ia ada satu had maksimum*. Adakah betul bahawa Jemaah Menteri telah membuat satu keputusan supaya ganjaran yang diberikan kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, ia ada had tempohnya, iaitu kalau kita menggunakan formula yang baru itu, ini bermakna bahawa Jemaah Menteri telah melanggar Akta ini. Oleh kerana ini memangnya ada di dalam Akta dan Jemaah Menteri tidak berkuasa untuk membuat demikian.

Dan, yang kedua, apakah asasnya dan sebabnya Jemaah Menteri telah membuat demikian, kalau ia membuat demikian apakah sebabnya, asas yang sama ini tidak digunakan di tiaptiap kes lain seperti ganjaran untuk ahli Parlimen dan juga ganjaran atau gratuiti untuk pegawai-pegawai kerajaan. Dan, ini adalah satu perkara besar, oleh kerana kalau kita ikut formula yang lama itu, bagi seorang menteri macam Menteri Pengangkutan, kalau ikut formula lama, beliau akan mendapat ganjaran sebanyak RM221,760 tetapi kalau ikut formula yang baru, beliau telah berkhidmat, kita ambil selama 14 tahun, beliau akan dapat RM517,440, jadi ini adalah satu angka yang besar. Itu tidak apa, kalau itu betul-betul mengikut undang-undang, kita boleh terima, sama ada rakyat terima itu perkara lain.

Kalau kita ikut formula ini ganjaran untuk Perdana Menteri, kalau ikut gaji baru dan formula lama, Perdana Menteri harus dapat RM339,570. Kalau ikut formula baru dan kita ambil kira tempoh perkhidmatan beliau selama 18 tahun, Perdana Menteri kita akan dapat, kalau ikut formula baru, gaji baru, RM1,018,710. Kalau ini telah dibuat secara senyap-senyap, saya rasa ini adalah satu perkara yang besar sekali. Jadi saya minta penjelasan, sama ada betul atau tidak. Dan, kalau betul saya rasa ini telah melanggar undang-undang kita, oleh kerana Jadual – ini memang adalah Jadual

kepada Akta Saraan dan mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh bagi nasihat, kalau kita hendak pinda, Jadual pun kita pinda. Ganjaran ini, kiraan ganjaran untuk anggota pentadbiran memang ada dalam Jadual Pertama. Jadi, saya rasa kalau ini benar, saya akan kata bahawa Jemaah Menteri telah melanggar undang-undang dan telah *exceeded its authority*, dengan membuat keputusan demikian Itu yang pertama.

Yang kedua, logik itu, asas itu yang digunakan tidak betul dan ini tidak transparent. Kalau kita hendak ubah apa sahaja, kena apply kepada semua kes bukan sahaja untuk anggota pentadbiran sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan ambil masa yang panjang, cuma satu perkara.....

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh saya tanya satu, Tuan Yang di-Pertua. Saya mungkin tidak sempat hari ini. Tuan Yang di-Pertua, setuju atau tidak kalau saya mencadangkan supaya elaun Ahli Parlimen, Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri, Menteri naik 100%. Tetapi dengan naik elaun 100% dengan syarat Badan Pencegah Rasuah diletak di bawah Parlimen dan kita berazam dalam masa 2 tahun indeks rasuah di negara kita naik ke 9.0, bukan 4.8. Jadi, kita naikkan elaun, tetapi Badan Pencegah Rasuah betul-betul berfungsi di bawah Parlimen sehingga *Standard International (SI)* ukur rasuah di negara kita sampai 9.0 ke atas. Kalau itu boleh buat, boleh naik 100% elaun, kalau tidak boleh buat yang itu, baik kita potong elaun lagi pun tidak apa. Setuju atau tidak?

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tidak dengar bahagian yang pertama, itu 100% ...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah jawablah, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak, saya tidak dengar bahagian pertama itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tak apalah. Itu dia nampaknya ...Cukuplah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Elaun naik 100%, kepada semua menteri, wakil rakyat kita semua ini. Tetapi Badan Pencegah Rasuah mesti dibebaskan, diletak di bawah Parlimen dan indeks rasuah diukur oleh Standard Antarabangsa, 9.0 ke atas, bukan sekarang 4.8 Ertinya kalau indeks rasuah begini dalam negara kita, lebih baik kita potong elaun wakil rakyat daripada menaikkan. Setuju atau tidak pandangan saya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cadangan itu tak boleh masuk dalam rang undang-undang ini pun. *[Ketawa]*

Tuan Kerk Kim Hock: Itu soal politik. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak ada masa, kalau boleh hendak habiskan hari ini, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit sahaja. Saya harap Yang Berhormat bagi Kota Melaka tak payah jawablah Kuala Kedah punya soalan, kerana soalan itu soalan politik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat dalam dua minit lagi, mintalah bagi habis.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya sebenarnya sudah mahu gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Kemaman, saya hendak bagi dalam lima minit.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okay.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu saya minta Menteri menjawab.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya cuma akhiri ucapan saya. Saya harap Tuan Yang di-Pertua juga akan ambil perhatian apa yang saya kata berkenaan dengan perasaan Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan juga sebenarnya bagi Seputeh. Ini adalah perkara yang disifatkan serius dan saya harap ia tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya haraplah apa yang mereka kata kepada Batu Gajah itu bukanlah sebagai sungguh-sungguh, hanya hendak suka-suka sahaja, saya haraplah begitu, bukanlah satu perkara yang mengejek-ejek yang sungguh-sungguh. Kemaman, saya bagi dalam masa tujuh minit, Yang Berhormat.

5.17 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi untuk membahas Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2000. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas perlantikan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen. Tanggungjawab dan amanah yang dipikul oleh Ahli Parlimen amatlah berat kerana segala keputusan yang dibuat dalam Dewan ini akan mempunyai implikasi yang mendalam terhadap hala

tuju dan arah negara yang bukan sahaja melibatkan generasi sekarang tetapi juga generasi akan datang. Ada di kalangan Ahli Parlimen yang dilantik menjawat jawatan menteri dan mempunyai kuasa untuk mengolah polisi-polisi dan membuat dasar-dasar dan meluluskan transaksi-transaksi tertentu.

Di sini saya ingin menyatakan bahawa seorang Ahli Parlimen yang dilantik menjadi Menteri Kewangan iaitu Ahli Parlimen Merbok telah terlibat secara peribadi dalam *restructuring exercise*, dengan izin, Malaysian Plantation Berhad yang mungkin melibatkan penyalahgunaan kuasa, rasuah dan penyelewengan sebagai Menteri Kewangan. Malaysia Plantation Berhad akan mengadakan Extraordinary general Meeting pada 14 Disember 2000 yang akan meluluskan *restructuring exercise* ini melalui notis yang dikeluarkan bertarikh 27 November 2000 yang dinasihati oleh Commerce International Merchant Bankers.

Apa yang menjadi tanda tanya di dalam *restructuring exercise* ini ialah penglibatan Ahli Parlimen Merbok dalam penjualan seratus peratus saham International Bank of Malaysia Berhad kepada Multi-Purpose Bank yang menjadi anak syarikat kepada Malaysian Plantation Berhad melalui kaedah pengeluaran saham baru Malaysian Plantation Berhad kepada pemegang saham International Bank Berhad, iaitu Langkah Bahagia Sdn. Bhd. dan Malaysian British Assurance. Melalui kaedah ini Langkah Bahagia Sdn. Bhd. akan menjadi substantial shareholder, dan dengan izin, Malaysian Plantation Berhad setelah selesai pembelian International Bank of Malaysia oleh Multi-Purpose Bank.

Kedua, pembelian seratus peratus saham Bolton Finance Berhad oleh Multi-Purpose Bank yang mana salah satu pemegang sahamnya ialah Syarikat Maluri Sdn. Bhd. yang mana pemegang sahamnya terdiri daripada Daim Sdn. Bhd., Asmida Abdul Daim, Haslinda Abdul Daim, Toh Puan Mahani Idris, Dazar Holdings Sdn. Bhd. dan sebagainya. Pembelian Bolton Finance Berhad oleh Multi-Purpose Bank melibatkan pertukaran saham Malaysian Plantation Berhad kepada pemegang saham Bolton Finance Berhad dan ini melibatkan Syarikat Maluri Sdn. Bhd. yang akan menjadi pemegang saham Malaysian Plantation Berhad setelah selesai transaksi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah sangkut dengan rang undang-undang sekarang.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sekejap, nanti ada sangkut....

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tak sangkut itu.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: ...yang mana Ahli Parlimen Merbok yang menjadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tak sangkut itu.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Ada, mengenai elaun.

Tuan Yang di-Pertua: Tak bersangkut Yang Berhormat. Kita berbincang berkenaan dengan akta meminda saraan, berkenaan dengan penjualan syer-syer pun tak sangkut.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Kerana yang diluluskan oleh beliau sebagai Ahli Parlimen yang menjawat jawatan Menteri Kewangan...

Tuan Yang di-Pertua: Yalah.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: ...meluluskan transaksi yang melibatkan kepentingan peribadi.

Tuan Yang di-Pertua: Tak bersangkut Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh berucap dalam masa lain mengenai perkara itu, bukan perkara ini.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tidak. Pasal dia Ahli Parlimen dan dia menggunakan kuasa dia sebagai Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kesemua Ahli Parlimen boleh berucap, apa yang menjadi *subject matter*, perkara yang menjadi *subject* ialah berkenaan dengan kenaikan saraan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Prestasi dia sebagai Menteri Kewangan. Maknanya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat duduk dahululah. Tak apalah. Minta Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Menyampuk]*

5.20 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang

telah melibatkan diri di dalam perbincangan pemindaan usul pembentangan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2000.

Untuk menjawab pandangan ataupun soalan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi dalam konteks kita sebagai Ahli Parlimen yang pentingnya kita berkhidmat kepada negara, bangsa dan agama. Memanglah kalau kita menengok kenaikan elaun ini adalah begitu kecil tetapi kita kenalah pada bulan yang baik ini bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana kita sedikit-sebanyak mendapat imbuhan ini. Saya rasa sudah tentu di masa-masa depan kerajaan akan mengkaji balik dan apabila sampai masanya sudah tentu akan dinaikkan balik.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak dinaikkan lagi, Yang Berhormat, bukan 'balik'.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Akan dinaikkan gaji.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh. Terima kasih. Saya pun bersyukur juga dengan pemberian 10%, tetapi apa yang menjadi masalah kesyukuran kita ini kalau hendak pergi ke Dewan daripada hotel, naik teksi RM10.00. Kadang-kadang nasib baik kot yang kita pakai dalam Parlimen warna hitam, kalau yang putih sudah habis kerana teksi-teksi yang kurang bersih. Jadi, kalau kita gunakan lambang itu, Ahli Kaunselor Majlis dapat pengecualian simpan kereta, tetapi lambang Ahli Parlimen pun tak dapat, tak guna langsung itu. Hendak tarik pun boleh. Satu lagi bila naik feri, kalau mengikut undang-undangnya disebut keutamaan masuk ke feri. Undang-undang sebut Ahli Parlimen, tetapi masalahnya semua feri sudah *diprivatised*, orang lain yang masuk dahulu. [Ketawa] Undang-undang Ahli Parlimen sudah tak pakai lagi kerana feri bukan dijalankan oleh pihak kerajaan lagi tetapi oleh pihak swasta.

Jadi, kalau kita lihat - saya selalu naik kapal terbang daripada Kuching ke Kuala Lumpur bersama dengan pegawai-pegawai bukannya berpangkat tinggi sangat, yang polis mungkin pangkat Inspektor ataupun ASP dan sebagainya datang untuk menjalankan tugas kerajaan di sini. Pegawai-pegawai kerajaan mungkin pangkat kelas A dan sebagainya. Dia datang kereta kerajaan yang tunggu dia, jemput datang dan balik ke pejabat. Tetapi Ahli Parlimen terpaksa *queue* tunggu ambil tiket, beli tiket teksi limousine. Limousine pun tak boleh yang premium, mesti kena yang ekonomi

punya. Bila Ahli Parlimen pakai lencana ini, orang tanya "yang mana satu Yang Berhormat, yang premium atau yang ekonomi." Kecil suara "ekonomi" [*Ketawa*] sebab rasa kehormatan dengan nama Ahli Parlimen, jangan orang kiri kanan dengar.

Jadi, Yang Berhormat Mulia Tengku, bila kes macam ini dapatkah cadangan kerajaan supaya Ahli Parlimen ini gunakan benda-benda yang baik sedikit sebagaimana Yang Berhormat bagi Parit Sulong dan Yang Berhormat bagi Sri Gading sebut. Mereka itu politicize semua argument, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah ya, boleh kiralah. [*Ketawa*]

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Insyallah, rasa saya kita akan mengambil perhatian perkara itu. Jadi, saya hendak menjawab balik apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Parit Buntar tadi, saya rasa banyak yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat tadi tidak ada kait mengaitnya dengan apa yang kita perlu membahaskan pada hari ini dan meluluskan pindaan ini pada hari ini.

Berkaitan dengan soal *arrogant* iaitu persediaan dan mengadakan beberapa tuntutan lain dari segi persiapan kepada Ahli-ahli Parlimen, rasa saya segala tuntutan itu boleh dikatakan banyak, rasa saya tunggulah 2004 kalaulah diberi kepercayaan oleh rakyat, kemungkinan di antara saudara-saudara sekalian Ahli Yang Berhormat itu yang duduk di sebelah sini nanti buatlah keputusan yang sewajarnya pada ketika itu.

Jadi, untuk menjawab Yang Berhormat daripada Parit Sulong, saya bersimpati dan bersetuju di atas cadangan-cadangan Yang Berhormat itu, yang mana rasa saya kalau hendak dibandingkan Ahli-ahli Parlimen kita dengan negara-negara lain rasa saya perbezaan begitu jauh dan kita duduk di tempat yang rasa saya rendah. Dan kita akan mengambil perhatian ini dan rasa saya dengan secara tidak langsungnya juga kita telah pernah berbincang perkara-perkara ini yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan kepada Timbalan Speaker Dewan Rakyat, tidak silap saya kita telah membuat satu kajian dan pihak agensi pusat pun telah mengadakan perbincangan

untuk mewujudkan kembali kemudahan dan keistimewaan kepada Timbalan-timbalan Speaker Dewan Rakyat dan Dewan Negara seperti mana yang pernah diberi mengikut Kertas Statut 102 Tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan bangun Yang Berhormat. Ya.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Dato' Timbalan Menteri, kalau bolehlah bagi pihak kerajaan, jangan mengambil kira bahawa ini akan diambil perhatian, kalau boleh beri keyakinan kepada Parlimen bahawa kerajaan akan memastikan bahawa perubahan akan dilakukan. Kerana kita sudah berapa puluh tahun ini berada dalam keadaan begini, lainlah pembangkang, dia tidak cakap apa, tetapi kalau kita dapat dia ikut juga, kalau betul-betul pembangkang betul-betul ikhlas – okay, pembangkang apa dapat sana naik, kami tak mahu naik. Boleh! *[Ketawa]* Kerana mereka tak nampak satu pun ada persetujuan tetapi dapat, mereka beraya juga sama-sama.

Jadi, tolonglah Timbalan Menteri, tolong pastikan bahawa perkara ini akan diberi susulan yang sebaik-baik mungkin untuk perhatian kerajaan dan beri kita keyakinan bahawa perkara ini akan selesai. Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Pembangkang mahu 100%.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri memakan masa panjang lagikah hendak menjawab? Jikalau dalam 15 minit, boleh sambung dalam 15 minit mengikut kuasa saya.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh habiskan berapa minit? Sepuluh minit boleh atau tidak? Boleh!

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya cubalah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, sila. Saya panjangkan mesyuarat sehingga 15 minit lagi mengikut Peraturan Mesyuarat 12(3). Sila.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih. Yang Berhormat Kinabatangan rasa saya, saya memang kalau seboleh-bolehnya hendak meyakinkan semua Ahli Parlimen bahawasanya kita kerajaan akan melakukan sesuatu untuk memuaskan hati semua Ahli Parlimen di sini, tetapi saya juga perlu merujuk

perkara ini kepada pihak atasan ataupun menteri saya. Jadi, saya hendak teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Berkaitan dengan Parit Sulong tadi, untuk menjawab beberapa cadangan, rasa saya kebanyakannya boleh dikatakan cadangan-cadangan itu adalah untuk kepentingan semua Ahli Parlimen di sini dan saya rasa ini akan saya majukan untuk mendapat perhatian yang sewajarnya.

Kota Melaka tadi, berkaitan dengan deklarasi aset, kalau tidak silap saya semua menteri dan juga timbalan-timbalan menteri, setiausaha parlimen memang diminta untuk membuat satu deklarasi aset kepada pihak yang tertentu.

Tadi Yang Berhormat Kota Melaka juga membangkitkan dari segi peruntukan seksyen 5 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, untuk mendapatkan Ahli Parlimen lain-lain elaun dan kemudahan, adakah benar seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi, ganjaran anggota pentadbiran telah dipinda kepada ganjaran tanpa had, apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat tadi. Perkara yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat tadi tidak melibatkan pindaan kepada rang undang-undang yang sedang kita bentangkan pada hari ini. Tidak ada kait mengait dengan rang undang-undang yang kita bentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang minta jalan, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kemungkinan tidak ada kaitan langsung tetapi itu satu perkara yang mustahak, jadi sama ada Jemaah Menteri memang telah membuat satu keputusan untuk meminda supaya ganjaran dikira mengikut formula baru di mana tempoh perkhidmatannya bukan tidak boleh melebihi 72 bulan tetapi tempoh perkhidmatan yang sebenarnya akan diambil kira. Sama ada itu memang ada satu peraturan telah dibuat atau tidak, itu sahaja yang saya mahu tahu. Ada atau tidak Jemaah Menteri membuat pindaan.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Yang Berhormat, rasa saya kalau perkara itu tidak ada kena mengena dengan apa yang telah kita bentangkan pada hari ini, kemungkinannya kalau boleh dikemukakan di masa-masa yang lain.

Fasal ini memang tidak ada kaitan dengan apa yang telah kita bentangkan pada hari ini.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tahu, tetapi boleh jawab sama ada ada atau tidak dibuat. Saya cuma hendak tahu sama ada

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya tidak dapat memberikan jawapan itu di sini pada hari ini.

Tuan Kerk Kim Hock: Oh, kemungkinan Yang Berhormat tidak sedarkah hari ini, cuma jawab tidak ada kaitan atau tidak sedar atau tidak tahu, tak apalah cakap yang benar, saya tidak mahu gaduh ini.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya tidak dapat kerana perkara itu tidak berkaitan dengan apa yang saya bentangkan.

Tuan Kerk Kim Hock: You tidak mahu jawab oleh kerana tidak berkaitan, bukan kata tak tahulah, sama ada satu keputusan telah dibuat, sebab kalau ini cara jawab

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tidak ada dalam pengetahuan saya berkaitan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Sila teruskan ya Yang Berhormat.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya, ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Kerana tidak ada kaitan, bukan kerana sama ada

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tidak ada kaitan. Tidak ada kaitan ya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Apa yang saya jawab tadi Yang Berhormat, tidak ada kaitan dengan apa yang Yang Berhormat

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat, ya, teruskan jawapan.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan jawapan ya.

Tuan Jawah anak Gerang : Minta laluan. Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri! Ya, dia tidak beri dah.

Tuan Jawah anak Gerang: Saya hendak tanya berkenaan dengan

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri dah, jangan tanyalah. Dia tidak beri ya. Ya, sila, sila terus menjawab Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ya, sila.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih, Tun. Jadi, banyak apa yang telah dibangkit pada hari ini adalah cadangan, macam apa yang saya mengatakan tadi akan kita mengambil perhatian dan kerajaan akan mengkaji. Mana perkara-perkara yang tidak dapat saya jawab pada hari ini, tidak sempat jawab akan dijawabkan secara bertulis dan akan diambil perhatian.

Tun, saya rasa itu sahajalah. Saya mengucapkan ribuan terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang.

Oktober 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- " Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- " Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- " Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- " Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk TanChai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- ” Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Yang Berhormat Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)

- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Bung Mokhtar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)

- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- Yang Berhormat Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail

DR.7.12.2000

146

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Jilid II

Bil. 79

Khamis

7 Disember 2000

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNADANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 24)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000

(Halaman 24)

Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2000

(Halaman 84)